

.PS

•«'



# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian**

**13 JUN 2011 HINGGA 28 JUN 2011 SOALAN NO: 1 HINGGA SO  
ALAN NO: 118**

**NO SOALAN :1**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
(PUTATAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) jumlah rumah, sasaran SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) bagi memastikan semua rakyat memiliki rumah menjelang tahun 2020; dan
- (b) pendekatan positif yang telah diambil bagi memastikan pelan "setinggan sifar" diseluruh negara dapat dicapai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab dalam menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti untuk semua rakyat terutama golongan berpendapatan rendah menjelang tahun 2020. Antaranya adalah Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Dalam mencapai matlamat tersebut, SPNB telah melaksanakan dua skim perumahan iaitu Rumah Mampu Milik (RMM) bagi golongan berpendapatan

rendah dan program Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah.

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1997, jumlah keseluruhan unit RMM yang dilaksanakan oleh SPNB di seluruh negara adalah sebanyak 36,838 unit. Daripada jumlah tersebut, SPNB telah berjaya menyiapkan sebanyak 13,716 unit dan baki sebanyak 23,122 unit rumah lagi masih di dalam pembinaan. Pada masa ini, SPNB mempunyai 72 projek yang masih di peringkat perancangan di mana SPNB mensasarkan 72,638 unit rumah dan kedai akan dibina.

Manakala bagi RMR pula, SPNB telah meluluskan 18,577 permohonan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 15,385 unit RMR telah berjaya disiapkan dari tahun 2002 hingga Mei 2011. SPNB mensasarkan untuk membina 25,000 unit rumah di bawah program RMR sehingga tahun 2020.

Walau bagaimanapun, sasaran pembinaan rumah bagi program RMM dan RMR ini akan dilaksanakan bergantung kepada permintaan dan sumber pembiayaan oleh SPNB.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB tidak terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan pelan "setinggan sifar" di seluruh negara. Walau bagaimanapun, SPNB telah mengambil pendekatan yang positif bagi memastikan golongan berpendapatan rendah terutama golongan setinggan dapat memiliki rumah berkualiti dan selesa di mana daripada 13,716 unit RMM yang telah disiapkan oleh SPNB, sebanyak 4,989 unit rumah kos rendah dan 2,869 unit rumah kos sederhana rendah di seluruh negara telah disediakan untuk dimiliki oleh golongan ini.

SPNB turut terlibat membantu Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2004 untuk mengatasi masalah setinggan seperti Projek Taman Medan yang melibatkan 1,528 unit rumah. Selain itu, SPNB juga mengambil bahagian di dalam pelaksanaan projek membina 150 unit RMM untuk setinggan yang

terlibat dalam pembinaan jalan lingkaran tengah bandar Seremban, di Kampung Abok, Rahang, Negeri Sembilan. Dengan langkah-langkah yang telah diambil dan dengan kerjasama semua pihak, masalah setinggan dan objektif penubuhan SPNB dalam memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri yang sempurna dan selesa mungkin dapat dicapai.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

BERTULIS

SOALAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan:

- a) tindakan dan pendekatan positif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan semua tanah - tanah terbiar di negara ini dapat diusahakan; dan
- b) peranan yang dimainkan oleh Kementerian dalam memastikan pelan tindakan tanah negara berjalan secara efektif dan berkesan menjelang 2020.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian sentiasa mengambil pendekatan positif bagi memastikan semua tanah - tanah terbiar di negara ini dapat diusahakan. Antaranya adalah:

- i. Mengenal pasti dan mengumpul maklumat tanah terbiar milik individu di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Maklumat ini dipaparkan di laman web Jabatan Pertanian untuk pengetahuan pihak-pihak yang berminat menyewa tanah tersebut bagi tujuan pertanian;

- ii. Melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Terbiar bermula pada Rancangan Malaysia Ke-9 dan projek ini diteruskan dalam RMK - 10; dan
- iii. Menyediakan pembangunan infrastruktur ladang seperti pembersihan

kawasan, jalan ladang, sistem saliran dan sistem pengairan serta insentif amalan teknologi dengan jumlah maksimum RM20,000/hektar

b) Pelan tindakan tanah negara digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang disediakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi tempoh sehingga tahun 2020. Antara peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan RFN dilaksanakan secara efektif dan berkesan menjelang tahun 2020 adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti dan memastikan Kawasan Kekal Agromakanan sebagai Kawasan Pertanian Utama (KPU) di bawah RFN diwujudkan melalui kerjasama dengan Kerajaan negeri untuk mewartakan atau mengezonkan KPU tersebut;
- ii. Memastikan lapan (8) kawasan jelapang padi strategik yang dikenal pasti di bawah RFN iaitu Muda (MADA), Kemubu (KADA), IADP Kerian-Sungai Manik, IADP Barat Laut Selangor, IADP Pulau Pinang, IADP Seberang Perak, IADP Terengganu Utara (KETARA) dan IADP Kemasin-Semerak dipelihara dan dikekalkan untuk tujuan pengeluaran makanan; dan
- iii. Meningkatkan produktiviti tanah melalui peningkatan infrastruktur pengairan & saliran dan penggunaan tanah yang mampan dengan mengamalkan kaedah amalan baik pertanian yang meliputi aspek penggunaan input-input seperti baja, benih yang berkualiti serta teknologi yang sesuai supaya pengeluaran pertanian dapat ditingkatkan.

Peranan Kementerian dalam memastikan pencapaian RFN adalah sejajar dengan objektif Kementerian untuk meningkatkan dan menjamin pengeluaran makanan berdasarkan Dasar Agromakanan Negara.

NO. SOALAN: 3

PERTANYAAN  
DARI PAD A

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN BUKAN LISAN  
Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta  
PERDANA MENTERI

menyatakan apakah agenda utama Kerajaan dalam memacu negara menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

#### JAWAPAN

Dalam mencapai matlamat ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, pembangunan modal insan, kreativiti dan inovasi seperti digariskan dalam Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Melalui MBE, ekonomi akan ditransformasikan ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti dengan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan inovasi. Pada masa yang sama, sektor awam bertindak sebagai pemudah cara. Sasaran pertumbuhan RMKe-10 juga akan disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya daripada pelaburan swasta yang lebih dinamik. Ke arah ini, prosedur dan proses yang boleh melambatkan aktiviti ekonomi akan dipinda supaya lebih mesra pasaran. Selain itu, ke arah menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, sumber, bakat, teknologi dan inovasi sektor swasta perlu digerak supaya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang lebih berkesan. Tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan produktiviti terutamanya menerusi usaha meningkatkan kemahiran, membangunkan kluster perindustrian, menumpukan kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti nilai ditambah tinggi serta meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kerajaan juga telah memperkenalkan ETP dan mengenalpasti dua belas Aktiviti Utama Ekonomi Nasional (NKEA), iaitu minyak dan gas; minyak sawit dan produk

berkaitan; perkhidmatan kewangan; pemberongan dan peruncitan; pelancongan; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); perkhidmatan pendidikan; elektrik dan elektronik; perkhidmatan perniagaan; penjagaan kesihatan swasta; pertanian; dan Greater Kuala Lumpur. Sehingga kini YAB Perdana Menteri telah mengumumkan 87 buah projek di bawah ETP sejak dilancarkan pada Oktober 2010. Pembabitan 87 buah projek yang bernilai RM170.3 bilion dijangka mampu menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) bernilai RM220.2 bilion dan mewujudkan lebih 362 ribu peluang pekerjaan baru. Antara projek yang kini sedang berjalan termasuklah Kuala Lumpur *Mass Rapid Transit* (MRT) dan *River of Life* iaitu program pembersihan dan pengindahan Sungai Klang.

GTP pula diperkenalkan sejak tahun 2009/2010 untuk mentransformasikan Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat. Ia turut berfungsi untuk memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan taraf hidup yang tinggi sekaligus mencapai status negara maju pada tahun 2020. Enam Bidang Keberhasilan Nasional (NKRA) telah dikenalpasti bagi menangani isu-isu sosioekonomi seperti jenayah, rasuah, pendidikan, taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, prasarana luar bandar dan pengangkutan awam. Pada hakikatnya isu-isu sosial tidak diabaikan di samping penekanan diberi terhadap pembangunan ekonomi untuk memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik.

Semua projek bagi menggerakkan MBE, ETP dan GTP telah diterjemah dan dilaksanakan dalam RMKe-10. Melalui RMKe-10, projek-projek telah diatur menepati keseluruhan inisiatif dan perkara yang menjadi keutamaan di dalam model dan program-program berkenaan. Selain itu, di bawah RMKe-10, penyediaan template telah diperkenalkan bagi setiap pelan tindakan yang mengandungi kayu pengukur utama (KPI), *outcome* yang hendak dicapai, tempoh pelaksanaan dan agensi pelaksana bagi memudahkan pelaksanaan dan pemantauan.

Justeru, Kerajaan percaya dengan usaha gigih dan penglibatan semua pihak, Malaysia mampu mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan anggaran pendapatan per kapita negara sekurang-kurangnya AS\$15,100 menjelang tahun 2020.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan

**PERTANYAAN BUKAN LISAN**

Daripada

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]

Soalan

Datuk Dr. Marcus Mojigoh No. 4 [ Putatan ] minta MENTERI  
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan :

- (a) jenis komoditi yang boleh diusahakan oleh mereka yang bertanah saiz kecil, sebagai aktiviti ekonomi mereka dan jenis bantuan yang diberikan;  
dan
- (b) berapakah jumlah sumbangan komoditi golongan ini dan pendekatan dan rancangan inovatif jangka panjang bagi golongan ini.

**JAWAPAN**

Tanaman komoditi seperti sawit, getah, koko dan lada sesuai di tanam secara berskala besar ataupun kecil. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada objektif penanaman pemilik tanah berkenaan sama ada menceburkan diri dalam tanaman komoditi ini sebagai sumber pendapatan utama atau pendapatan sampingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap komoditi mempunyai saiz keluasan minimum bagi membolehkan seorang pekebun kecil memperolehi pendapatan yang menguntungkan. Sebagai contoh, berdasarkan harga semasa serta kos-kos pengeluaran yang terlibat

seperti anak pokok, baja dan

racun rumpai, tanaman sawit memerlukan sekurang-kurangnya 4 hektar bagi membolehkan seorang pekebun kecil memperolehi pendapatan purata sebanyak RM1.571 sebulan. Bagi tanaman getah pula, seorang pekebun kecil memerlukan kluasan sekurang-kurangnya 2.3 hektar untuk memperolehi pendapatan purata bulanan sebanyak RM 1,506 sebulan sementara tanaman koko memerlukan sekurang-kurangnya 2.5 hektar bagi memperolehi pendapatan purata bulanan sebanyak RM 1,504 dan tanaman lada memerlukan sekurang-kurangnya kluasan setengah hektar bagi memperolehi pendapatan purata bulanan sebanyak RM1,330.45.

Walau bagaimanapun, penanaman tanaman komoditi secara kecil-kecilan boleh juga dijalankan sebagai aktiviti tambahan bagi memperolehi pendapatan sampingan. Jenis komoditi yang sesuai untuk diusahakan di tanah bersaiz kecil adalah tanaman koko dan lada. Ini kerana satu hektar tanah boleh ditanam dengan 1,000 pokok koko atau 2,000 pokok lada.

Bagi individu-individu yang mempunyai tanah bersaiz kecil yang berminat menceburkan diri dalam tanaman komoditi, Kerajaan menyediakan insentif di bawah Program Koko untuk Rakyat (KUR) dan Program Tanaman Lada.

Di bawah program KUR, individu-individu yang berminat untuk menanam pokok koko di sekeliling rumah, Lembaga Koko Malaysia (LKM) membekalkan anak pokok dan khidmat nasihat mengenai penjagaan pokok-pokok yang ditanam. Selain dapat menambahkan sumber pendapatan kepada individu yang berkenaan, program yang dilancarkan pada Ogos 2010 ini juga dapat meningkatkan bekalan biji koko kepada industri pengisaran koko negara. Pada tahun 2010, LKM telah mengagihkan sebanyak 10,301 anak pokok koko kepada 571 peserta

Program KUR di seluruh negara.

Bagi tanaman lada pula, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) menyediakan insentif bernilai sehingga RM18,000 dalam bentuk input pertanian yang merangkumi keratan lada, alat-alat pemprosesan serta khidmat nasihat. Pada tahun 2010, seluas 577.9 hektar kawasan tanaman lada telah dibangunkan yang melibatkan 1,155 orang peserta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) peringkat huluhan dari pekebun kecil getah bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM1,809 juta, pekebun kecil sawit sebanyak RM2,460 juta, koko sebanyak RM28.5 juta manakala bagi tanaman lada sebanyak RM403 juta.

Menyedari akan tingginya sumbangan pekebun kecil ke atas ekonomi negara, Kerajaan akan terus melaksanakan program-program bantuan kepada para pekebun kecil di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Hasrat ini adalah bagi memastikan para pekebun kecil dapat meningkatkan lagi produktiviti mereka dan secara langsung meningkatkan pendapatan.

**SOALANNO: 5**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA:** Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan

- (a) jumlah penganggur di seluruh negara sejak tahun 2005, menurut pecahan kaum dan negeri dan pendekatan Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan

(b) statistik kemahiran (kepakaran) penganggur dan jumlah mereka yang bersara setiap tahun serta rancangan selepas pencen bagi pesara ini.

PR-1242-T43272

JAWAPAN:

a) Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penganggur bagi suku pertama tahun 2011 adalah seramai **381,300** orang atau **3.1%** berbanding jumlah tenaga buruh pada masa ini yang berjumlah **12,576,400** orang. Kadar

pengangguran ini menunjukkan penurunan berbanding dengan 3.4% pada tahun 2010 dan 3.7% pada tahun 2009. Berdasarkan maklumat Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia juga, bilangan penganggur mengikut negeri di Malaysia mulai tahun 2005 hingga suku pertama 2011 adalah seperti di jadual 1.

**Jadual 1: Bilangan penganggur mengikut negeri Malaysia bagi tahun 2005 hingga suku pertama 2011**

Negeri	m		<b>ISS gS</b>				
Johor	42.9	27.7	26.9	29.3	43.7	34.2	23.6
Kedah	25.1	25.6	22.7	27.0	31.1	23.9	30.8
Kelantan	15.4	11.4	13.2	14.5	12.6	16.9	17.0
Melaka	3.4	3.5	6.1	3.2	6.9	3.1	2.9
Negeri Sembilan	13.9	15.8	14.2	12.2	15.7	13.5	13.4
Pahang	18.0	13.9	18.3	15.8	18.6	19.7	18.7
Pulau Pinang	13.4	11.2	14.0	13.4	17.3	16.0	14.6
Perak	27.6	29.6	25.7	33.6	32.2	29.1	25.4
Perlis	2.2	2.4	2.5	2.5	2.8	2.8	2.9
Selangor	62.9	66.8	63.8	67.8*	78.0	65.3	53.5
Terengganu	11.1	13.1	9.7	13.2	15.3	16.7	12.2
Sabah	75.1	70.3	69.2	63.8	76.7	79.1	94.0
Sarawak	39.4	39.7	43.4	51.3	46.8	48.2	49.7
W.P.Kuala Lumpur	16.1	19.5	20.3	18.8	20.2	19.3	22.7
W.P.Labuan	1.7	3.2	1.5	1.9			
Jumlah	<b>368.1</b>	<b>353.6</b>	<b>351.4</b>	<b>368.5</b>	<b>418.0</b>	<b>387.9</b>	<b>381.3</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bilangan penganggur menurut pecahan kaum mulai 2005 hingga suku pertama 2011 adalah seperti di jadual 2.

**Jadual 2: Bilangan penganggur mengikut etnik Malaysia bagi tahun 2005 hingga suku pertama 2011**

Etnik (Ijazah & Diploma)	2005	?2006 >	MWHBB Ht T'2007: <sup>a</sup>	* pC/ ^ * 2008 s	*pitUv £ 2009? i , *		
	('000)						
Bumiputera	257.2	243.3	244.0	241.0	260.4	260.7	73.6
Cina	62.5	59.4	59.0	70.3	110.4	68.7	17.3
India	30.1	31.3	31.4	36.2	40.96	34.1	8.3
Lain-lain	4.0	4.5	3.5	4.5	0.418	5.0	0.7
Warganegara Malaysia	353.8	338.5	337.8	352.1	412.5	368.1	100.0
Bukan Warganegara Malaysia	14.2	15.1	13.6	16.4	5.43	19.8	
Jumlah	<b>368.1</b>	<b>353.6</b>	<b>351.4</b>	<b>368.5</b>	<b>418.0</b>	<b>387.9</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang Di Pertua,

4. Bagi mengatasi masalah pengangguran, Kementerian Sumber Manusia menyediakan program-program bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan memberi kemahiran tambahan kepada penganggur. Program-program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**a. Program Penempatan Pekerjaan(3P)**

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja mengadakan Program 3P bertujuan untuk memudahkan pencari kerja bertemu dengan bakal majikan, dan pengambilan dilakukan serta merta di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan oleh para majikan. Program 3P dilaksanakan dengan menjemput majikan dan penyedia latihan membuka tawaran kekosongan jawatan dan tawaran latihan kemahiran serta membuat temuduga terbuka. Program ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan pencari kerja. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung telah mengadakan sebanyak 178 program 3P pada tahun 2010 manakala pada tahun 2011 JTK merancang untuk mengadakan 109 program 3P. Sehingga sekarang JTK telah mengadakan 74 program dan berjaya membuat penempatan sebanyak 36,807 siswazah.

**b. Temuduga terbuka di JobsMalaysia Centre (JMC) / JobsMalaysia Point (JMP)**

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga bekerjasama dengan majikan untuk membuat temuduga terbuka di 12 Pusat Jobsmalaysia dan 112 Jobsmalaysia Point di seluruh negara. Pusat-pusat ini mengkhususkan perkhidmatan pekerjaan dan bimbingan kerjaya kepada pencari kerja tanpa mengira tahap akademik bagi memastikan pencari kerja mendapat pekerjaan. Pusat-pusat ini juga bekerjasama dengan IPTA/IPTS dalam memberi bimbingan kerjaya melalui ceramah-ceramah kerjaya sebagai membantu bakal graduan di dalam hala tuju kerjaya apabila memasuki pasaran pekerjaan kelak.

**c. Meningkatkan promosi pendaftaran di dalam portal**

<http://www.iobsmalaysia.qov.mv>

Pencari kerja di Malaysia digalakkan untuk mendaftar dalam portal jobsmalaysia kerana perkhidmatan yang disediakan adalah percuma, cepat dan murah dan boleh diakses dimana sahaja yang mempunyai talian internet. Pada masa sekarang, 439,818 pencari kerja mendaftar di portal Jobsmalaysia. Daripada jumlah itu, seramai 235,955 adalah pencari kerja yang tidak bekerja dan seramai 203,863 adalah pencari kerja yang bekerja.

**d. Program *Specialised Training and Advanced Recruitment* (STAR) bi bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB)**

Program STAR bertujuan untuk melatih graduan lepasan diploma dan ijazah pertama dengan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan oleh industri untuk meningkatkan kebolehpekerjaan mereka dari golongan *vulnerable* di pasaran pekerjaan. Program ini mengandungi 3 komponen iaitu latihan secara teori selama 2 hingga 3 bulan di premis penyedia latihan, latihan praktikal selama 2 bulan di premis majikan swasta yang akan memberikan pendedahan suasana serta pengalaman kerja sebenar bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka, dan penempatan pekerjaan dengan gaji minimum sebanyak RM1.500.00 untuk lepasan diploma dan RM2.000 untuk lepasan ijazah setelah menamatkan latihan sepenuhnya. Terdapat lima kursus yang ditawarkan di bawah program STAR ini iaitu *Executive Development Programme, ASP.net, J2EE, PHP MySQL* dan *Cisco Certified Network Professional (CCNP)*. Sejak mulai dilaksanakan pada 14 Mac 2011, seramai 876 graduan telah diluluskan untuk mengikuti program latihan ini dengan bantuan kewangan berjumlah RM5.14 juta.

**e. Program Latihan Kemahiran 1 Malaysia**

- i. Program ini adalah program latihan dan kemahiran pra- pekerjaan bagi memastikan graduan ILJTM mendapat pekerjaan untuk memenuhi

keperluan sektor perindustrian di Malaysia. Terdapat 27 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia sedang melaksanakan Program Latihan Kemahiran 1 Malaysia seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri. Program ini dilaksanakan secara modular dan separuh masa yang juga terbuka kepada pekerja-pekerja industri dan orang awam yang ingin mendapatkan dan meningkatkan kemahiran mereka. Bidang-bidang yang ditawarkan adalah Kimpalan, Pembuatan, Pengeluaran, Perkhidmatan, Percetakan, Penyelenggaraan Elektrik, Elektronik, Sivil dan ICT.

- ii. Silibus-silibus yang terdapat di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dibangunkan bersama dengan wakil industri untuk meningkatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri. Sehubungan itu, graduan-graduan keluaran ILJTM akan diiktiraf dan diterima oleh pihak industri sekaligus mendapat peluang pekerjaan dengan mudah yang disediakan oleh industri berkaitan.

f. ***Community and Employment Support Service (CESS)***

ILJTM juga telah menubuhkan satu unit yang dikenali sebagai CESS (*Community and Employment Support Service*) yang berfungsi memasarkan pelatih yang tamat latihan kepada industri supaya dapat mencapai keseluruhan pelajar yang tamat latihan memperolehi

pekerjaan. Penubuhan *Job Malaysia Point* juga sebagai pemudah cara dan merupakan pusat penjodohan antara majikan dan graduan dalam menawarkan pekerjaan.

b) Tuan Yang Dipertua,

1. Mengikut data Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah siswazah yang menganggur mengikut kelulusan **tahun 2010** adalah seramai 65,500 orang. Dari jumlah tersebut seramai 33,800 berkelulusan ijazah dan seramai 31,700 orang berkelulusan diploma.
2. Dalam sektor swasta, tiada peraturan atau akta khusus yang menetapkan umur persaraan wajib. Umur persaraan setiap individu dalam sektor swasta adalah tertakluk kepada pihak majikan atau syarikat tersebut. Mereka yang dibersarakan oleh sesuatu syarikat boleh terus bekerja dalam syarikat atau sektor yang lain atau memilih untuk bekerja sendiri. Oleh yang demikian, Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pekerja sektor swasta yang bersara setiap tahun. Walau bagaimanapun, kebanyakan majikan atau syarikat menetapkan umur 55 tahun sebagai umur persaraan, selaras dengan umur pengeluaran simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak KWSP, pada tahun 2010, pekerja yang berumur 54 tahun yang mencarum di KWSP, adalah seramai 208,208 orang.
3. Kementerian Sumber Manusia melihat golongan pesara sebagai *latent workforce* iaitu yang di luar tenaga buruh tetapi masih berpotensi untuk bekerja. Kementerian sedang berusaha bagi menarik mereka kembali menyumbang

dalam pasaran buruh melalui inisiatif-inisiatif seperti menggubal Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 bertujuan bagi menggalakkan penyertaan golongan sasaran di luar tenaga buruh untuk menyertai pasaran pekerjaan. Mereka boleh bekerja di antara 30% hingga 70% daripada waktu kerja biasa sehari (2 hingga 5.5 jam) sehari. Selain itu, Kementerian juga menyediakan akses khas dalam portal JobsMalaysia bagi pesara mendaftar sebagai pencari kerja. Majikan

dengan pekerjaan yang bersesuaian akan dipadankan dengan pesara yang mencari pekerjaan.

*m1(13-28 Jun 2011)/fias...31.S. ll/MarcusMojigoftt43272*

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA :DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH [ KALABAカン ]**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]**  
minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa banjir di kawasan Kalabakan sudah tidak bermusim. Asal hujan sahaja walau sekejap, banyak kampung yang akan menghadapi banjir, walaupun ada kampung yang terlibat pernah banjir sebelum ini; dan
- (b) jika maklum apakah Kementerian sudah mengkaji apa penyebabnya dan apakah langkah-langkah yang sudah dirancang untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang sedar akan masalah banjir yang berlaku di kawasan Kalabakan.

JAWAPAN:

(b) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berpendapat bahawa kejadian banjir yang berulangan di Sg. Kalabakan adalah berpunca dari:

- i. pembangunan beberapa kawasan di sebelah hulu tadahan sungai untuk penanaman kelapa sawit dan sebagainya, dan
- ii. ketidaktentuan cuaca yang mungkin disebabkan oleh perubahan iklim.

Sehubungan itu, sebagai tindakan jangka pendek, dalam tahun 2011 pihak JPS akan menjalankan kerja-kerja tebatan banjir dan membaikpulih sistem saliran di kawasan Kalabakan dengan kos RM 2 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARI PADA

YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[KALABAカン]

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur  
bin Haji Salleh [Kalabakan] minta  
MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan:

- a) Apakah Kementerian maklum  
bahawa ada media tertentu di negara  
Indonesia yang secara berterusan  
gemar mensensasikan berita buruk  
mengenai Malaysia hingga  
membangkit kemarahan pemimpin  
dan rakyat Indonesia terhadap  
Malaysia; dan
  
- b) Jika maklum, apakah  
Kementerian juga maklum tentang  
apakah penyebab sebenarnya dan  
apakah langkah-langkah yang bakal  
diambil untuk mengatasi gejala buruk  
ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan atas persoalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan dua hala yang sangat aktif. Pemimpin kedua-dua negara terus komited untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat dan strategik bagi kepentingan bersama, serta keharmonian, kemakmuran, dan kestabilan rantau Asia Tenggara.

3. Namun begitu, sebagai negara yang berjiran dekat, masih terdapat isu-isu yang perlu diselesaikan oleh kedua-dua negara. Memang ada media massa tertentu yang gemar membangkitkan isu-isu dua hala mengikut perspektif mereka tanpa mengambil kira komitmen dan usaha yang telah diambil oleh kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani segala permasalahan yang timbul. Kedua-dua negara terus memperhebatkan usaha ke arah memantapkan tahap persefahaman di kalangan rakyat melalui interaksi yang lebih berkesan di peringkat pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya di peringkat ahli-ahli politik, ahli-ahli perniagaan, golongan belia, pihak media, pergerakan-pergerakan

agama dan sosial, ahli-ahli akademik serta sejarawan, institusi-institusi pengajian tinggi, para seniman dan karyawan.

5. Selain itu, Kerajaan telah bersetuju untuk mengaktifkan semula Kumpulan Tokoh-Tokoh Terkemuka (*Eminent Persons Group* - EPG) Malaysia-Indonesia. Pelbagai syor dan program yang melibatkan hubungan antara rakyat dengan rakyat (*people-to-people contact*) turut diberi penekanan.
6. Pada masa yang sama, Kerajaan juga menyokong inisiatif-inisiatif trek kedua (*second track*) yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan media. Inisiatif-inisiatif ini didapati boleh menjadi pelengkap kepada usaha-usaha interaksi dan penerangan yang dilakukan oleh Perwakilan-Perwakilan Malaysia di Indonesia.
7. Kementerian Luar Negeri yakin dengan adanya usaha kolektif dan menyeluruh seperti ini, tahap hubungan dua hala Malaysia-Indonesia akan dapat dipertingkatkan lagi demi kemakmuran dan keharmonian bersama.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :8**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH  
(KALABAKAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [ KALABAKAN ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) apakah Kementerian ada mempunyai strategi khusus untuk menentukan agar program Rumah Pertama Ku, boleh dilaksanakan memandangkan kesulitan memperolehi tapak dan jika ada sekalipun harga tanah terlalu tinggi hingga tidak 'economical' untuk dilaksanakan oleh syarikat pemaju swasta; dan
- (b) apakah Kerajaan akan menentukan agar Bank dan institusi kewangan akan membantu menjayakan program ini dengan memudahkan syarat-syarat pinjaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda

dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

2. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pemberian kepada institusi kewangan yang terlibat atas pemberian yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pemberian 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pemberian berkenaan. Selain itu, skim ini terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia di bawah umur 35 tahun yang pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pemberian perumahan.

3. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenal pasti 7 lokasi di Lembah Klang termasuk di Puchong, Damansara dan Putrajaya yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah dibawah kategori harga antara RM100,000 hingga RM220,000.

4. Walau bagaimanapun, peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas yang telah ditetapkan oleh bank-bank yang menyertai skim ini. Keputusan muktamad pemberian adalah masih bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Pada masa yang sama juga, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

**NO. SOALAN : 09**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAカン ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3810**

**SOALAN:**

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah  
Kementerian masih dapat menjamin keselamatan orang ramai di  
negara ini kerana, hampir setiap hari mesti ada sekurang-  
kurangnya satu berita mengenai jenayah yang melibatkan  
pembunuhan.



## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan kepada rakyat bahawa jenayah di dalam negara ini adalah terkawal. Kementerian dan PDRM sedang melaksanakan pelbagai langkah Pencegahan Jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah seluruh negara. Di antaranya ialah:-

- Pelaksanaan konsep “Community Policing” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan community.
- Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan ‘stop and talk’ adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep “Police Omnipresence”, akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

- Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah. Sebarang laporan menggunakan Talian Hotline akan mendapat "Respond" yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.
- Menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun tepi jalan (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops Lejang), pecah rumah (Ops Pintu) dan curi kabel logam dan tembaga (Ops Lusuh), sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI 1.1. iaitu menurunkan kadar Jenayah Indeks sebanyak 5% dan NKPI 1.2. iaitu menurunkan kadar Jenayah Jalanan sebanyak 20%.
- Penugasan khas "Officer On Beat" yang mempunyai kekuatan sebanyak lapan orang pegawai dan lapan orang anggota dalam satu-satu masa telah dimulakan di kontinjen Kuala Lumpur akan diperluaskan di kontinjen lain yang mempunyai peningkatan jenayah yang ketara. Penugasan mereka bermula dari 10 pagi hingga 12 malam setiap hari.
- Operasi Bersepadu melibatkan PDRM bersama pihak Kementerian serta agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Pihak Berkusa Tempatan, sering dijalankan untuk membendung jenayah serta memantau aktiviti lain yang mempunyai kaitan dengan kejadian jenayah seperti kegiatan Pendatang Tanpa Izin, penagih dadah atau penganggur yang terdesak.

- “RakanCop” telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan Pencegahan Jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah secara menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline OS- 2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.
- Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan Bandar Selamat. Walaupun pemasangan CCTV bukan bidang kuasa polis tetapi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, usaha ini telah dilaksanakan dan berjaya membantu dalam pencegahan jenayah.
- Mengadakan sesi perjumpaan dengan Ketua Polis Daerah setempat sebagai satu 'platform' untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk bertemu polis dan berbincang tentang masalah-masalah yang dihadapi berkaitan jenayah dan juga sebagai peluang untuk menyalurkan maklumat mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka.
- Dalam usaha memerangi jenayah dengan menggunakan konsep *Intelligence lead policing*, PDRM telah mewujudkan **Unit Risikan Bersepadu (Central Intelligence Unit - CIU )** sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih

efektif.

NO. SOALAN: 10.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHAUAN

PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS [2011]

---

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAFUR  
BIN HAJI SALLEH [KALABAHKAN]

**SOALAN**

Datuk Seri Panglima Abdul Ghafur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kadar perceraian di kalangan pasangan Islam di negara ini tinggi apakah YB Menteri ada mengkaji sebab-sebab utama perceraian dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), mendapati faktor utama yang menyebabkan perceraian antara suami isteri ialah pengabaian tanggungjawab. Manakala faktor kedua

ialah masalah tiada persefahaman antara pasangan suami isteri dan faktor ketiga ialah masalah akhlak/sosial.

Terdapat juga faktor lain yang menyebabkan berlakunya perceraian, antaranya ialah masalah ekonomi, masalah pihak ketiga, masalah kesihatan dan seksual , masalah didikan agama yang salah serta masalah perbezaan budaya .

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, JAKIM selaku institusi penyelaras isu-isu berkaitan Hal Ehwal Islam Di Malaysia serta Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) selaku institusi pelaksana dan penguatkuasa agama di negeri-negeri telah melaksanakan pelbagai program kekeluargaan dan penyelarasan isu-isu semasa Nikah Cerai Rujuk .

Sebagai contoh , pada tahun 2010 JAKIM dan JAIN telah melaksanakan lebih daripada 6,000 program pemerkasaan kekeluargaan meliputi program-program kekeluargaan kepada pasangan suami isteri , program ziarah kepada keluarga bermasalah, program hak-hak wanita sebelum dan selepas berkahwin, program Ibu Mithali, Seminar Bapa sebagai Wali, Forum Perdana mengenai isu-isu kekeluargaan, program kepada remaja dan anak-anak, program kepada ibu hamil di klinik-klinik kesihatan , bahan- bahan cetakan, program kekeluargaan di media elektronik dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**SOALANNO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:**           **BERTULIS**

**DARIPADA:**           **Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**SOALAN:**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) jumlah majikan yang masih gagal mendaftarkan perusahaan mereka dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) setakat Jun 2011; dan
- (b) pada masa ini, berapa jumlah majikan yang aktif berdaftar dan pekerja yang aktif di dalam Perkeso.

**PR-1242-T43754**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah majikan yang masih gagal mendaftar perusahaan mereka dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah **dianggarkan sebanyak 12%**. Ini adalah berasaskan kepada **Program OPS KESAN PERKESO 2011** yang telah dijalankan pada

bulan Mac 2011 di mana bilangan majikan yang diperiksa adalah sebanyak 18,217 majikan dan daripada bilangan tersebut sebanyak 2,060 majikan iaitu 12% di dapati masih belum berdaftar dengan PERKESO.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Berhubung dengan pertanyaan yang kedua daripada Yang Berhormat dari Limbaran, jumlah majikan yang aktif setakat 30 April 2011 ialah seramai 383,093 majikan dan jumlah pekerja aktif setakat 30 April 2011 ialah 5,901,107 orang.

*m(13-28Jun2011)/fias..31.5.11/JusCur43754*

**No \* £o acaaj: NO-**  
**AUM : 12**

**NQr-AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]

TARIKH

RUJUKAN 3811

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) perlaksanaan Pusat Rawatan dan Prihatin (CCSC) di bawah kelolaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan bagi membantu golongan penagih dadah keluar daripada belenggu najis itu; dan

(b) berapa ramai yang menjadi residen CCSC dan jumlah CCSC di seluruh negara.

Jawapan :

Perlaksanaan Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (*Cure & Care Service Centre/CCSC*) membantu golongan penagih dadah termasuk keluarga dan majikan dengan menyediakan tempat untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan sosial bagi mereka yang menghadapi permasalahan penagihan dadah. Ia menjadi pusat sumber rujukan masyarakat untuk mendapatkan maklumat dan juga perkhidmatan seperti khidmat nasihat, kaunseling, kelompok sokong

bantu bersama Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan NGO, pendidikan pencegahan dan juga pendampingan. Perkhidmatan yang disediakan boleh secara hadir harian atau *Daycare (halfway house/drop in)* dan juga boleh secara penginapan sementara kepada penagih yang memerlukannya. Jumlah CCSC yang telah beroperasi di seluruh negara terkini sebanyak 27 buah dan bilangan klien adalah seperti berikut:

Bil.	Klien CCSC	Jumlah klien
1.	Residen terkini pada minggu ke-3 bulan Mei 2011	324 orang
2.	Residen terkumpul sejak penubuhan CCSC pada Januari 2010 hingga Mei 2011	2,107 orang
3.	Klien <i>Daycare</i> pada minggu ke-3 bulan Mei 2011	4,592 orang
4.	Kehadiran klien <i>Daycare</i> yang terkumpul sejak Januari 2010 hingga Mei 2011	181,053 orang

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
SOALAN**

**JAWAB BUKAN LISAN  
DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
NO. 13**

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Program Mengubah Destinasi Anak Miskin (MDAB) di bawah Universiti Teknologi Mara (UiTM) di seluruh negara

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) adalah merupakan usaha UiTM untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak miskin Bumiputera di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa kurang dari RM2.000 sebulan. Program yang disediakan ialah program Pra-Diploma di mana pelajar yang lulus dalam Program MDAB ini akan layak ditawarkan ke program diploma mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan oleh UiTM.

Program Pra Diploma MDAB merupakan program yang dibiayai khusus bagi pelajar miskin yang tidak mempunyai cukup kelayakan kredit untuk kemasukan ke program Diploma. Program yang dimulakan pada semester

Julai 2010 ini terbuka kepada pelajar yang mendapat keputusan SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian (kredit) dan syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Bagi tujuan pembiayaan program MDAB, pihak universiti telah menubuhkan pelbagai bentuk tabung untuk membantu pelajar-pelajar ini. Antaranya ialah tabung pelajar miskin, tabung pembangunan pelajar dan tabung zakat yang bertujuan untuk membantu pelajar yang menghadapi kesukaran kewangan menjalani pengajian di universiti ini. Pembiayaan yang disediakan termasuklah pengecualian yuran pengajian, bantuan elaun sara hidup serta tambang pergi dan balik dari tempat tinggal pelajar ke UiTM.

Program ini memberi peluang kemasukan kepada sekurang-kurangnya 5,000 pelajar miskin setiap semester di seluruh negara. Adalah menjadi harapan, agar kelompok pelajar ini dapat mengubah destini kehidupan mereka sendiri dan keluarga mereka di suatu masa nanti. Ini adalah sejajar dengan objektif utama penubuhan UiTM dalam menempatkan pelajar miskin luar bandar untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

Sehingga 31 Mei 2011, jumlah pelajar Bumiputra daripada keluarga miskin yang mengikuti Program Mengubah Destinasi Anak Miskin (MDAB) di bawah Universiti Teknologi Mara (UiTM) adalah seramai 4,246 orang.

SOALANNO: 14

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

SOALAN

Datuk

[ Libaran ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan mekanisme ke arah penjanaan pekerja mahir dalam sektor pertanian di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) kluster pertanian.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

NKEA Pertanian merupakan salah satu daripada 12 NKEA yang telah diberikan fokus oleh kerajaan dalam mencapai negara berpendapatan tinggi melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP). Melalui NKEA Pertanian ini diharatkannya akan memberikan sumbangan kepada peningkatan pendapatan negara kasar (GNI) berjumlah RM28.9 bilion menjelang tahun 2020. Selain itu, sejumlah 74,600 tambahan peluang pekerjaan akan turut dihasilkan dalam tempoh yang sama. Sejumlah besar dari peluang pekerjaan ini adalah di kawasan luar bandar. Pelaksanaan NKEA turut menekankan penglibatan aktif pihak swasta di dalam aktiviti ekonomi di mana pihak kerajaan akan bertindak sebagai pemudah cara.

Di bawah NKEA Pertanian ini, terdapat 16 Projek Ekonomi Permulaan (EPP) akan dilaksanakan. Fokus diberikan kepada subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang besar yang dapat membantu Malaysia untuk turut sama menyertai pasaran global yang semakin berkembang. Dalam masa yang sama juga, tumpuan akan turut diberikan kepada subsektor strategik dalam usaha menjamin bekalan makanan negara.

Datuk Juslie Bin  
Ajirol [ Libaran ]  
Juslie Bin Ajirol

Tenaga kerja mahir merupakan salah satu daripada elemen penting di dalam memastikan kejayaan pelaksanaan NKEA Pertanian ini. Selari dengan konsep pelaksanaan NKEA, Kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan swasta merupakan mekanisme utama yang ditekankan. Ini antara lain melibatkan pihak industri digalakkan untuk membina kemudahan latihan di tapak projek bagi membolehkan latihan in-situ dibuat sama ada kepada pekerja mereka selain menjadi lokasi latihan oleh agensi kerajaan mahupun pihak swasta yang lain. Sokongan turut diberikan melalui penyediaan tenaga pengajar mahir dari jabatan dan agensi MOA bagi menjalankan latihan yang berkaitan.

Pihak industri turut digalakkan untuk menjalankan pengeluaran di sekitar kawasan pusat latihan milik kerajaan yang sedia ada. Pelatih akan diberikan latihan sambil bekerja di tapak tersebut tanpa syarikat perlu menyediakan kemudahan tempat tinggal dan latihan teori kepada pelatih. Melalui kerjasama di atas, tidak hanya tenaga kerja mahir dapat dihasilkan tetapi pihak industri turut berupaya menilai potensi pelatih bagi ditawarkan peluang pekerjaan.

Selain itu, di pihak kerajaan pula, modul latihan yang dibangunkan akan memberikan penekanan kepada keperluan sektor yang diberikan tumpuan. Modul yang disediakan tidak hanya berbentuk teori tetapi lebih kepada kemahiran menjalankan operasi di ladang.

**NO. SOALAN : 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]
RUJUKAN	3812

**SOALAN:**

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI

menyatakan kes kecurian kabel milik Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) antara tahun 2006 hingga 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya kes kecurian kabel milik Telekom Malaysia sejak tahun 2006 hingga Mei 2011 adalah sebanyak 6,331 kes manakala kes kecurian kabel yang melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun yang sama adalah sebanyak 314 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kes kecurian kabel Telekom Malaysia dan TNB mengikut tahun sejak 2006 hingga Mei 2011 adalah seperti berikut

TAHUN	KES
2006	1,851
2007	1,481
2008	758
2009	628
2010	1,167
2011(JAN-MEI)	446
JUMLAH	6,331

Kes Kecurian Kabel TNB

**Kes Kecurian Kabel Telekom**

TAHUN	KES
2006	48
2007	50
2008	56
2009	53
2010	49
2011(JAN-MEI)	58
JUMLAH	314

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

YB DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI  
BIN OTHMAN

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sejak penubuhan SPAN dan pengendalian air terletak di bawah SPAN dan WSIA, apakah kadar tarif air yang akan dikenakan kepada pengguna mengikut negeri-negeri.J AWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebelum Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dikuatkuasakan, penetapan kadar tarif air ditentukan sendiri oleh kerajaan-kerajaan negeri. Namun begitu, setelah Akta 655 berkuatkuasa pada 1 Januari 2008, kuasa penetapan kadar tarif air terletak di bawah Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan air berdasarkan syor daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 84 Akta 655.

Oleh itu, sekiranya operator air berhasrat untuk membuat pelarasan kadar tarif air, permohonan yang telah mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri hendaklah dikemukakan kepada SPAN untuk diteliti dan dipertimbangkan. Pihak SPAN kemudiannya akan mengkaji permohonan pelarasan kadar tarif air yang

dikemukakan dari aspek kewajarannya dan implikasinya kepada pengguna. Selain itu, pihak SPAN juga akan mendapatkan maklum balas daripada Forum Air sebagai wakil pengguna perkhidmatan air sebelum mengemukakan syor SPAN kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk kelulusan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, kadar dan struktur tarif air adalah berbeza bagi setiap negeri. Pelarasan kadar tarif air pula tidak mempunyai satu kaedah yang standard untuk diguna pakai oleh semua operator air. Bagi memastikan pelarasan kadar tarif air dibuat secara telus dan sistematik, pihak Kementerian telah melaksanakan kajian pembentukan mekanisme penandaaranan dan penetapan tarif. Hasil daripada kajian tersebut, satu mekanisme penetapan tarif air telah disediakan. Oleh itu, pada masa akan datang, pertimbangan SPAN terhadap permohonan pelarasan kadar tarif air oleh operator-operator air akan menggunakan mekanisme tersebut dengan turut mengambil kira pencapaian KPI yang ditetapkan kepada operator air. Kesemua langkah ini diambil demi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan bekalan air yang cekap dan berkesan selaras dengan kadar tarif air yang ditetapkan.

\*\*\*\*\*

NO·17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO DR HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

[PENDANG]

SO ALAN 17

Dato Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah saman ekor yang telah dikutip oleh kerajaan sepanjang tahun 2009 dan 2010 dan jumlah pengguna yang dinafikan untuk membayar cukai jalan sebelum ianya dimansuhkan.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Polis DiRaja Malaysia, jumlah kutipan bayaran saman ekor bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN SAMAN DIKUTIP
2009	2,002,431
2010	2,085,213
JUMLAH	4,087,644

Sehingga 31 Mac 2011, bilangan sekatan pembaharuan Lesen Kenderaan Motor bagi saman ekor (POL 170A) adalah sebanyak 543,779 kes. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menghentikan sekatan ini mulai 1 April 2011.

|  
/VO\* SoArt-AAJ ;  
-NO.AUM- :18

-NGrAUR

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[PENDANG]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3902**

**SOALAN:**

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing yang bekerja di negara ini sehingga kini dan anggaran pengaliran keluar wang ke negara sumber.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pendang di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut statistik dari Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 1 Mei 2011, terdapat 1,973,997 warganegara asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang aktif.

Manakala, bagi anggaran pengaliran keluar wang ke negara sumber pula, perkara ini tidak berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Oleh yang demikian, dukacita dimaklumkan bahawa pihak kementerian tidak mempunyai anggaran tersebut.

**SOALAN NO:**

**19 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN**

BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN  
TARIKH  
SOALAN

Dato' Dr Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pelancong kesihatan yang datang mendapatkan rawatan, bidang kepakaran yang diminati dan pusat perubatan manakah yang merawat pelancong ini serta jumlah sepanjang 2009 dan 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, jumlah pelancong kesihatan yang datang ke Malaysia untuk mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah seramai 392,956 orang dan jumlah pendapatan yang dijana daripadanya adalah sebanyak RM378,945,578. Berbanding dengan tahun 2009, jumlah pelancong kesihatan ke Malaysia adalah seramai 336,225 orang dan jumlah pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM288.18 juta. Bidang kepakaran utama yang diminati oleh pelancong kesihatan adalah pembedahan am, kardiologi, ortopedik, onkologi, oftalmologi, obstetrik dan ginekologi, urologi, rawatan rehabilitasi, rawatan fertiliti, dan pemeriksaan umum. Sebanyak 49 hospital/pusat perubatan dari seluruh negara telah berdaftar dengan *Malaysia Healthcare Travel Council* yang terlibat dalam mempromosi dan memasarkan pelancongan kesihatan Malaysia.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DARIPADA DATO' DR HAJI MOHD HAYATI BIN OSMAN  
(PENDANG)

DATO' DR HAJI MOHD HAYATI BIN OSMAN ( PENDANG ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan beberapa syarikat minyak berlesen yang dibenarkan beroperasi di dalam negara dan berepakah jumlah pemilikan saham yang dipegang oleh rakyat ini serta berapa dimiliki Bumiputera.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat 6 syarikat minyak utama berlesen yang beroperasi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak iaitu Petronas Dagangan Berhad, Shell Malaysia Trading Sdn Bhd, ExxonMobil Malaysia Sdn Bhd, Chevron Malaysia Limited, Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd dan Xcel Petroleum Sdn Bhd.

Selain daripada 6 syarikat minyak utama ini, terdapat 3 syarikat minyak lain yang menjalankan stesen minyak mini. Syarikat-syarikat tersebut adalah Petro Teguh (M) Sdn Bhd, Konsortium IPTB Bersatu Sdn Bhd dan Smart Stream Resources Sdn Bhd. Syarikat-syarikat ini menjalankan operasi mereka

mengikut zon-zon yang telah ditetapkan.

Untuk makluman ahli dewan, berikut adalah butiran pemilikan saham di syarikat-syarikat minyak berlesen di negara ini.

BIL	SYARIKAT	PEMEGANG SAHAM
1	Petronas Dagangan Berhad	100% Bumiputera
2	Shell Malaysia Trading Sdn Bhd	100% Shell Overseas Holding Limited, (asing)
3	ExxonMobil Malaysia Sdn Bhd	100% dimiliki oleh ExxonMobile Corporation, (asing)
4	Chevron Malaysia Limited	99.99% Chevron Global Energy Inc. 0.001% Chevron Holdings Inc.
5	Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd	30% dimiliki oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) 70% dimiliki oleh Bousted Petroleum Sdn Bhd (BPSB)
6	Xcel Petroleum Sdn Bhd	30% Bumiputera 70% Hock Lee Escel Sdn Bhd
7	Petro Teguh (M) Sdn Bhd	100% Bumiputera
8	Konsortium IPTB Bersatu Sdn Bhd	100% Bumiputera
9	Smart Stream Resources Sdn Bhd	100% Bumiputera

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN :**      **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**            : **IR HAJI HAMIM BIN SAMURI**  
                              **[LEDANG]**

**SOALAN**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bila dan bagaimana Kementerian boleh membantu masalah banjir yang kerap berlaku di Pekan Sagil dan kawasan sekelilingnya akibat daripada jumlah air hujan yang banyak dari kawasan Gunung Ledang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merangka penyelesaian jangka pendek dan cadangan penyelesaian jangka panjang untuk menangani masalah banjir di Pekan Sagil dan kawasan sekelilingnya. Bagi langkah jangka pendek, kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Sagil dengan kos RM60.000.00 sedang dilaksanakan mulai 3 Jun 2011 oleh kontraktor yang dilantik oleh JPS.

**JAWAPAN:**

Manakala bagi penyelesaian jangka panjang untuk mengurangkan kesan banjir di Pekan Sagil, pihak JPS bercadang untuk melaksanakan Projek Menaiktaraf Sungai Sagil dengan anggaran kos sebanyak RM 2 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]**

**SOALAN**

**SOALAN NO: 22**

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana sesuatu iklan komersial disiarkan oleh RTM bagi mendidik budaya murni rakyat Malaysia.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau serta memastikan para penyiar swasta mematuhi syarat lesen serta Kod Kandungan berkenaan iklan. SKMM juga sentiasa menekankan keperluan memastikan semua iklan yang disiarkan stesen TV dan radio termasuklah RTM mendapat kelulusan untuk disiarkan. Ini bagi memastikan iklan-iklan yang ke udara menyiaran maklumat-maklumat yang tepat dan betul kepada pengguna. Di samping itu, semua iklan yang disiarkan perlu juga mendapatkan sijil kelulusan dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum disiarkan.

**SOALAN NO: 22**

Dalam Kod Kandungan terdapat garis panduan khusus berkaitan pengiklanan yang juga menyenaraikan senarai barangan umpamanya, barangan kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak SKMM sentiasa bersedia untuk menerima aduan daripada mana-mana pihak berkenaan iklan yang disiarkan di stesen TV swasta dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap mana-mana badan penyiar yang tidak mematuhi syarat lesen mahupun menyiarkan iklan yang tidak mendapat kelulusan-kelulusan yang ditetapkan. Antara tindakan yang boleh diambil termasuklah mengarahkan pihak penyiar untuk memberhentikan penyiaran iklan tersebut dan pendakwaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**[ LEDANG ]**

**RUJUKAN**

**16 [PR-1242-T43696]**

**SOALAN**

## **SOALAN NO: 23**

### **Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan bagaimana kawasan parkir dan tanda arah Jalan/Destinasi dilaksanakan di Putrajaya supaya setaraf dengan standard antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ledang tentang kawasan parkir dan tanda arah jalan/destinasi dilaksanakan di Putrajaya supaya setaraf dengan *standard* antarabangsa, ingin dimaklumkan bahawa kerja-kerja tersebut telah disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Piawaian papan tanda adalah berasaskan **Arahan Teknik Jabatan Kerja Raya (JKR)** yang telah dipertingkatkan oleh *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM). Jadi, penyediaan kemudahan ini adalah berdasarkan standard Jabatan Kerja Raya yang bertaraf antarabangsa.

Masalah yang wujud sebenarnya adalah kekurangan papan tanda pada lokasi-lokasi tertentu yang menyebabkan pengunjung kehilangan arah untuk ke sesuatu destinasi. Usaha menambahbaik kekurangan ini dijalankan secara berterusan dan berperingkat-peringkat kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang besar.

Sesetengah papan tanda perlu dibuat semula untuk memasukkan petunjuk tambahan selepas siapnya sesuatu pembangunan yang baru. Perkara ini adalah biasa bagi sesebuah bandar yang masih dalam pembangunan seperti Putrajaya.

Baru-baru ini Perbadanan Putrajaya telah menyiapkan kerja-kerja penambahbaikan papan tanda di jalan-jalan protokol seperti Persiaran Utara, Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Persiaran Perdana. Tumpuan seterusnya sedang dijalankan adalah penambahbaikan papan tanda di jalan-jalan tempatan dan kawasan perumahan.

Kekurangan tempat meletak kereta (TLK) juga bukanlah kerana tidak mengikut *standard*. Bagi Putrajaya, bilangan tempat meletak kereta di kawasan Pusat Bandar sememangnya dihadkan sebagai salah satu kaedah untuk mengurangkan kenderaan persendirian bagi mengatasi kesesakan jalan raya.

Putrajaya menyasarkan 70% daripada mereka yang memasuki Pusat

Bandar akan menggunakan pengangkutan awam. Bagi maksud ini, Putrajaya menyediakan kawasan *Park & Ride* dan perkhidmatan bas Nadi Putra untuk kegunaan orang ramai. Walaupun sambutan orang ramai terhadap konsep ini belum sampai ke tahap yang disasarkan, didapati bilangan pekerja yang menggunakan perkhidmatan bas Nadi Putra untuk ke tempat kerja terus meningkat setiap bulan. Adalah diyakini bahawa usaha ini akan berjaya dengan adanya kempen-kempen kesedaran dan program-program galakan yang berterusan.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

[ LEDANG ]

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapa banyakkah sumber tenaga boleh baharu yang sedia ada di dalam negara kita dan apakah hasil kajian kuantitatif dan kualitatif untuk memaksimakan penggunaannya dalam menghasilkan tenaga elektrik bersekala besar dengan berdasarkan sumber dan kapasiti yang berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah melaksanakan Kajian Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu bagi mengenal pasti masalah-masalah semasa dalam pembangunan tenaga boleh baharu negara serta menggubal dasar dan pelan tindakan bagi membangunkan tenaga boleh baharu negara yang komprehensif serta meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu negara secara signifikan. Di bawah dasar dan pelan tindakan tersebut, sumber tenaga boleh baharu yang berpotensi untuk dibangunkan di negara ini pada peringkat permulaan adalah

dikenal pasti daripada sumber biomas, biogas, mini-hidro, sisa pepejal dan solar.

Berdasarkan kajian tersebut, adalah dijangkakan bahawa potensi bagi tenaga boleh baharu bagi penjanaan elektrik sehingga tahun 2020 adalah anggaran 2GW, iaitu 800MW daripada biomas, 240MW daripada biogas, 490MW daripada mini-hidro, 360MW daripada sisa pepejal dan 190MW daripada solar. Sumber-sumber lain seperti geothermal, angin dan sebagainya akan ditambah dari semasa ke semasa kepada Jadual setelah kajian bagi mengenal pasti potensi sebenar tenaga tersebut selesai dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 27 April 2011, kapasiti maksimum bagi penjanaan tenaga boleh baharu oleh setiap pemaju tenaga boleh baharu adalah sebanyak 30MW. Walau bagaimanapun, Y.B. Menteri mempunyai kuasa di bawah Akta ini untuk mempertimbangkan pembangunan stesen janakuasa berdasarkan sumber tenaga boleh baharu dengan kapasiti yang lebih tinggi berdasarkan kepada keperluan semasa dan kepentingan ia dilaksanakan.

Selain itu, pada masa ini Kementerian sedang melaksanakan kajian mengenai kebolehlaksanaan pembangunan loji janakuasa tenaga solar di Malaysia dengan kerjasama *Clinton Foundation* (CF) di bawah *Climate Change Initiative* (CCI). Kajian ini dilihat dapat membantu Kerajaan mencapai sebanyak 1.25 GW penjanaan elektrik daripada tenaga suria seperti yang disasarkan di bawah *Entry Point Project 10* (EPP-10) di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) Economic Transformation Programme (ETP). EPP-10 merupakan satu inisiatif

bagi meningkatkan lagi penjanaan tenaga solar negara. Melalui kajian ini juga, penjanaan tenaga solar selain daripada aplikasi *building integrated* dapat dikenal pasti dan dilaksanakan.

\*\*\*\*\*

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG ]**

**SOALAN**

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian telah berpuas hati dari sudut kualiti terhadap terjemahan filem-filem, drama termasuk dokumentari dalam Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu sama ada di RTM/TV3 atau Astro.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Setakat ini Kementerian adalah berpuas hati terhadap kualiti terjemahan filem-filem, drama dan dokumentari di dalam Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu di RTM/ TV3 atau ASTRO. Penterjemah sari kata yang bertugas kebanyakannya berpengalaman dalam bidang penterjemahan. Mereka pernah menjalani kursus yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka atau lainnya.

**SOALAN NO: 25**

Bahan-bahan rujukan dan Internet juga disediakan kepada mereka untuk kemudahan petugas. Pemantauan semasa dan sebelum siaran juga dilakukan untuk memastikan sari kata yang disediakan untuk rancangan-rancangan tersebut menepati garis panduan bahasa dan kehendak serta peraturan yang disediakan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA**

**PERTANYAAN**                   **Y.B. PUAN CHONG ENG**  
**(BUKIT MERTAJAM)**  
**BERTULIS**

**Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) Pungutan cukai daripada individu mengikut pecahan gender bagi setiap tahun dari tahun 2000-2010; dan
- (b) Jumlah sumbangan KWSP mengikut gender dan amaun bagi tempoh yang sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pungutan cukai pendapatan individu mengikut gender bagi tahun 2000 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Pungutan Cukai Individu Mengikut Gender: Tahun 2000 hingga 2010

Tahun	Lelaki		Perempuan		Lain-lain	
	Bil.	Amaun (RM'juta)	Bil.	Amaun (RM'juta)	Bil.	Amaun (RM'juta)
2000	1,608,090	RM 5,915	797,663	RM1,126	1	RM0.03
2001	1,463,166	RM 7,055	571,239	RM1,343	3	RM0.11
2002	1,164,485	RM 6,058	505,528	RM1,171	3	RM0.05
2003	1,192,899	RM6,991	545,202	RM1,418	3	RM0.06
2004	1,168,056	RM7,309	516,848	RM1,567	4	RM0.09



dalam pekerjaan yakni menerusi pengemaskinian akita berkaitan pekerjaan disamping mengalakkan program-program semasa yang diadakan:

a. **Peraturan-peraturan Kerja Separa Masa (Pekerja Separa Masa) 2010**

Kerajaan telah mewartakan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja-Pekerja Separa Masa) 2010 dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2010 untuk menggalakkan golongan *latent workforce* khususnya suri rumah, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan warga emas untuk menyertai pasaran buruh negara dan seterusnya turut sama menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara.

b. **Pindaan Akta Kerja 1955:**

Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk meminda Akta Kerja 1955 dengan menambahbaik peruntukan sedia ada dan beberapa peruntukan yang berkait rapat dengan penggajian wanita seperti berikut:

i. **Perlindungan Kepada Wanita Semasa Cuti Bersalin**

- Peruntukan cuti bersalin terpakai kepada semua pekerja wanita tanpa mengira had gaji mereka.
- Pekerja wanita yang hamil sekurang-kurangnya 22 minggu menikmati cuti bersalin yang bergaji berbanding yang hamil 28 minggu sekarang ini.
- Memastikan wanita ketika cuti bersalin tidak diberhentikan kerja oleh majikan. Ini bagi menjamin kebajikan dan hak pekerja wanita terpelihara sepanjang tempoh cuti bersalinnya.

ii. **Mekanisme Dalam Bagi Menangani Aduan Gangguan Seksual**

- Peruntukan gangguan seksual tidak terhad kepada pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 tetapi turut melindungi semua pekerja tanpa mengira had upah mereka. Tempat pekerjaan bagi maksud Bahagian ini juga meliputi tempat-tempat di mana aktiviti luaran syarikat dijalankan kerana kes- kes gangguan seksual bukan sahaja terhad kepada tempat kerja sebenar pekerja. Peruntukan khas ini akan membantu menangani gejala gangguan seksual dengan lebih berkesan.
- Peruntukan khusus yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja (KPTK) untuk mengarahkan majikan menyiasat aduan gangguan seksual di tempat kerja serta turut mempunyai peruntukan dan definisi bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. KPTK juga boleh mengarahkan majikan menuju mekanisme dalaman di tempat kerja bagi menangani gejala gangguan seksual.

c. **Program Penempatan Pekerjaan (3P)**

KSM menjalankan Program 3P dalam menggalak dan menarik lebih ramai pekerja wanita untuk memasuki alam pekerjaan melalui penyediaan pelbagai peluang pekerjaan. Pada tahun ini, sehingga bulan Mei sahaja KSM telah berjaya menempatkan seramai 56,782 wanita ke sektor pekerjaan yang merangkumi berbagai-bagi jenis pekerjaan.

d. **Program *HomeWorking***

Selain itu, KSM turut menjalankan program *Homeworking* yang mengkhususkan kepada golongan suri rumah, ibu tunggal, keluarga miskin, dan OKU untuk bekerja bagi menjana pendapatan sampingan. Berdasarkan statistik pencapaian program ini sehingga April 2011, seramai 3,168 wanita yang terdiri daripada suri rumah dan ibu tunggal telah berjaya mendapat pekerjaan dengan kerjasama daripada 177 buah syarikat.

e. **Pusat Jagaan Kanak-Kanak:**

Menggalakkan pihak majikan untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Pihak Kerajaan juga sedang berusaha menambah pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti. Penubuhan lebih banyak pusat-pusat penjagaan ini diyakini dapat membantu wanita yang bekerja mengatasi masalah penjagaan anak dan akan menjamin penyertaan yang berterusan dalam pasaran pekerjaan.

Bil	Negeri	Bilangan
1	Perlis	2
2	Kedah	3
3	Pulau Pinang	2
4	Kelantan	1
5	Terengganu	4
6	Pahang	3
7	Perak	5
8	Selangor	10
9	Kuala Lumpur	5
10	Negeri Sembilan	2
11	Melaka	Tiada
12	Johor	2
13	Sarawak	1
14	Sabah	Tiada
<b>JUMLAH</b>		<b>40</b>

Jadual 1 : Pusat Asuhan Kanan-kanak Industri

**f. Pelaksanaan Gaji Minimum**

Pelaksanaan dasar gaji minimum dijangka akan menjadi faktor penarik kepada golongan wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan tempatan. Ini memandangkan kadar gaji minimum yang ditetapkan adalah pendapatan minimum (*floor wage*) seseorang pekerja yang dijamin oleh undang-undang dan tidak boleh dikurangkan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan penyertaan wanita di pasaran pekerjaan iaitu antaranya seperti berikut:

- a. Menggalakkan penubuhan pusat jagaan harian di tempat kerja dan taska komuniti yang mana adanya pusat jagaan harian ini, golongan wanita tidak perlu berhenti kerja untuk menjaga anak. Pusat ini juga membolehkan lebih ramai wanita mendapat lebih banyak peluang pekerjaan. Untuk tujuan itu, beberapa insentif disediakan oleh pihak Kerajaan. Antaranya pemberian geran pelancaran sebanyak RM200,000 untuk penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam, subsidi yuran taska sebanyak RM180 sebulan kepada penjawat awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan dan pengecualian cukai sebanyak 10% daripada kos keseluruhan penubuhan TASKA di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun kepada syarikat yang menyediakan taska di tempat kerja.

Berhubung taska komuniti, Kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak TASKA Komuniti bagi memenuhi keperluan keluarga berpendapatan rendah. Geran pelancaran sebanyak RM55,000 diberikan untuk penubuhan TASKA komuniti di kawasan kediaman oleh pertubuhan sukarela dengan kerjasama syarikat swasta. Selain itu, geran tahunan sehingga RM64.000 diberikan untuk pembiayaan kos operasi dan penyelenggaraan TASKA ini. KPWKM akan

menambahkan bilangan taska komuniti sebanyak 10 buah setiap tahun. Buat masa ini, sebanyak 30 taska komuniti telah ditubuhkan. Selain itu, pihak korporat digalakkan untuk menaja penubuhan pusat jagaan kanak-kanak dan taska komuniti melalui program *corporate social responsibility* (CSR);

- b. Menggalakkan wanita menceburi bidang pekerjaan baru seperti pengurusan kediaman dan penjagaan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program Latihan *Home Managers* mulai November 2008. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan kepada JPW untuk pelaksanaan program ini. Program ini bertujuan untuk membantu wanita bekerja mendapatkan khidmat pengurus kediaman tempatan yang lebih memahami keperluan serta budaya masyarakat Malaysia. Di samping itu, program latihan ini juga bertujuan untuk melatih golongan wanita yang berpendapatan rendah menceburi bidang penjagaan (*caregiving*) dan menjadikannya sebagai kerjaya; dan
- c. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan melalui program 1AZAM dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), seramai 4,000 orang usahawan wanita disasarkan pada akhir tahun 2012. Bagi tahun 2011, seramai 1,000 orang usahawan wanita akan dilatih. Sejak pelaksanaan program keusahawanan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya melatih dan membangunkan seramai 2,230 orang usahawan wanita.

Daripada jumlah tersebut, seramai 2,000 orang usahawan wanita telah berjaya meraih pendapatan melebihi RM3,500 sebulan selama 3 bulan berturut-turut;

- d. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan kerja (*work life balance*) dengan menghebahkan tentang pelaksanaan waktu kerja anjal (*flexi hour*), *home office* dan cuti kekeluargaan yang boleh dipohon oleh wanita-wanita bekerja.

## SOALAN NO. 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN      JAWAB

BUKAN LISAN

DARIPADA                  Y.B. PUAN CHONG ENG

(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH                  13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan menetapkan keseimbangan gender menjadi salah satu garis panduan pelantikan ahli JKKK, ahli Majlis PBT dan lain-lain.

JAWAPAN :

Adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan termasuk di peringkat akar umbi. Dalam hal ini, kita dapat melihat terdapat peningkatan dalam bilangan wanita sebagai ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu daripada 10.4 peratus pada tahun 2004 kepada 12.6 peratus pada tahun 2009. Cadangan ahli Yang Berhormat untuk meletakkan keseimbangan gender sebagai salah satu garis panduan pelantikan ahli JKKK, ahli Majlis PBT dan lain-lain bertepatan pada masanya dan selaras dengan Dasar Wanita Negara. Justeru, saya akan mendapatkan kerjasama kerajaan negeri untuk meningkatkan usaha mereka bagi menambahkan penyertaan wanita di peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan ahli Majlis PBT.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan, Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita menjalankan program pembangunan kepimpinan di kalangan wanita di peringkat akar umbi untuk melahirkan wanita yang berkebolehan, berketrampilan dan berpotensi memegang jawatan-jawatan penting dalam Majlis PBT dan JK.KK.

RT 1/ 29

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN CHONG ENG

[ BUKIT MERTAJAM ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah di negeri Pulau Pinang yang telah memohon bantuan kewangan untuk tahun ini dan jumlah permohonannya. Adakah Kementerian akan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2011, kerajaan telah memberi bantuan persekolahan kepada 396 buah sekolah di negeri Pulau Pinang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM83,867,032.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

NO. SOALAN : 31

DARIPADA

PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]

RUJUKAN

3813

SOALAN:

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah trend indeks jenayah 10 tahun kebelakangan dan nyatakan sebabnya. Apakah langkah yang diambil untuk penambahanbaikan keselamatan rakyat.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jenayah indeks merangkumi Jenayah Kekerasan seperti berikut;

1. Bunuh,
2. Rogol,
3. Samun Berkawan Bersenjatapi,
4. Samun Berkawan Tanpa Senjatapi,
5. Samun Bersenjatapi,
6. Samun Tanpa Senjatapi
7. Mendarangkan Cedera.

Manakala bagi Jenayah Harta Benda berikut adalah jenis-jenisnya;

1. Semua jenis Curi,
2. Curi Lori/Van,
3. Curi Motokar,
4. Curi Motosikal,
5. Ragut,
6. Pecah Rumah dan Curi Siang Hari
7. Pecah Rumah dan Curi Malam

Pada tahun 2000 bilangan indeks jenayah adalah 167,130 kes, tahun 2001 sebanyak 156,401 kes, tahun 2002 sebanyak 148,978 kes, tahun 2003 sebanyak 156,238 kes, tahun 2004 sebanyak 156,363 kes, tahun 2005 sebanyak 157,365 kes, tahun 2006 sebanyak 196,780 kes kes, tahun 2007 sebanyak 209,582 kes, tahun 2008 sebanyak 211,645 kes, tahun 2009 sebanyak 209,817 kes dan tahun 2010 sebanyak 177,520 kes. Bilangan jenayah indeks yang direkodkan setiap tahun dari 2000 hingga 2010 adalah berkait rapat dengan peningkatan taraf hidup dan sosio-ekonomi yang berkembang dan juga peningkatan bilangan penduduk disesuatu tempat.

Pihak polis sedang melaksanakan pelbagai pencegahan jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah di seluruh negara. Diantaranya ialah;

- i) Pelaksanaan konsep “*Community Policing*” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti.
- ii) Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotorsikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan ‘*stop and talk*’.
- iii) Rondaan keretan (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah.

- iv) Menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun tepi jalann (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops lejang), pecah rumah curi (Ops Pintu) dan curi kabel logal dan tembaga (Ops Lusuh), sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI 1.1 iaitu menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak 5% dan NKPI 1.2 iaitu menurunkan kadar jenayah jalanan sebanyak 20%.
- v) Penugasan khas “Officer On Beat” yang mempunyai kekuatan seramai lapan orang pegawai dan lapan orang anggota dalam satu-satu masa. Penugasan mereka bermula dari 10 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.
- vi) Operasi Bersepadu melibatkan PDRM bersama pihak Kementerian serta agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Pihak Berkuasa Tempatan, sering dijalankan untuk membendung jenayah serta memantau aktiviti lain yang mempunyai kaitan dengan kejadian jenayah seperti kegiatan pendatang asing tanpa izin, penagih dadah atau penganggur yang terdesak.

RT 21 31

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN FONG PO KUAN

[ BATU GAJAH ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap kandungan berbahasa kesat di dalam taklimat yang disampaikan oleh "Uncle Jeff" di sekolah kepada pelajar-pelajar dan yang disebarluaskan menerusi laman web serta tindakan yang diambil, jika ada.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) maklum bahawa terdapat pelbagai agensi sama ada kerajaan, swasta, NGO dan orang perseorangan menganjurkan program dan aktiviti yang melibatkan guru-guru serta murid-murid sekolah di bawah KPM. Walau bagaimanapun semua program dan aktiviti yang dijalankan perlulah memenuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Berhubung dengan penganjuran aktiviti ini juga, KPM telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan ke majlis-majlis rasmi di sekolah. KPM pada dasarnya menyokong sekiranya ada pihak yang membantu memberikan pendidikan khususnya dalam pembentukan sahsiah dan peribadi mulia dalam kalangan murid. Namun usaha tersebut hendaklah berlandaskan nilai-nilai murni yang perlu diberi keutamaan.

Berhubung kes ceramah oleh seseorang yang disebut sebagai "Uncle Jeff", pihak KPM telah memberikan teguran dan nasihat kepada guru besar sekolah berkenaan agar lebih berhati-hati, meneliti isi kandungan serta memantau cara ceramah yang diberi agar selaras dengan usaha penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan murid.



**SOALAN NO: 32**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]
SOALAN	Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bagaimanakah Kementerian ini membantu petani - petani yang ditindas oleh Perbadanan dan Agensi Kerajaan Negeri yang diberi keutamaan penggunaan tanah agar sasaran meningkatkan pengeluaran makanan dapat dicapai.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai peluang kepada petani - petani yang ditindas atau tidak mempunyai tanah untuk mengusahakan aktiviti pertanian.

Antaranya adalah dengan menyertai Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan menyewa tanah terbiar yang didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian.



**SOALAN NO.:  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA            Y.B. PUAN FONG PO KUAN**

**KAWASAN            BATU GAJAH**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jejantas melintas di Jalan Ipoh-Lumut akan dibina untuk keselamatan pelajar melintas ke SMK Pusing, Perak memandangkan YB Timbalan Menteri sendiri telah turut melawat kawasan tersebut. Jika tidak, mengapa.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sedia maklum mengenai keperluan bagi membina sebuah jejantas di Jalan Persekutuan 5 (Jalan Ipoh - Lumut), iaitu berhampiran SMK Pusing, Perak. Pada masa kini jabatan Kerja Raya (JKR) sedang giat melaksanakan kerja-kerja mereka bentuk pembinaan jejantas tersebut. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM1.5 juta dengan tempoh siap kerja selama 6 bulan. Projek ini dicadang akan dimulakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10, iaitu seawalnya pada tahun hadapan (2012). Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan peruntukan diperoleh dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

# **JAWAPAN**

Sekian. Terima kasih.



NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                    BUKAN LISAN

DARIPADA                    YB PUAN FONG PO KUAN  
                                  [BATU GAJAH ]

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepada PERMATA Negara sejak ia dilancarkan dan nyatakan kejayaan-kejayaannya dan rancangan masa depannya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ.  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Program PERMATA dilancarkan pada tahun 2006 hingga 2011, sebanyak RM361 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi membiayai pelaksanaan 5 buah Program PERMATA. Peruntukan tersebut telah digunakan bagi melaksanakan perluasan Program PERMATA Negara iaitu membina, menaik taraf dan mengubah suai sebanyak 52 buah Pusat Anak PERMATA Negara, menaik taraf 313 buah TASKA PERMATA KEMAS, menaik taraf 27 buah TASKA PERMATA Perpaduan, 116 TASKA Komuniti, 32 buah TASKA PERMATA Keluarga Terengganu dan 9 buah TASKA JKM Sarawak. Selain itu, peruntukan ini juga digunakan untuk melatih seramai ke semua tenaga Pendidik yang berkhidmat di semua Pusat dan TASKA PERMATA, menyediakan peralatan pembelajaran

**NO. SOALAN : 35**

bagi semua Pusat dan TASKA PERMATA dan membiayai kos operasi 52 buah  
Pusat Anak PERMATA.

## NO. SOALAN : 34

Kejayaan Program PERMATA Negara ialah telah dapat menyediakan Kurikulum PERMATA yang boleh diguna pakai sebagai garis panduan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan.

Peruntukan tersebut juga digunakan untuk melaksanakan 4 buah program PERMATA iaitu Program PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan PERKASA Remaja dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Jabatan Kebudayaan. Di bawah Program PERMATA Pintar, sebuah Kompleks PERMATA Pintar juga telah dibina secara berperingkat dengan kos sebanyak RM 74 juta. Fasa 1 Kompleks PERMATA Pintar telahpun siap dan telah memulakan sesi pembelajaran dengan bilangan pelajar 130 orang. Para pelajar ini telah berjaya memenangi beberapa pertandingan akademik di peringkat antarabangsa. Selain itu seramai 1,500 pelajar pintar telahpun mengikuti Kem Perkhemahan Pintar Cuti Sekolah yang diadakan selama 3 minggu pada setiap akhir tahun.

Program PERMATA Seni yang terbahagi kepada PERMATA Seni Muzik, Seni Koir dan Tari juga telah diperkasakan dengan mengadakan latihan berterusan sepanjang tahun dan kem-kem pengajian intensif pada setiap cuti sekolah. PERMATA Seni Koir juga telah dijemput menyertai pertandingan koir peringkat antarabangsa di Vienna.

Program PERKASA Remaja juga telah dapat memperkasakan lebih ramai remaja melalui Program Komuniti PERKASA dan Kem Intervensi. Kedua-dua program ini telah dirancang khusus untuk memperkasakan remaja dengan pengisian program yang bertujuan untuk memberikan kemahiran dan pendedahan alam pekerjaan sebenar.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN PUAN FONG PO KUAN N0.35  
DARIPADA  
SOALAN Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapakah mengecualikan peminjam PTPTN kelulusan Kepujian Kelas Pertama yang meminjam selepas 1 Julai 2005 dan menamatkan pengajian pada 2009 daripada kelayakan pengecualian pembayaran balik pinjaman.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PTPTN mula melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah (pengecualian bayaran balik) bagi peminjam yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama atau setaraf mulai tahun 2003 sebelum dihentikan pada 1 Julai 2005 berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad.

Dasar ini telah diperkenalkan semula mulai Januari 2010 sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Bajet 2010. Langkah ini dibuat atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang IPT dan menunjukkan komitmen Kerajaan



terhadap usaha melahirkan modal insan yang cemerlang, galakan kepada peminjam dan hasrat Kerajaan memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan. Bagi tempoh Januari 2010 sehingga April 2011, seramai 923 peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik yang melibatkan amaun berjumlah RM 27.84 juta.

Namun begitu, para pelajar yang diluluskan pinjaman selepas 1 Julai 2005 dan tamat sebelum 1 Januari 2010 tidak dapat dipertimbangkan kemudahan tersebut. Ini tidaklah bermakna kerajaan tidak menghargai para pelajar yang terlibat, sebaliknya keputusan terpaksa dibuat kerana kedudukan kewangan yang terhad.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**BUKAN LISAN  
Y.B. PUAN TERESA KOK SUH  
(SEPUTEH) SIM**

**SOALAN** **Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Bajet pengiklanan Tourism Malaysia bagi tempoh 2011 - 2013 dan nyatakan nilai-nilai kontrak yang dianugerahkan kepada setiap agensi pengiklanan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, soalan ini telah dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan di Dewan Rakyat pada 15 Mac 2011.

Bajet pengiklanan Tourism Malaysia bagi tempoh 2011-2013 adalah sebanyak RM127 juta setahun. Jumlah kontrak pengiklanan bagi tempoh tiga tahun (2011- 2013) ialah sebanyak RM381 juta. Kontrak pengiklanan ini dipecahkan kepada 5 pasaran dan syarikat-syarikat yang telah dianugerahkan kontrak adalah seperti berikut:-

BIL	PASARAN	SILING NILAI KONTRAK		SYARIKAT
		SETAHUN	3 TAHUN	
1	Pasaran Negara-Negara ASEAN	RM 25 juta	RM 75 juta	Naga DDB Sdn Bhd
2	Pasaran Asia Timur dan Asia Utara	RM 25 juta	RM 75 juta	Smascom & Designs Sdn Bhd
3	Pasaran Asia Selatan, Asia Barat dan Asia Selatan	RM 26 juta	RM 78 juta	Sen Media Sdn Bhd.
4	Pasaran Eropah, Amerika dan Oceania	RM 21 juta	RM 63 juta	M & C Saatchi (M) Sdn Bhd
5	Pasaran Domestik dan Acara	RM 30 juta	RM 90 juta	Impact Creation (M) Sdn Bhd.
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM127 JUTA</b>	<b>RM381 JUTA</b>	

Had nilai kontrak setahun diberikan mengikut setiap pasaran berdasarkan trend, keperluan dan pelan pemasaran seperti yang telah ditetapkan. Walau

bagaimanapun, syarikat akan dibayar mengikut perkhidmatan yang dipersetujui oleh Tourism Malaysia dan tidak melebihi had nilai kontrak yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN                           BUKAN LISAN  
DARIPADA                           PUAN TERESA KOK SUH SIM  
   [SEPUTEH]

SOALAN:

PUAN TERESA KOK SUH SIM minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pengundi biasa dan pengundi pos yang telah didaftarkan di negeri Selangor pada 2007, 2008, 2009, 2010 dan penggal pertama 2011.

JAWAPAN:                           YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
   MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih biasa dan pengundi pos berdaftar bagi negeri Selangor seperti mana pada Daftar Pemilih Induk Tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Pertama Tahun 2011 adalah seperti pada Jadual 1 di bawah.

## SOALAN NO.37

Jadual 1

Bil.	• Tahun	Pemilih Biasa	Pengundi Pos	Jumlah Pemilih
1.	2007	15,523	1,549,970	1,565,493
2.	2008	15,545	1,568,853	1,584,398
3.	2009	15,924	1,607,296	1,623,220
4.	2010	18,252	1,732,674	1,750,926
5.	Suku Tahun Pertama 2011	18,720	1,746,529	1,765,249

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

38 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BUKAN LISAN  
DARIPADA                    PUAN TERESA KOKSUH SIM [ SEPUTEH ]

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] meminta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Penganut Kristian di setiap negeri di Malaysia; dan
- b) Pecahan kaum di kalangan penganut Kristian di Malaysia

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, data Band Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia yang menganut agama Kristian berjumlah 2.0 juta orang. Daripada jumlah tersebut, didapati penganut agama Kristian paling tinggi adalah di negeri Sarawak iaitu sebanyak 853.2 ribu orang (42.16%) diikuti dengan Sabah sebanyak 690.5 ribu orang (34.12%) dan Selangor sebanyak 166.4 ribu orang (8.23%).

Bagi pecahan kaum di kalangan penganut Kristian di Malaysia pula, kaum Cina merupakan penganut agama Kristian tertinggi iaitu sebanyak 513.4 ribu orang, diikuti oleh kaum Iban sebanyak 408.4 ribu orang, kaum kadazan Dusun sebanyak 343.7 ribu orang, Bumiputera Lain sebanyak 236.1 ribu orang, kaum Bidayuh sebanyak 147.6 ribu orang dan India seramai 121.5 ribu orang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, data Band Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 mengikut agama dan kaum tidak dapat dibekalkan pada masa ini kerana data band masih lagi diproses. Maklumat tersebut hanya tersedia selepas Julai 2011.



PERTANYAAN                    BUKAN LISAN

DARIPADA                    YB PUAN TERESA KOK SUH SIM

[SEP JTEH ]

AGENSI MENJAWAB: JABATAN PEGUAM NEGARA

**SOALAN**

**YB Puan Teresa Kok Suh Si**  
m [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kes hasutan telah didakwa oleh Peguam Negara, bilangan kes yang telah dibuang oleh mahkamah dan bilangan kes yang didapati tidak bersalah setiap tahun sejak wujudnya Akta Hasutan.

**JAWAPAN: DATO\* SERI MOHAMEDIMAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak wujudnya Akta Hasutan 1948, sebanyak 18 pertuduhan telah dikemukakan di Mahkaman oleh Pendakwa Raya bagi kesalahan- kesalahan di bawah Akta tersebut. Daripada 18 kes tersebut, 4 kes telah dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah dan 2 kes telah dilepaskan tanpa dibebaskan (*discharge not amounting to acquittal*) atas permohonan Pendakwa Raya

8 kes pula telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta tersebut dan 4 kes lagi masih dalam proses perbicaraan iaitu kes yang melibatkan Uthaya Kumar, Ganabatijau a/l Veramah, Waytha Moorthy a/l Ponnusamy dan YB Mat Shiihaimi bin Shafie (ADUN Sri Muda)

/v/o . SoAr^^: NO.  
AtJIVfr : 40

**JUGrAUf-:**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA** PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]

**TARIKH**

**RUJUKAN** 3815

### **SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan warga asing yang mendapat sijil pemastautin tetap (PR) pada 2007, 2008, 2009, 2010 dan negara asal mereka. Sila nyatakan syarat yang dikenakan ke atas pemohon PR tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang

JAWAPAN:

mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah warga asing yang telah mendapat MyPR bagi tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010 adalah sebanyak **16,296 orang**. Pecahan mengikut lima (5) negara asal tertinggi bagi tempoh 2007 hingga 2010 adalah seperti berikut:-

(i)	Filipina	5,230;
(ii)	Indonesia	2,789;
(iii)	Thailand	2,480;
(iv)	Malaysia	2,157;
(v)	India	1,332.

Tuan Yang Dipertua,

Syarat-syarat yang dikenakan bagi setiap pemohon untuk mendapatkan Permit Masuk bagi tujuan memperolehi taraf Pemastautin Tetap adalah seperti berikut:

- (i) suami dan isteri kepada Warganegara Malaysia yang mana usia perkahwinannya melebihi 5 tahun dan perkahwinan masih berterusan;

- (ii) pakar dan golongan berbakat dan berkemahiran tinggi dan kemahirannya diperakukan oleh agensi kawal selia;
- (iii) pelabur dan “*high network individual*” (*dengan izin*) dengan pelaburan bernilai 2 juta USD dalam simpanan tetap di bank-bank negara ini;
- (iv) golongan-golongan lain berdasarkan sistem merit;
  - (i) berkelakuan baik sepanjang masa;
  - (ii) patuh kepada Undang-undang Negara Malaysia;
  - (iii) tidak boleh menganggotai pertubuhan politik; dan
  - (iv) tidak boleh menyertai atau melibatkan diri dalam sebarang gerakan atau pertubuhan yang membawa ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN

DARIPADA                  TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

**SOALAN:**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua murid kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia 2010 yang diberikan basiswa JPA mengikut kategori Biasiswa Luar Negara (mata pelajaran masing-masing), Biasiswa Dalam Negara (mata pelajaran masing-masing) dan basiswa untuk Matrikulasi dan keputusan SPM yang diperolehi mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2011, JPA telah menawarkan 1,500 basiswa di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan 2,500 basiswa di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) bagi pelajar lepasan SPM 2010. Kesemua penerima basiswa ini merupakan pelajar cemerlang yang memperoleh sekurang-kurangnya 9A- dalam SPM 2010 tertakluk kepada kombinasi

mata pelajaran bagi bidang yang dipohon seperti mana syarat umum permohonan yang telah ditetapkan.

Statistik penerima biasiswa JPA di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) bagi pelajar cemerlang lepasan SPM 2010 mengikut bidang adalah seperti berikut:

BIDANG		
	PILN	PIDN*
PERUBATAN (PERUBATAN, FARMASI DAN PERGIGIAN)	885	783
SAINS DAN TEKNOLOGI	463	1,338
ASTERA DAN SAINS SOSIAL	152	379
JUMLAH	1,500	2,500

\* Meliputi pelajar-pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti pengajian di peringkat matrikulasi, asasi, diploma di IPTA dan persediaan di IPTS.

Di samping itu, terdapat 282 pelajar cemerlang lepasan SPM 2010 yang memperoleh sekurang-kurangnya 8A+ dalam semua mata pelajaran turut ditawarkan biasiswa ini selaras dengan keputusan YAB Perdana Menteri bahawa semua pelajar lepasan SPM 2010 yang mendapat sekurang-kurangnya 8A+ yang memenuhi syarat, memohon dan hadir temu duga akan ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian sama ada di dalam atau luar negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kecemerlangan akademik yang ditimbangkan adalah berdasarkan

sembilan mata pelajaran utama sahaja, mengikut kesesuaian bidang pengajian yang dipohon oleh pelajar. Had ini ditetapkan bagi memastikan semua calon bertanding di atas *level playing field* (dengan izin), kerana tidak semua sekolah mempunyai kemampuan dan membenarkan pelajar mengambil lebih daripada sembilan mata pelajaran. Bagi mendapatkan calon yang memiliki personaliti unggul (*wholesome personality*), Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009 memutuskan bahawa kriteria pemilihan Program Ijazah Luar Negara (PILN) bukan melihat kepada kecemerlangan akademik sahaja, tetapi turut mengambil kira latar belakang sosioekonomi keluarga, kokurikulum dan temu duga.

Selain itu, penawaran biasiswa adalah mengikut markah keseluruhan yang diperoleh pelajar. Pelajar yang gagal ditawarkan biasiswa adalah pelajar yang memperoleh markah keseluruhan yang rendah dalam bidang masing-masing mengikut kategori dan kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Kateaori 1 - Biasiswa berdasarkan kecemerlangan pelajar, sebanyak 20% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Untuk kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%), kokurikulum (10%) dan temu duga (5%). Latar belakang dan kedudukan sosioekonomi calon tidak diambil kira.
- (ii) Kateaori 2 - Biasiswa berdasarkan komposisi kaum, sebanyak 60% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (75%), kokurikulum (10%), latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan temuduga (5%). Pembahagian biasiswa adalah mengikut peratusan komposisi rakyat Malaysia.

- (iii) Kateori 3 - Biasiswa untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).
- (iv) Kateori 4 - Biasiswa untuk golongan *socially disadvantaged*, sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada jawapan bagi pertanyaan lisan oleh YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] pada 13 Jun 2011 yang lalu, berhubung kesanggupan Kerajaan untuk mendedahkan senarai penerima biasiswa beserta markah yang diperolehi, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mendedahkan senarai penerima biasiswa dan markah merit yang mereka peroleh kepada umum untuk memelihara kerahsiaan dan hak individu tersebut

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 42**

DARIPADA

TUAN CHONG CHIENG JEN

[ BANDAR KUCHING ]

TARIKH

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG

JEN [ Bandar Kuching ] minta MENTERI

KESIHATAN

menyatakan menyatakan senarai poliklinik di Bahagian Kuching dan jumlah pesakit yang dirawat di poliklinik masing masing dalam tahun 2008, 2009 dan 2010. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menaiktaraf poliklinik tersebut agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan yang terdapat di Bahagian Kuching ialah Klinik Kesihatan Jalan Masjid, Klinik Kesihatan Tanah Putih dan Klinik Kesihatan Kota Sentosa. Jumlah pesakit Klinik Kesihatan Jalan Masjid bagi tahun 2008 adalah seramai 219,842 orang, 277,455 orang pada tahun 2009 dan 253,724 orang untuk tahun 2010. Terdapat peningkatan kedatangan pesakit pada tahun 2009 bagi Klinik Kesihatan Jalan Masjid berbanding tahun 2008 dan penurunan kedatangan pesakit pada tahun 2010. Untuk Klinik Kesihatan Tanah Putih jumlah pesakit bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masing adalah seramai 90,070, ; 91,538 ; dan 96,358 orang. Tren kedatangan dan jumlah pesakit menunjukkan peningkatan sejak dari tahun 2008. Manakala bagi Klinik Kesihatan Kota Sentosa juga menunjukkan peningkatan jumlah pesakit sejak dari tahun 2008 iaitu seramai 82,222 orang pesakit, pada tahun 2009 seramai 84,771 dan 85,894 orang pesakit pada tahun 2010.

Bagi menampung keperluan penduduk setempat, pembinaan klinik baru di bandar Kuching juga telah dilaksanakan untuk mengurangkan beban pesakit di klinik sedia ada seperti mewujudkan 2 buah Klinik 1 Malaysia di Jalan Matang dan di Pekan Kota Padawan. Klinik Kesihatan Batu Kawa juga sedang dibina di Kuching dan dijangka akan siap pada akhir tahun 2011.

Untuk makluman, terdapat 19 buah Klinik Kesihatan yang beroperasi di bahagian

Kuching. Senarai klinik-klinik tersebut adalah seperti berikut:-

1. Klinik Kesihatan Bako
2. Klinik Kesihatan Batu Kawa
3. Klinik Kesihatan Buntal
4. Klinik Kesihatan Bunuk
5. Klinik Kesihatan Hospital Lundu
6. Klinik Kesihatan Hospital RCBM
7. Klinik Kesihatan Kota Sentosa
8. Klinik Kesihatan Mosque Road
9. Klinik Kesihatan Padawan
10. Klinik Kesihatan Police Field Force
11. Klinik Kesihatan Santubong
12. Klinik Kesihatan Sematan
13. Klinik Kesihatan Sempadi
14. Klinik Kesihatan Siburan
15. Klinik Kesihatan Stoh Rambungan
16. Klinik Kesihatan Tanah Puteh
17. Klinik Kesihatan Telaga Air
18. Klinik Kesihatan Teng Bukap
19. Klinik Kesihatan Tg Embang

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau Klinik Kesihatan yang memerlukan kerja penyelenggaraan, pembaikan dan naiktaraf bangunan mengikut keperluan semasa.

Sebagai contoh,

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

sedang merancang untuk menaiktaraf dan menambah ruang klinik di Klinik Kesihatan Tanah Puteh bagi menampung kedatangan pesakit sedia ada. Manakala bagi Klinik Kesihatan Kota Sentosa, pembaikan kerja kecil telah dirancang untuk tahun 2011. Bagi Klinik Kesihatan Jalan Masjid, kerja-kerja naiktaraf dan pembaikan tidak dapat dilaksanakan secara meluas kerana kawasan yang terhad.

Selain kerja-kerja pembaikan naiktaraf bangunan Klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan

turut memberi tumpuan kepada peningkatan perkhidmatan rawatan seperti menyediakan khidmat kepakaran yang diberikan oleh Pakar Perubatan Keluarga.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [ BANDAR KUCHING ] minta  
MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan senarai nama pengilang-pengilang diSemenanjung Malaysia dan Sarawak yang ada dikenakan cukai jualan atas botol plastik air minuman mineral. Berapakah yang masing-masing pengilang itu bayar dalam tahun 2008, 2009 dan 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 46 buah syarikat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mengilang sendiri botol plastik untuk mengisi air minuman yang dikeluarkan olehnya. Daripada 46 buah syarikat tersebut, 22 buah syarikat telah dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 manakala bakinya iaitu 24 buah syarikat baru dilesenkan mulai Januari 2011 atau sedang dalam proses untuk dilesenkan. Senarai nama kesemua pengilang botol plastik tersebut adalah seperti dalam Jadual berikut:

NO SOALAN :26

BIL.	NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS
1.	Vs Ro Industries Sdn. Bhd. No.2 Lot 24972 Jalan Kota Putri 1 Kota Industrial Park, 81750 Pasir Gudang, Johor

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS</b>
2.	Ocean Mineral Water Lot 690 Batu 16 <sup>xh</sup> , Jalan Sungai Tira 81800 Ulu Tiram, Johor
3.	Healthson Corporation Sdn. Bhd. No. 6 Jalan Budi 5, Taman Wawasan Perindustrian 83000 Batu Pahat, Johor
4.	Malee Mineral Water Sdn. Bhd. Lot 288, Batu 6 Jalan Jemaluang 86800 Mersing, Johor
5.	Amshore Holding Sdn. Bhd. Ia, Jalan Kampung Sungai Suloh Mukim Minyak Beku 83000 Batu Pahat, Johor
6.	Aplus Food & Beverages Sdn. Bhd 5 Jalan Permatang Satu, Taman Desa Jaya 81100 Johor Bahru, Johor
7.	Angenet Sdn Bhd Ptd 6966 Bukit Jintan, Mukim Tanjung Sembrong (Vii) 83000 Batu Pahat, Johor
8.	Amshore Holding Sdn. Bhd. 1 Jalan Budi Tengah, Taman Perindustrian Wawasan Mukim Minyak Beku, 83000 Batu Pahat, Johor
9.	Everpure Water Sdn. Bhd. 4 Jalan Mangga, Tampoi 81200 Johor Bahru, Johor
10.	BP Water Sdn. Bhd. 9 Jalan Budi Selatan, Taman Perindustrian Wawasan Jalan Tanjung Labuh, 83000 Batu Pahat, Johor
11.	Maya Packaging Industries Sdn. Bhd. 8 Jalan Kilang, Dato' Onn Industrial Estate 80350 Johor Bahru, Johor

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS</b>
12.	Pro Network Sdn. Bhd. Negeri Sembilan
13.	Chiian Sin Sdn. Bhd. No. 1, Jalan Sitar 33/6, Seksyen 33 Taman Perindustrian Shah Alam, Selangor
14.	R.O. Water Sdn. Bhd. Lot 24, Jalan 5 Cheras Jaya Balakong 43200 Selangor
15.	Chuan Sdn. Bhd. Lot 898 Jalan Reservior Off Jalan Air Kuning 34000 Taiping, Perak
16.	Nonya Manis (M) Sdn. Bhd. Pt 7273/7475, Taman Industrial Sing Tai Jalan Perusahaan Kamunting 34600 Taiping, Perak
17.	WBF Food Industries 226, Lorong Perak 8, Mergong Industrial Estate 2 Seberang Jalan Putera 05150 Alor Setar, Kedah
18.	Good Line Plastik Manufacturer Alor Setar, Kedah
19.	Inner Elite Plastik 98-L Jalan Perak, Mergong 1 05150 Alor Setar, Kedah
20.	Depca Nutri Link Sdn. Bhd. Lot 554 & 559 Mukim Relau 14200 Bandar Baharu, Kedah
21.	Online Version Sdn. Bhd. 31, Lorong Sungai Tukang 1/3 Kawasan Perusahaan Ringan Sungai Tukang 08000 Sg Petani, Kedah

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS</b>
22.	Osmo Packaging Sdn. Bhd. 10 Lorong Teguh 2, Taman Industri Teguh Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
23.	T.H. Mineral Water Industries (M) Sdn. Bhd. Km 2 V <sub>2</sub> , (Wang Wu) Jalan Tasoh 02200 Kaki Bukit, Perlis
24.	Rubystar Enterprise Lot 1313, Kg Panchor, Kemumin 16100 Kota Bharu, Kelantan
25.	Narisu Enterprise Lot 77 Kg Bechah Tendong 17030 Pasir Mas, Kelantan
26.	Swee Long 4882-E, Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bharu, Kelantan
27.	Water World Network Sdn. Bhd. No. 6 Jalan Jaya Gading, Kawasan Industri Jaya Gading 21650 Kuantan, Pahang
28.	D & S Water Centre Sdn. Bhd. Lot 88, Pegelan Shopping Complexs 89007 Keningau, Sabah
29.	C.Y.C Holdings Sdn. Bhd. Tb263, Lot 136a, Perdana Square Mile 3.5, Jalan Apas, 91000 Tawau, Sabah
30.	Tawau Water Industries Sdn. Bhd. Tb9139/9140, Lot 421, 43b Perdana Square Mile 3.5, Jalan Apas 91000 Tawau, Sabah
31.	Elite Water Tb 10403 & 10404, 43b Perdana Square Mile 3.5, Jalan Apas Tawau, Sabah

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS</b>
32.	Elite Harvest Sdn. Bhd. P.O.Box 22021, Luyang Past Office 88767 Kota Kinabalu, Sabah
33.	Rinajadi Sdn. Bhd. Lot 20, Sinar Light Industrial Centre Batu <i>m</i> Jalan Tuaran Inanam, P.O.Box 22784 88787 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah
34.	Nabalu Trading Lot 1 & 2 Ground Floor, Taman Nikmat 2 P.O.Box 90, 89157 Kota Belud, Sabah
35.	KK Drinks Sdn. Bhd. Mile 7 <i>V</i> <sub>2</sub> Light Industrial Centre, Jalan Tuaran Inanam Sabah, P.O.Box 10314 88803 Kota Kinabalu, Sabah
36.	Shinsena Corporation Sdn. Bhd. Lot A4m HSK Oriental Industrial Centre Off Jalan Bundusan, 89507 Penampang, Sabah
37.	Gardenia Beverages Sdn. Bhd. Mile 5.5 Jalan Putatan, P.O.Box 146643 Kota Kinabalu, Sabah
38.	Unigrowth Enterprise Sdn. Bhd. Mpkk No. 47, Lot 57, Blok C, Phase Ii Lorong Durian 3, Kian Yap Industrial Estate 88450 Ke Ombong, Kota Kinabalu, Sabah
39.	Tambunan Food Industries Sdn. Bhd. Lot 2834. Maju Ota Industrial Centre Penampang, Sabah
40.	Slylopak Sdn. Bhd. Lot 2249, Section 66, Jalan Daya Pending Industrial Estate 93450 Kuching, Sarawak

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENGILANG DAN ALAMAT PREMIS</b>
41.	Inomedia Industries Sdn. Bhd. Lot 154, Blok 71, Kcll 10th Miles Jalan Kuching-Serian, 93250 Kuching, Sarawak
42.	Aquablue Sdn Bhd No. 25 Lot 1555 Jalan Kuap Kang Cheng Light Industrial Estate Batu 10 Off Jalan Penrisen, Kuching, Sarawak
43.	Water Genesis Sdn. Bhd. Lot 1151 Blok 8, Mtld Demak Laut Industrial Park Phase 3 93050 Kuching, Sarawak
44.	Borneo Spring No. 94 Batu Iljambatan Merah, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak
45.	Syarikat Bandaraya Timor No. 293 Blok 295, 5 % Miles Jalan Semaba 93250 Kuching, Sarawak
46.	Crystal Plastic Industries Sdn Bhd Lot 1984 Section 66, Bintawa Industrial Estate Jalan Semangat, 93450 Kuching, Sarawak

Jumlah cukai jualan yang telah dibayar oleh 22 buah syarikat yang telah dilesenkan untuk mengilang botol plastik tersebut dalam tahun 2010 adalah sebanyak RM5,328,288.32. Bagi lain-lain syarikat yang baru dilesenkan mulai Januari 2011, cukai jualan hanya akan dibayar seawal bulan Mac 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

**SOALAN :**

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat 31 Mac 2011, jumlah kakitangan Kerajaan dari segi kaum Melayu, Cina, Iban dan Bidayuh. Apakah angka terperinci itu dalam setiap Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 17 Jun 2011, bilangan pegawai awam Persekutuan (tidak termasuk polis dan tentera) dari kalangan kaum adalah :

Melayu 601,862 orang

Cina 57,578 orang

Iban 13,882 orang dan

Bidayuh 7,108 orang.

Kedudukan pengisian mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 44

BI L	KEMENTERIAN/JABATAN	MELAYU	CINA	IBAN	BIDAYUH
1	Jabatan Perdana Menteri	31,297	797	412	279
2	Kementerian Belia Dan Sukan	2,980	32	27	21
3	Kementerian Dalam Negeri	40,263	614	823	476
4	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2,442	18	26	18
5	Kementerian Kerja Raya	6,221	156	21	9
6	Kementerian Kesihatan Malaysia	130,106	9,500	3,657	1,894
7	Kementerian Kewangan	15,835	508	247	155
8	Kementerian Luar Negeri	1,215	53	7	6
9	Kementerian Pelajaran Malaysia	273,791	43,669	7,379	3,434
10	Kementerian Pelancongan Malaysia	455	19	6	6
11	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	5,461	75	75	42
12	Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia	8,839	402	231	134
13	Kementerian Pengajian Tinggi	15,012	334	84	54

NO SOALAN : 44

BIL	KEMENTERIAN/JABATAN	MELAYU	CINA	IBAN	BIDAYUH
14	Kementerian Pengangkutan	9,028	205	198	168
15	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	785	29	7	4
16	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,Koperasi Dan Kepenggunaan	2,645	47	43	23
17	Kementerian Pertahanan	12,078	113	123	76
18	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	8,826	206	54	45
19	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	11,363	173	201	88
20	Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	195	5	-	-
21	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	3,596	240	48	48
22	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	11,849	227	108	67
23	Kementerian Sumber Manusia	6,457	129	98	60
24	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	553	19	5	-
25	Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	570	8	2	1
<b>JUMLAH</b>		<b>601,862</b>	<b>57,578</b>	<b>13,882</b>	<b>7,108</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**                   **TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**

**SOALAN:**

**TUAN CHONG CHIENG JEN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat 31 Mac 2011, bilangan pengundi postal yang mengundi di setiap kawasan Parlimen di Sarawak dan beberapa antara mereka yang bukan berasal dari Sarawak.

**JAWAPAN:**      **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi pos bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Parlimen di Sarawak seperti mana pada Daftar

SOALAN NO.45

Pemilih Terkini Sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2011 (setakat 31 Mac 2011), adalah seperti di Jadual 1 di bawah, manakala SPR tidak mempunyai maklumat mengenai berapa ramai antara pengundi pos ini yang bukan berasal dari negeri Sarawak.

**Jadual 1**

**SOALAN NO.45**

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian Pilihan Raya Parlimen</b>	<b>Jumlah Pengundi Pos</b>
1.	P. 192 Mas Gading	96
2.	P. 193 Santubong	108
3.	P. 194 Petra Jaya	592
4.	P. 195 Bandar Kuching	1,832
5.	P. 196 Stampin	3,893
6.	P. 197 Kota Samarahan	3,808
7.	P. 198 Mambong	452
8.	P. 199 Serian	129
9.	P. 200 Batang Sadong	85
10.	P. 201 Batang Lutar	5
11.	P. 202 Sri Aman	1,120
12.	P. 203 Lubok Antu	38
13.	P. 204 Betong	95
14.	P. 205 Saratok	99
15.	P. 206 Tanjung Manis	1
16.	P. 207 Igan	36
17.	P. 208 Sarikei	279

**SOALAN NO.45**

	<b>Bahagian Pilihan Raya Parlimen</b>	<b>Jumlah Pengundi Pos</b>
18.	P. 209 Julau	55
19.	P. 210 Kanowit	43
20.	P. 211 Lanang	636
21.	P. 212 Sibu	3,042
22.	P. 213 Mukah	126
23.	P. 214 Selangau	35
24.	P. 215 Kapit	125
25.	P. 216 Hulu Rajang	40
26.	P. 217 Bintulu	119
27.	P. 218 Sibuti	12
28.	P. 219 Miri	1,387
29.	P. 220 Baram	45
30.	P. 221 Limbang	248
31.	P. 222 Lawas	97
<b>JUMLAH</b>		<b>18,678</b>

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## Pertanyaan PERTANYAAN BUKAN LISAN

Daripada Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]

Soalan No. 46

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan senarai nama pengusaha ladang kelapa sawit, koko dan getah yang mengusahakan kawasan seluas 5,000 hektar ke atas di Sabah dan jumlah nilai royalti dibayar kepada Kerajaan. Apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan perusahaan ini dan berapa jumlah sasaran bagi setiap tahun.

JAWAPAN

Pengusaha ladang getah yang mengusahakan kawasan seluas 5,000 hektar ke atas adalah Bornion Timber Sdn. Bhd. dengan keluasan sasaran sebanyak 25,000 hektar dan status pembangunan terkini adalah seluas 6,500 hektar. Lokasi ladang tersebut adalah di SMU 11 Keningau.

Bagi tanaman sawit, terdapat 27 ladang sawit berdaftar yang mempunyai keluasan melebihi 5,000 hektar di Sabah. Walau bagaimanapun nama pengusaha ladang sawit tidak dapat didedahkan kerana tertakluk kepada Seksyen 66, "Kewajipan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Menyimpan Rahsia” di bawah Akta 582 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), yang mana menyatakan MPOB tidak dibenarkan untuk memberi sebarang rekod atau dokumen pelesen kepada pihak ketiga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada ladang koko yang melebihi 5,000 hektar ke atas.

Berhubung dengan royalti, perkara ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di antara syarikat-syarikat berkenaan dengan Kerajaan Negeri.

Kerajaan sentiasa menjalankan program-program bagi membangun dan meningkatkan lagi perusahaan tanaman komoditi termasuk tanaman kelapa sawit, getah dan koko. Antara insentif yang diberikan bagi menggalakkan penanaman adalah dengan menyediakan bantuan dalam bentuk input pertanian seperti anak pokok, baja, racun rumpai dan peralatan tanaman melalui program tanaman baru, tanaman semula dan tanaman integrasi kepada individu yang berminta menyertai perusahaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (*National Key Economic Areas - NKEA*), menjelang tahun 2020, Kerajaan telah mensasarkan kawasan tanaman baru sawit pekebun kecil seluas 300,000 hektar. Bagi tanaman getah pula, disasarkan 30,000 hektar kawasan penanaman baru setahun untuk tempoh 5 tahun bermula pada 2010. Rancangan penanaman baru sawit dan getah ini adalah termasuk di negeri Sabah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :      BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  YB DATO' ERIN ENCHIN  
                                  MAJIMBUN  
                                  (SEPANGGAR)**

**TARIKH**

**SOALAN                  47**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan tahap kemajuan rancangan Kerajaan untuk menurap jalan-jalan kampung dan bandar dalam lingkungan 10.0 kilometer dari pusat bandar telah dilaksanakan. Bilakah Jalan Timbok / Natai / Bunsut Telipok, Jalan Kawakaan / Tindai Inanam, Jalan Kiambalang / Babagon Toki Inanam dan Jalan Pulutan / Mansiang Menggatal dapat dimulakan pelaksanaan untuk menurap jalan-jalan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yan Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA 2010- 2012), Kerajaan telah menasarkan untuk membina sepanjang 2,527 km Jalan Luar Bandar (JALB) di seluruh negara. Sehingga Mei 2011, sepanjang 1,149.95 km Jalan Luar Bandar (JALB) telah disiapkan yang merangkumi sepanjang 512.51 km di Semenanjung, 314.5 km di Sabah dan 322.94 km di Sarawak.

Untuk makluman YB Dato' juga, projek Membina Jalan Kawakaan / Tindai Inanam kini dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada 18 Mei 2013. Bagi pelaksanaan Jalan Timbok / Natai / Bunsut Telipok, Jalan Kiambalang / Babagon Toki Inanam dan Jalan Pulutan / Mansiang, Kementerian akan mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan

Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk pertimbangan di bawah Rolling Plan Kedua (2013-2015).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3903**

**SOALAN:**

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing yang diambil untuk bekerja dalam setiap bidang pekerjaan di Sabah dan juga rakyat tempatan serta jumlah kekosongan pekerjaan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, berdasarkan kepada statistik pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) kepada pekerja asing dari bulan Mac 2010 sehingga Disember 2010, jumlah pekerja asing di Sabah berjumlah 272,157 orang. Pecahan pekerja asing mengikut warganegara dan sektor adalah seperti berikut

**NO. SOALAN : 48**

NEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBUATAN	PERLADANGAN	PEMBINAAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	LAIN-LAIN
INDONESIA	18,603	23,598	126,226	7,024	7,748	48,817	149
FILIPINA	2,556	2,864	9,941	5,295	3,670	15,508	149
CAMBODIA	7	0	0	0	0	0	0
BANGLADESH	2	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	21,168	26,462	136,167	12,319	11,418	64,325	298
JUMLAH	272,157						

Berhubung dengan bidang pekerjaan yang diceburi oleh rakyat tempatan dan jumlah kekosongan pekerjaan, dukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai maklumat dan data tersebut. Perkara ini adalah di bawah bidang tugas Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah.

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN  
LISAN

DARIPADA :DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[SEPANGGAR]  
SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] meminta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bancian penduduk bagi setiap 10 tahun sejak 1960 hingga 2010 di seluruh negara mengikut suku kaum negeri masing-masing serta jumlah anggaran penduduk menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia telah dijalankan setiap 10 tahun sekali iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010 sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Walau bagaimanapun, pada tahun 1957, Band Penduduk Malaya telah dijalankan dan meliputi Persekutuan Tanah

Melayu sahaja di mana bilangan penduduknya adalah sebanyak 6.3 juta orang. Banci penduduk North Borneo (Sabah) dijalankan pada tahun 1960 dengan jumlah penduduk seramai 454.4 ribu orang. Jumlah penduduk Malaysia pada Band yang pertama (Band 1970) selepas penubuhannya pada tahun 1963 adalah sebanyak 10.3 juta orang. Untuk band-band berikutnya, jumlah penduduk adalah sebanyak 13.1 juta orang (Band 1980), 17.6 juta orang (Band 1991) dan 22.2 juta orang (Band 2000).

Secara umum, pecahan penduduk mengikut kaum pada tahun-tahun band 1957 hingga 2000 menunjukkan trend yang sama dimana Melayu merupakan kaum tertinggi, diikuti kaum Cina dan India. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sabah dan Sarawak, pecahan kaum adalah berbeza. Bagi negeri Sabah, Kadazan Dusun merupakan kaum tertinggi diikuti oleh Bumiputera Lain, Bajau dan Melayu. Untuk negeri Sarawak pula, kaum Iban merupakan etnik majoriti diikuti oleh kaum Cina dan Melayu.

Berdasarkan laporan awalan Banci 2010, jumlah penduduk Malaysia adalah sebanyak 27.6 juta orang. Memandangkan data awalan Banci 2010 yang berasaskan ringkasan kiraan yang dibuat selepas operasi kerja luar, taburan bilangan penduduk mengikut suku kaum etnik tidak dapat dikeluarkan. Data muktamad dan terperinci hanya dapat dikeluarkan selepas kerja prosesan banci selesai. Laporan yang mengandungi ciri-ciri demografi dan sosial akan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan selepas Julai 2011. Buat masa ini, maklumat taburan penduduk mengikut kumpulan etnik yang dapat dikeluarkan adalah data berdasarkan unjuran penduduk. Berdasarkan unjuran Jabatan, anggaran penduduk menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 31.6 juta orang.

(Maklumat berkaitan penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri bagi Banci Penduduk Persekutuan Tanah Malaya, 1957 (Jadual 1), Banci penduduk North Borneo (Sabah) 1960 (Jadual 2), Banci penduduk dan perumahan 1970 (Jadual 3), Banci penduduk dan perumahan 1980 (Jadual 4), Banci penduduk dan perumahan 1991 (Jadual 5) dan Banci penduduk dan perumahan 2000 (Jadual 6).

Data awalan Banci penduduk dan perumahan 2010 mengikut negeri (Jadual 7) dan data unjuran 2010 dan 2020 mengikut kaum dan negeri (Jadual 8).

Jadual 1: Penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri,  
Persekutuan Tanah Melayu, 1957

Negeri	. Jumlah	Kumpulan etnik			
		Malaysians	Cina	India	. Lain-lain
Jumlah	6,278,758	3,125,474	2,333,756	696,186	123,342
Johor	926,850	444,618	392,568	70,948	18,716
Kedah	701,964	475,563	144,057	67,094	15,250
Kelantan	505,522	463,118	28,861	5,665	7,878
Melaka	291,211	143,128	120,759	23,266	4,058
Negeri Sembilan	364,524	151,408	150,055	54,399	8,662
Pahang	313,058	179,088	108,226	21,838	3,906
Perak	1,221,446	484,530	539,334	178,623	18,959
Perlis	90,885	71,272	15,771	1,539	2,303
Pulau Pinang	572,100	165,092	327,240	69,035	10,733
Selangor	1,012,929	291,411	488,657	201,048	31,813
Terengganu	278,269	256,246	18,228	2,731	1,064

Sumber: Laporan banci penduduk Malaya, 1957

Nota: Malaysians termasuk Melayu, Indonesia dan orang asli

**Jadual 2: Penduduk mengikut kumpulan etnik , North Borneo (Sabah), 1960**

Negeri	Jumlah	Kumpulan etnik						
		European	Dusun	Murut	Bajau	lain-lain orang asli	Cina	Lain-lain
North Borneo	454,421	1,896	145,229	22,138	59,710	79,421	104,542	41,485

*Sumber: Laporan banci penduduk North Borneo (Sabah), 1960*

**Jadual 3: Penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 1970**

Negeri;	' , Kumpulan etnik													' -	
	Melayu	Kadazan	Murut	Bajau	Melanau	Dayak Laut	Dayak ; Darat	Lain-lain Orang AsJi	Bumi Lain	Cina	India	Indonesia	'Lain-lain	Jumlah	
MALAYSIA	4,180,191	183,574	30,908	77,755	52,293	273,889	83,313	176,802	-	2,994,693	847,929	39,155	107,028	10,319,324	
Johor	679,525									501,284	85,321		5,664	1,271,794	
Kedah	672,117									184,046	80,823		15,435	952,421	
Kelantan	632,486									38,626	5,804		7,396	684,312	
Melaka	208,809									159,704	31,747		2,801	403,061	
N. Sembilan	217,612									182,950	77,608		1,883	480,053	
Pahang	307,842									157,516	36,822		851	503,031	
Perak	672,069									662,319	222,585		4,211	1,561,184	
Perlis	95,669									19,817	2,487		3,023	120,996	
P. Pinang	236,907									435,323	89,395		11,702	773,327	
Selangor	561,037									753,915	297,830		12,843	1,625,625	
Terengganu	379,211									22,396	2,828		489	404,924	
Sabah	18,244	183,574	30,908	77,755				126,274		138,512		39,155	36,882	651,304	
Sarawak	178,188				52,293	273,889	83,313	50,528		239,569			9,512	887,292	
W. P. K. Lumpur															
W. P. Labuan	-	-		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		

Sumber: Laporan Am, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970

Jadual 4 : Penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 1980

,.; Negeri	Jumlah									
		Melayu	Pribumi	yMelanau	Iban	Bidayuh	Lain-lain orang asli	. :-v Cina .	India	La'rn-iain
MALAYSIA	13,136,109	6,380,383	792,043	69,813	368,508	104,914	67,152	4,167,053	1,101,699	84,544
Johor	1,580,423	877,118						598,032	102,893	2,380
Kedah	1,077,815	780,830						198,955	81,350	16,680
Kelantan	859,270	799,340					-	45,331	6,201	8,398
Melaka	446,769	240,865						169,469	33,269	3,166
Negeri Sembilan	551,442	259,617						197,311	92,792	1,722
Pahang	768,801	519,366						197,219	50,541	1,675
Perak	1,743,655	788,874						709,573	241,175	4,033
Perlis	144,782	115,062						22,272	3,497	3,951
Pulau Pinang	900,772	303,176						485,161	102,583	9,852
Sabah	955,712		792,043					155,304	5,293	3,072
Sarawak	1,235,553	248,757		69,813	368,508	104,914	67,152	360,553	3,294	12,562
Selangor	1,426,250	647,018						523,657	248,343	7,232
Terengganu	525,255	494,925						26,615	2,675	1,040
W.P. Kuala Lumpur	919,610	305,435						477,601	127,793	8,781

Sumber: Laporan Penduduk Negeri, Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, 1980

**Jadual 5: Penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 1991**

Negeri	Jumlah									Bukan Warganegara	
		Jumlah									
			Jumlah	JVteteyu	Kadazan Dusun	Bajau	Murat	Bumiputera lain			
<b>MALAYSIA</b>	<b>17,563,420</b>	<b>16,812,307</b>	<b>10,299,903</b>	<b>8,521,906</b>	<b>325,039</b>	<b>205,773</b>	<b>50,410</b>	<b>483,991</b>	<b>4,623,882</b>	<b>585,942</b>	<b>751,113</b>
Johor	2,069,740	2,016,458	1,037,311	1,026,646	-	-	-	10,665	705,850	139,249	53,282
Kedah	1,302,241	1,296,608	973,836	972,345	-	-	-	1,491	208,809	20,550	5,633
Kelantan	1,181,315	1,156,621	1,091,678	1,083,499	-	-	-	8,179	49,949	9,510	24,694
Melaka	506,321	500,115	292,026	289,750	-	-	-	2,276	166,201	6,950	6,206
Negeri Sembilan	692,897	683,540	363,768	356,614	-	-	-	7,154	199,779	9,436	9,357
Pahang	1,045,003	1,013,725	750,178	714,476	-	-	-	35,702	191,927	13,844	31,278
Pulau Pinang	1,064,166	1,048,305	406,494	405,348	-	-	-	1,146	523,211	5,770	15,861
Perak	1,877,471	1,865,072	905,431	871,537	-	-	-	33,894	656,729	47,658	12,399
Perlis	183,824	181,882	152,221	151,682	-	-	-	539	21,478	4,872	1,942
Selangor	2,297,159	2,228,610	1,036,184	1,021,660	-	-	-	14,524	712,039	121,046	68,549
Terengganu	766,244	747,080	716,141	714,572	-	-	-	1,569	26,089	2,185	19,164
Sabah	1,734,685	1,309,510	937,841	106,740	321,834	203,457	50,255	255,555	200,056	171,613	425,175
Sarawak	1,642,771	1,625,599	1,163,442	350,570	-	-	-	100,088	447,525	14,632	17,172
WP Kuala Lumpur	1,145,342	1,094,989	441,747	438,201	-	-	-	3,546	505,995	14,284	50,353
WP Labuan	54,241	44,193	31,605	18,266	3,205	2,316	155	7,663	8,245	4,343	10,048

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1991

**Jadual 6: Penduduk mengikut kumpulan etnik dan negeri, malaysia, 2000**

'■ Negeri ...	, Jumlah	iniSili Warganegara												Buk&n Warganegara	
		Jumlah	i Bumiputera									Cina	India	Lain^lain	
			Jumlah	Melayu	Kadazan Dusun	Bajau	Mufut	Iban	Bidayuh	Melanau	Bumiputera lain				
MALAYSIA	22,198,276	20,971,538	13,765,146	11,322,282	463,278	334,671	81,254	586,548	161,873	109,882	705,358	5,365,847	1,580,210	260,335	1,226,738
Johor	2,584,997	2,462,784	1,459,580	1,433,713	-	-	-	-	-	-	25,867	825,002	166,749	11,453	122,213
Kedah	1,571,077	1,550,027	1,195,857	1,193,323	-	-	-	-	-	-	2,534	224,435	108,768	20,967	21,050
Kelantan	1,287,367	1,268,315	1,211,895	1,201,345	-	-	-	-	-	-	10,550	44,545	3,499	8,376	19,052
Melaka	605,239	587,646	375,403	371,143	-	-	-	-	-	-	4,260	170,774	37,862	3,607	17,593
Negeri Sembilan	829,774	801,030	460,674	450,110	-	-	-	-	-	-	10,564	207,661	129,027	3,668	28,744
Pahang	1,229,104	1,184,923	914,025	862,895	-	-	-	-	-	-	51,130	206,973	58,438	5,487	44,181
Pulau Pinang	1,231,209	1,185,683	506,323	502,938	-	-	-	-	-	-	3,385	549,497	124,839	5,024	45,526
Perak	1,973,368	1,937,183	1,059,626	1,015,214	-	-	-	-	-	-	44,412	618,972	253,331	5,254	36,185
Perlis	198,288	195,683	168,935	168,373	-	-	-	-	-	-	562	19,308	2,505	4,935	2,605
Selangor	3,952,817	3,777,041	2,021,525	1,980,381	-	-	-	-	-	-	41,144	1,161,917	552,691	40,908	175,776
Terengganu	880,234	866,098	838,389	835,877	-	-	-	-	-	-	2,512	24,007	1,805	1,897	14,136
Sabah	2,468,246	1,915,279	1,539,857	294,833	458,768	330,996	80,872	-	-	-	374,388	254,528	-	120,894	552,967
Sarawak	2,009,893	1,949,008	1,428,861	456,393	-	-	-	586,548	161,873	109,882	114,165	512,426	-	7,721	60,885
WP Kuala Lumpur	1,305,792	1,234,022	539,039	527,821	-	-	-	-	-	-	11,218	536,777	140,696	17,510	71,770
WP Labuan	70,871	56,816	45,157	27,923	4,510	3,675	382	-	-	-	8,667	9,025	-	2,634	14,055

*Sumber: Laporan Band Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000*

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
SOALAN

JAWAB BUKAN LISAN  
DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
N0.50

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan penuntut di pengajian tinggi di setiap negeri di Malaysia dan di luar negara serta tahap/mutu pencapaian dalam perbandingan prestasi bagi penuntut di dalam dan luar negara.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010 enrolmen pelajar di IPTA, IPTS, KTAR, politeknik dan kolej komuniti adalah seramai 1,134,134 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 462,780 orang ialah enrolmen pelajar di IPTA, 541,629 orang pelajar di IPTS, 23,774 orang pelajar di KTAR, 87,751 orang pelajar di politeknik dan 18,200 orang pelajar di kolej komuniti. Pecahan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1.

Manakala, enrolmen pelajar Malaysia yang sedang menuntut di 51 buah negara di seluruh dunia pula adalah seramai 79,254 orang. Negara-negara yang paling ramai mempunyai pelajar Malaysia adalah Australia (20,493), United Kingdom (13,796), Egypt (8,611), Amerika

Syarikat (6,100), Indonesia (5,588) dan Taiwan (5,133). Senarai penuh adalah seperti di Lampiran 2.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mengariskan tujuh teras strategik dengan empat fasa pelaksanaan melangkaui tahun 2020 adalah merupakan perancangan yang menyeluruh dan memberi tumpuan dalam pelbagai aspek bagi melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama dan menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau. Pada masa ini graduan yang dihasilkan oleh IPT tempatan adalah setanding dengan graduan daripada universiti luar negara. Berdasarkan *QS Asian University Rankings 2011*, daripada ribuan universiti yang dinilai, UM tergolong dalam *Top 50 Universities In Asia* iaitu dikedudukan ke-39, UKM pula berada di kedudukan ke-53, USM di kedudukan ke-54, UPM di kedudukan ke-57 dan UTM di kedudukan ke-76.

Lampiran 1

NEGERI	JUMLAH
Selangor	155,955
Kedah	43,904
Kuala Lumpur	38,504
Johor	37,697
Pulau Pinang	31,769
Perak	24,861
Terengganu	21,883
Melaka	18,092
Sabah	16,915
Pahang	16,182
Sarawak	15,522
Perlis	15,426
Negeri Sembilan	11,621
Kelantan	7,000
Kelantan	6,205
Pahang	1,244
JUMLAH	462,780

Enrolmen Pelajar di Kolej Tungku Abdul Rahman(KTAR)  
Tahun 2010

NEGERI	JUMLAH
Kuala Lumpur	17,571
Pulau Pinang	3,064
Perak	2,078
Johor	630
Sabah	293
Pahang	138
JUMLAH	23,774

**Enrolmen Pelajar di IPTS Tahun 2010**

NEGERI	JUMLAH
Selangor	181,675
Kuala Lumpur	179,004
Perak	30,714
Melaka	21,022
Negeri Sembilan	20,797
Sarawak	20,316
Pulau Pinang	17,854
Pahang	15,370
Sabah	13,645
Johor	11,967
Kelantan	10,361
Kedah	10,201
Terengganu	7,350
Perlis	1,353
<b>JUMLAH</b>	<b>541,629</b>

NEGERI	JUMLAH
Perak	12,780
Kedah	9,742
Selangor	9,706
Sarawak	6,468
Melaka	5,981
Negeri Sembilan	5,939
Pahang	5,812
Kelantan	5,777
Terengganu	5,696
Sabah	5,467
Pulau Pinang	4,949
Johor	4,908
Perlis	4,526
JUMLAH	87,751

Enrolmen Pelajar Kolej Komuniti Tahun 2010

NEGERI	JUMLAH
Kedah	2,939
Selangor	2,938
Perak	2,117
Johor	2,096
Pahang	1,994
Melaka	1,887
Terengganu	762
Perlis	679
Negeri Sembilan	674
Sarawak	644
Pulau Pinang	559
Sabah	498
Kelantan	413
JUMLAH	18,200

Lampiran 2

NEGARA	JUMLAH
Australia	20,493
United Kingdom & Ireland	13,796
Egypt	8,611
United States Of America	6,100
Indonesia	5,588
Taiwan	5,133
China	2,792
Russian Federation	2,621
New Zealand	2,305
India	2,175
Netherlands	1,672
Japan	1,526
Jordan	1,094
Ukraine	870
Germany	847
Yemen	570
Canada	546
France	516
Korea, Republic Of (South Korea)	454
Syrian Arab Republic	405
Poland	123
Romania	121
Morocco	113
Saudi Arabia	112
Pakistan	109
South Africa	91
Thailand	82
Czech Republic	73
Switzerland	59
Sweden	33
Cuba	25
Holland	24
Sudan	23

Philippines	20
Italy	17
Hong Kong	16
Spain	15
Belgium	12
Sri Lanka	11
Finland	10
Singapore	10
Norway	9
Portugal	9
Austria	6
Libya	6
Nepal	3
Turki	3
Mexico	2
Croatia	1
Hungary	1
Myanmar	1
JUMLAH	79,254

NO. SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN FONG KUI LUN

[ BUKIT BINTANG ]

TARIKH

SOALAN

JAWAPAN:

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil yang diperolehi dari penjelajahannya ke seluruh negara bagi menarik sokongan pelbagai iapisan rakyat serta layanannya di *Facebook* dan *Twitters* sejak mula menerajui Kerajaan hingga sekarang.

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak mengambil alih tampuk pimpinan Negara pada 2009, YAB Perdana Menteri telah memaksimumkan peluang yang ada semasa menjelajah Negara untuk bersemuka dengan rakyat Malaysia sambil berbicara bersama mereka dan mendengar pandangan mereka.

Setelah dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau telah menyatakan niat untuk mengikut serta dan berinteraksi bersama Rakyat menggunakan pelbagai saluran, termasuk penggunaan media

sosial yang beliau amalkan secara meluas. ini adalah bukti perlaksanaan niat tersebut.

Sebagai penyokong dan penggiat awal teknologi baru, beliau lekas dalam memanfaatkan potensi teknologi-teknologi ini untuk berinteraksi secara langsung dengan generasi muda dan untuk menyebarkan usaha- usaha Kerajaan kepada khalayak yang lebih ramai dan pelbagai.

Kini, terdapat lebih 10 juta pengguna Facebook di Malaysia sahaja - melangkaui satu pertiga jumlah penduduk Negara kita. Langkah untuk berkomunikasi secara langsung ini amat sesuai dan menandakan bahawa YAB Perdana Menteri memandang kehadapan dan beriltizam untuk menjadi pemimpin kepada semua Rakyat dan bukanlah kepada sebahagian sahaja, menepati semangat 1 Malaysia.

Generasi Facebook kini meletakkan standard kebertanggungjawaban yang lebih tinggi dan mahukan ketelusan yang lebih berbanding dahulu. Inilah realiti yang bukan sahaja harus diterima, tetapi perlu disokong, dan inilah yang telah dilakukan oleh

JAWAPAN:

YAB Perdana Menteri dan Kerajaan. YAB Perdana Menteri akan terus berusaha menggunakan pelbagai kaedah untuk berinteraksi dengan rakyat, termasuk menggunakan sosial media, sesuai dengan pendekatan “Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>BUKAN JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3817</b>

**SOALAN:**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kebenaran berita yang tersebar mengenai ura-ura menjadikan agama kristian sebagai salah satu agama rasmi Negara dan apakah hasil perbincangan Perdana Menteri dengan wakil-wakil Pertubuhan Kristian.



JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pada 7 Mei 2011 akhbar Utusan Malaysia telah melaporkan mengenai pertemuan paderi dari seluruh negara di Pulau Pinang yang didakwa membawa agenda menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi Persekutuan. Isu tersebut didedahkan dalam laman blog '*bigdog*' dan blog '*marahku*'.

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan mendapati bahawa pada 5 Mei 2011, jam 8:00 malam, DAP kawasan Parlimen Jelutong telah mengadakan majlis sambutan kemenangan DAP dalam PRN Sarawak di Hotel Red Rock, Jalan Macalister, Pulau Pinang. Seramai lebih kurang 100 orang yang hadir terdiri daripada petugas Pusat Khidmat Ahli Parlimen (AP) Jelutong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), pastor Kristian yang terlibat dalam kempen PRN Sarawak termasuk dari luar negara. Antara yang hadir termasuk Jeff Ooi Chuan Aun, Ahli Parlimen Jelutong dan Chiew Chiu Seng, ADUN DAP Kidurong, Sarawak.

Manakala pada 13 Mei 2011, jam 8:56 pagi, satu-satunya orang Melayu Islam yang hadir dalam majlis tersebut ialah Mohamed Razali bin Abdul Rahman bersama isterinya telah membuat laporan polis bagi mendedahkan perkara yang sebenarnya berlaku. Mohamed Razali bin Abdul Rahman mendakwa sebelum majlis berakhir, pengurus majlis yang tidak dikenali telah memanggil pemimpin DAP dan pastor untuk mengikuti upacara doa dan ikrar. Seorang pastor yang tidak dikenali elah membaca doa dalam Bahasa Inggeris yang mana menjurus kepada menjadikan Kristian sebagai agama rasmi Malaysia. Namun begitu, perkara ini masih didalam siasatan polis berdasarkan beberapa laporan yang dibuat termasuk oleh Mohamed Razali bin Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab berkenaan pertemuan Y.A.B. Datuk Seri Mohd. Najib bin Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan wakil Kristian, satu majlis makan tengahari dan dialog bersama pemimpin - pemimpin Kristian telah diadakan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan dihadiri oleh seramai lima belas (15) orang terdiri dari menteri dan pemimpin - pemimpin Kristian. Majlis makan tengahari dan dialog tersebut telah diadakan secara tertutup dan sejurus selepas itu Y.A.B. Datuk Seri Mohd. Najib bin Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan sidang media. Antara kenyataan beliau dalam sidang media tersebut adalah;

- i) Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia menyatakan pemimpin -

pemimpin Kristian telah memberi dua pengakuan penting iaitu mereka akan memberi kerjasama untuk memupuk keamanan dan keharmonian antara agama supaya Malaysia terus aman sejahtera dan menghormati kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan serta tidak berhasrat untuk mencabar Perlembagaan Persekutuan;

- ii) Kumpulan pemimpin Kristian turut menerima nasihat Y.A.B. Perdana Menteri agar bertenang dan tidak melakukan sesuatu yang meningkatkan sensitiviti dalam masyarakat;
- iii) Pemimpin - pemimpin Kristian juga telah memberi beberapa cadangan dan permasalahan yang mereka hadapi dan akan menyelesaikan perkara tersebut secara baik; dan
- iv) Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia turut memberi jaminan kepada kumpulan pemimpin Kristian bahawa Kerajaan memerlukan masa untuk meneliti beberapa pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Bishop Ng Moon Hing, Pengurus CFM ketika ditemui selepas itu berkata masyarakat Kristian menghormati kedudukan agama Islam di negara ini dan tindakan untuk menggantikannya sebagai agama rasmi adalah tidak betul. CFM juga tidak berpuas hati dengan tindakan tidak bertanggungjawab pihak yang menaburkan fitnah di media - media massa yang berpotensi untuk mencetuskan ketegangan kaum di negara ini.



Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberikan nasihat serta amaran kepada semua pihak agar tidak membincangkan isu-isu tersebut secara terbuka dan Kerajaan juga tidak akan teragak - agak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 ke atas mana-mana pihak yang membuat kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi, sensitif dan berbaur perkauman sehingga menggugat keharmonian serta ketenteraman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            BUKAN LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan anggota wataniah dari pelbagai kaum yang berkhidmat dengan pasukan dan apakah usaha yang dibuat untuk menarik penyertaan semua kaum.

**JAWAPAN:**

Bilangan Askar Wataniah dari pelbagai kaum yang berkhidmat dengan pasukan adalah seramai 81,036 anggota. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bil	Pecahan Kaum	Jumlah Anggota
1.	Melayu	64,095
2.	Cina	7,000
3.	India	3,641
4.	Kaum-kaum Etnik	6,300
JUMLAH KESELURUHAN		81,036

Mesy Ke2/DR BUKAN%20JAWAB%20LISAN%20-%20TN%20FONG%20KUI%20LUN%20[BT%20BINTANG][1]

1

**Usaha untuk menarik penyertaan semua kaum menyertai Askar Wataniah** dibuat melalui promosi-promosi atau pameran- pameran kerjaya seperti Majlis Pelancaran Kompeni Askar Wataniah di kawasan-kawasan Parlimen seluruh Malaysia, melalui Program Sejuta Belia, Program Jelajah 1 Malaysia dan pengambilan PALAPES di IPTA. Di samping itu usaha-usaha Rejimen-rejimen Siri 500 Askar Wataniah dalam usaha promosi juga dibuat di kawasan setempat mereka seperti membuat promosi kerjaya di Jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah dan di kampung- kampung. Selain itu laman *web* Askar Wataniah dan *facebook* Rejimen Askar Wataniah (*Organization*) juga telah diwujudkan bagi tujuan promosi. Dalam usaha menarik lebih ramai penyertaan di kalangan kaum Cina dan India, masalah yang sama dihadapi semasa pengambilan anggota berkhidmat dengan ANGKATAN TETAP. Sehubungan dengan itu, kerjasama semua pihak amat diperlukan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat turut bekerjasama menyeru rakyat Malaysia dari pelbagai kaum terutama kaum Cina dan India menyertai Askar Wataniah seterusnya memberikan sokongan yang padu dan sepenuh hati untuk berkhidmat demi kesejahteraan negara.

MesyKe2/DRBUKAN%20JAWAB%20LISAN%20-%20TN%20FONG%20KUI%20LUN%20(BT%20BINTANG)[1] 2  
Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN FONG KUI LUN

[ BUKIT BINTANG ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan kes penderaan murid dan guru dipukul di seluruh negara, mutu makanan di kantin termasuk jualan jajan di luar pagar sekolah, kes obesiti murid-murid.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang merancang pengredan kantin sekolah untuk mengawal mutu makanan di kantin sekolah. Selain itu, KPM melaksanakan Pemantauan Kendiri Kantin Sekolah untuk membantu sekolah menilai tahap mutu kantin masing-masing. Penjualan makanan oleh penjaja-penjaja di luar pagar sekolah adalah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan usaha untuk menyelesaikan masalah penjualan di luar pagar adalah di dalam bidang kuasa PBT.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB. TUAN FONG KUI LUN**

**[ BUKIT BINTANG ]**

**RUJUKAN**

**17 [PR-1242-T44781]**

SOALAN NO: 55

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan cadangan penubuhan Majlis Kesejahteraan Bandar dan bagaimana Ahli-ahli Majlis dipilih dari seluruh kawasan supaya tidak kelihatan pilih kasih dalam keanggotaannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, untuk 2011, cadangan penubuhan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) bagi tahun 2011 hanya akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja.

Pemilihan anggota-anggota Majlis MPKB akan dibuat berpandukan kepada Garis Panduan Pelaksanaan MPKB Wilayah Persekutuan. Pemilihannya adalah berasaskan kepada senarai calon-calon yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan (Perbadanan Putrajaya/Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan akan diputuskan oleh **Jawatankuasa Pemilihan Keanggotaan MPKB (JPKMPKB) yang dibentuk pada peringkat Pengurusan Tertinggi KWPKB.**

## **SOALAN NO : 56**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DARIPADADATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

[ TANGGA BATU ]

T ARIKH

SOALAN

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tindakan kementerian ke atas sekolah-sekolah yang tidak mematuhi garis panduan makanan sihat dan adakah pemantauan sekolah ke sekolah akan dilakukan untuk memastikan amalan pemakanan sihat di kalangan murid.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang begitu prihatin terhadap penjualan makanan di kantin sekolah dan kesannya terhadap status pemakanan murid-murid sekolah khususnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menyiapkan Panduan Pelaksanaan Pemakanan Sihat di Sekolah. Panduan ini bertujuan untuk memastikan makanan yang disediakan di sekolah adalah seimbang dan pelbagai bagi memenuhi keperluan murid-murid. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telahpun membentuk borang pemantauan penjualan makanan di kantin sekolah untuk diguna pakai oleh pihak sekolah.

Pemantauan ke atas kantin sekolah adalah di bawah bidang kuasa pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Pihak sekolah adalah bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan penjualan makanan di kantin sekolah kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk tindakan lanjut.

Sememangnya keprihatinan semua pihak adalah sangat penting untuk memastikan usaha membentuk amalan pemakanan sihat di kalangan murid-murid sekolah menjadi realiti.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN**

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pantauan telah dibuat ke atas perkhidmatan Internet Jalur Lebar yang kualitinya masih tidak memuaskan dan apakah tindakan yang diambil ke atas setiap pengguna yang mengalami masalah setelah mengikat kontrak dengan syarikat yang menawarkan perkhidmatan Internet Jalur Lebar ini.

**JAWAPAN**

Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalankan pemantauan ke atas semua pemberi perkhidmatan jalur lebar di setiap negeri secara sistematik dan

## SOALAN NO.45

berkala bagi memastikan penyampaian kualiti perkhidmatan yang memuaskan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Bagi melindungi hak pengguna, pihak SKMM telah memperkenalkan “Enam Amalan Baik Pengguna” di mana salah satu dari amalan yang

SOALAN NO: 57

ditekankan adalah pemberi perkhidmatan disarankan untuk memberi rebat kepada pengguna sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai kualiti perkhidmatan yang dijanjikan.

Di bawah Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pula, ada dinyatakan prinsip-prinsip pampasan di mana pemberi perkhidmatan mesti menawarkan pampasan kepada pelanggan dalam kes-kes pelanggaran Kod ini. Berdasarkan perkara ini, sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi Kod, pengguna boleh mendapatkan pulangan wang semula. Pematuhan kepada Kod ini adalah mandatori dan merupakan salah satu daripada syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh SKMM.

Pengguna-pengguna yang mengalami gangguan perkhidmatan adalah disarankan untuk membuat laporan kepada pemberi perkhidmatan terbabit atau secara terus kepada SKMM melalui alamat emel [aduan@skmm.gov.my](mailto:aduan@skmm.gov.my) atau talian hotline 1 800 888 030.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)**

DARIPADA DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[ TANGGA BATU ]

# **SOALAN NO. 58, M/S. 46**

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta MENTERI  
BELIA DAN SUKAN menyatakan perkembangan Program

**SULIT**

Pembangunan Bola Sepak Wanita Negara setakat ini dan apakah pencapaian yang pernah dicapai oleh Pasukan Bola Sepak Wanita sejak 10 tahun lalu.

1. Persatuan Bola Sepak Malaysia (Football Association of Malaysia, FAM) telah pun melancarkan program pembangunan bola sepak wanita di peringkat akar umbi pada Mac 2011 lalu. Program ini akan dibantu oleh bekas-bekas pemain yang akan diserapkan sebagai jurulatih di seluruh negara dalam membantu mencungkil bakat-bakat baru di peringkat akar umbi.
2. FAM juga merancang untuk memperkenalkan Liga Bola Sepak Wanita pada tahun 2012 yang akan menjadi medan terbaik dalam pemilihan pemain yang bakal menyarung jersi pasukan

**SULIT**

**JAWAPAN**

wanita kebangsaan serta penyertaan di kejohanan antarabangsa.

3. Bagi tempoh 10 tahun lalu, skuad bola sepak wanita negara pernah memenangi pingat perak bola sepak wanita di temasya Sukan SEA Chiang Mai 1995 dan muncul juara di temasya Sukan Arafura 2005 di Darwin, Australia. Pada tahun 2008 pula, skuad bola sepak wanita negara berjaya melangkah ke pusingan separuh akhir Piala AFF 2008.

PERTANYAAN  
DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
BUKAN LISAN

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [TANGGA BATU]

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ Tangga Batu ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauhmanakah peranan koperasi dalam membantu usahawan-usahawan kecil terutamanya peniaga melayu dan apakah program yang disediakan oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan daya saing usahawan-usahawan kecil melalui koperasi.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penubuhan koperasi oleh peniaga-peniaga mampu memberi perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh peniaga-peniaga seperti dalam hal pembelian input secara pukal, pemasaran produk-produk keluaran mereka, mendapatkan pembiayaan perniagaan dan sebagainya untuk mempertingkatkan perniagaan bagi menjana pendapatan kepada peniaga-peniaga.

Dalam usaha meningkatkan daya saing usahawan-usahawan kecil melalui koperasi, kerajaan telah mewujudkan program-program meningkatkan peluang-

peluang perniagaan yang boleh diambil manfaat oleh koperasi seperti program mentor-mentee dan peningkatan perniagaan melalui kerjasama dengan pihak ketiga samada dengan koperasi lain atau dengan pihak swasta untuk menceburi perniagaan yang lebih besar dengan pulangan yang lebih baik

Selain daripada itu, kerajaan turut mengadakan program promosi dan pemasaran secara *business-matching* dengan pasaraya dan hypermarket tempatan untuk menembusi pasaran domestik dan luar negara terutamanya di negara-negara Asean.

Untuk itu juga koperasi-koperasi boleh mendapatkan bantuan untuk mengubahsuai kedai, membangunkan produk dan R&D serta pinjaman mudah modal pusingan dan bagi membeli mesin-mesin dan peralatan.

**NO SOALAN : 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA: DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**

**[TANGGA BATU]**

**SOALAN:**

**DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [TANGGA BATU] minta**

**PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan gaji yang bermula dari gred 27 kumpulan sokongan yang menjadi tulang belakang dalam sektor pembangunan negara.

**JAWAPAN :**

**NO SOALAN : 44**

Tuan Yang di-Pertua,

Prinsip utama saraan yang diguna pakai dalam menetapkan gred gaji sesuatu perkhidmatan adalah kadar upah untuk kerja dan syarat kelayakan serta latihan yang diperlukan. Maka, cadangan kenaikan gaji yang bermula dari Gred 27 Kumpulan Sokongan perlu dikaji secara menyeluruh dari segi kesan dan implikasinya dalam konteks relativiti dan pariti perkhidmatan yang melibatkan 279 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA                DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB  
                            [MARAN]  
TARIKH  
RUJUKAN                3818

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan demonstrasi jalanan tanpa permit oleh pihak-pihak tertentu amat keterlaluan sejak kebelakangan ini. Dengan memperjuangkan hak-hak rakyat kononnya tetapi lebih kepada kepentingan politik individu yang banyak menyusahkan rakyat dan mengganggu urusan sehari-hari di sekitar kawasan demostrasi. Apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengenakan (1) satu tindakan yang tegas dan keras terhadap pengajur dan juga pihak-pihak yang terlibat.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah menyekat hak atau kebebasan mana-mana pihak untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, hak tersebut mestilah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan mengikut batasan seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang negara. Ini selaras dengan Perkara 10, Fasal (2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan di mana Parlimen boleh melalui undang-undang untuk mengenakan sekatan ke atas hak untuk bercakap, berhimpun dan berpersatuan sekiranya melibatkan keselamatan dan kepentingan Persekutuan dan juga ketenteraman awam.

Dalam hal ini, Seksyen 27 Akta Polis 1967 jelas memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang berniat mengadakan perhimpunan di mana-mana tempat awam hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah bagi mendapatkan permit untuk berhimpun. Oleh yang demikian, dasar Kerajaan berhubung perkara ini adalah jelas dan mana-mana perhimpunan yang dilakukan tanpa permit adalah merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negara dan boleh disuraikan oleh pihak polis.

Pendekatan yang digunakan oleh pihak polis dalam menyuraikan perhimpunan haram bermula dengan memberikan amaran kepada kumpulan yang berhimpun supaya bersurai dengan segera. Namun, dalam kebanyakan kes, terdapat kumpulan yang enggan bersurai malahan bertindak agresif terhadap pihak polis. Oleh yang demikian, tindakan yang munasabah serta berlandaskan undang-undang dan peraturan akan diambil oleh pihak polis bagi menyuraikan demonstrasi

jalanan atau perhimpunan haram termasuk melakukan tangkapan terhadap dalang-dalang atau mana-mana pengikut yang bertindak agresif terhadap pihak polis.

Buat masa ini, peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu hukuman denda tidak kurang daripada RM2.000.00 dan tidak melebihi RM10,000.00 serta hukuman penjara tidak melebihi tempoh satu tahun adalah memadai bagi menangani masalah ini. Pihak polis sama sekali tidak akan berkompromi terhadap mana-mana kumpulan yang melakukan demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram yang mana secara langsung boleh menjaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.



# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN ( 62 )

## **PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARI PADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB  
[MARAN]**

## SOALAN

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu pembuangan sampah yang semakin tinggi dan apakah program kesedaran yang dilancarkan dan digerakkan oleh agensi kerajaan masih gagal dalam menyedarkan rakyat serta apakah Kementerian akan melakukan sesuatu terhadap saliran air yang tersumbat ekoran daripada pembuangan sampah yang mendorong kepada masalah banjir sekiranya ia tidak diatasi dengan segera.



**JAWAPAN :**  
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kempen kesedaran awam sentiasa dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Daripada program-program yang telah dijalankan selama ini, adalah didapati kesedaran masyarakat pada keseluruhannya tentang kitar semula semakin meningkat. Projek perintis kitar semula yang dijalankan di Putrajaya dengan kerjasama syarikat Alam Flora Sdn. Bhd, Perbadanan Putrajaya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Syarikat Schaefer menunjukkan hampir 92% responden mempunyai kesedaran tentang jenis-jenis barang yang boleh dikitar semula. Selain itu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) juga telah menjalankan kajian di seluruh Semenanjung Malaysia yang menunjukkan tahap kesedaran hampir 86%. Impak dari kesedaran tersebut adalah didapati kutipan bahan kitar semula telah meningkat umpamanya di Putrajaya, di mana kutipan kertas meningkat daripada 440,325.15 kilogram pada tahun 2008 kepada 1,142,852.70 kilogram pada 2010. Kutipan plastik di Putrajaya pula meningkat daripada 20,658,50 kilogram pada 2008



kepada 50,056.00 pada 2010. Apabila infrastruktur kutipan bahan bahan kitar semula dibangunkan dan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 berkuatkuasa kelak, kesedaran tersebut dapat dijelmakan kepada amalan hidup harian.

Mengenai saliran air tersumbat daripada pembuangan sampah, Kementerian telah mengambil dua pendekatan. Pertamanya adalah meminta syarikat-syarikat konsesi meningkatkan usaha membersihkan longkang-longkang daripada sampah sarap. Pendekatan keduanya melalui kempen kesedaran awam. Langkah untuk menangani masalah ini akan dapat di pertingkatkan apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 berkuatkuasa kelak di mana pegawai- pegawai penguatkuasa daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dapat melaksanakan tugas pemantauan mereka untuk memastikan saliran air tidak tersumbat dengan sampah sarap atau sisa pepejal.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Jun 2011

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

[MARAN]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah penyelesian yang diambil oleh Kementerian terhadap isu keselamatan dan kesihatan dalam aktiviti kurikulum pelajar yang tidak boleh diambil remeh serta adakah Program Sekolah Sihat pada tahun 1967 dan Program Sekolah Selamat pada tahun 2002 dapat menyelesaikan masalah berikut dan adakah kementerian bercadang untuk mengadakan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di sekolah yang mengambil kira sekolah sebagai tempat kerja.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memandang serius tentang keselamatan, kebersihan dan kesihatan murid. Perkara-perkara serta isu-isu berkaitan dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk 3K yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran yang melibatkan Bahagian-bahagian berkaitan di bawah KPM, semua Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM tiada perancangan untuk mengadakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di sekolah. Namun, cadangan Ahli Yang Berhormat boleh dipertimbangkan dalam memastikan sekolah adalah sebuah persekitaran kerja yang selamat dan kondusif.



SOALAN NO: 64

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

## **PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [ MARAN ]

## **SOALAN**

Dato\* Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan Kejayaan Kementerian melaksanakan pengagihan komputer "netbook" 1 Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) sebelum ini sememangnya diperakukan dalam usaha kerajaan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dan penduduk luar bandar menggunakan kemudahan internet. Bagaimanapun terdapat sejumlah penerima gagal menggunakan "netbook" yang diterima berikutan tiada kemudahan sepatutnya. Jelaskan bagaimana ia berlaku dan langkah- langkah untuk mengatasinya.

## JAWAPAN:

## Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan penerima Komputer 1 Malaysia berada di kawasan pinggir dan luar bandar yang tiada atau kurang liputan jalur lebar. Dalam Fasa pertama, Komputer 1 Malaysia diagihkan kepada pelajar-pelajar sekolah yang tinggal berdekatan dengan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di mana akses Jalur Lebar

disediakan oleh penyedia perkhidmatan sedia ada di kawasan terlibat. Setakat ini terdapat 246 PJK yang sedang beroperasi.

Bagi memperluas liputan jalur lebar dalam pengagihan Fasa berikutnya, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merancang dan sedang melaksanakan projek Kampung Tanpa Wayar (KTW) di kampung-kampung terpilih di seluruh negara yang akan menyediakan sambungan jalur lebar terutamanya di kawasan-kawasan yang tiada atau kurang liputan.

Setakat ini, sebanyak 1,183 buah Kampung Tanpa Wayar siap dilaksanakan di seluruh negara termasuk 13 buah kampung di kawasan Maran yang dilaksanakan melalui pembiayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) dan Dana SKMM. Sebanyak 1,093 buah kampung lagi akan disiapkan dalam tahun 2011, manakala 824 kampung dirancang pelaksanaannya pada tahun 2012.

Perluasan liputan jalur lebar ini akan membantu meningkatkan penggunaan Komputer 1 Malaysia oleh penerima komputer termasuk untuk mengakses Internet seterusnya merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar.



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA  
BELAS, TAHUN 2011 DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATO' HAJI ISMAIL**

**BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH**

**;**

**SOALAN : £**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah pihak MARA (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) akan melaksanakan pembinaan sebuah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Parlimen Maran yang pernah disuarakan di mana (1) satu kawasan tapak khas telah pun disediakan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian amat berterima kasih dan menghargai kepercayaan Ahli Yang Berhormat di atas keberkesanan sistem pendidikan Maktab Rendah Sains**

JAWAPAN :

MARA (MRSM) kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar di negeri Pahang sehingga mencadangkan supaya sebuah MRSM dibina di parlimen Maran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan projek ini telah dikemukakan di dalam permohonan *Second Rolling Plan RMKe-10* kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini telah terdapat sebanyak 4 MRSM di Pahang yang sedang beroperasi iaitu MRSM Kuantan, Kuala Lipis, Muadzam Shah dan Tun Abdul Razak yang dapat menampung seramai 3,090 pelajar secara keseluruhannya. Di samping itu, sebuah MRSM iaitu di Bentong sedang dalam proses baik pulih yang mampu menampung kapasiti seramai 840 pelajar.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

[ KUALA KRAU ]

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan untuk memartabatkan pendidikan teknik dan vokasional khususnya untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi serta adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem dual sebagaimana yang diamalkan kebanyakan negara Eropah seperti German.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang merancang untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional yang melibatkan kurikulum, struktur, metodologi dan kandungan kurikulum supaya ia selaras dengan kehendak industri dan setara dengan sistem pendidikan vokasional luar negeri. Transformasi ini akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2013.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA**                   **Y.B. DATO' HJ. ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
SAID [KUALA KRAU]**

**SOALAN:**

Dato' Hj. Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta PERDANAMENTERI memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara mengikut Perlembagaan Persekutuan dan sejauh manakah Kerajaan mampu mempertahankan kedudukan agama Islam dan lain-lain agama dapat diamalkan di negara ini secara bebas demi menjaga keharmonian, keamanan dan kesejahteraan negara.

**JAWAPAN:**   **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Usaha memartabat dan memperkasakan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Perkara tersebut boleh dilihat melalui penubuhan pelbagai jabatan/agensi/institusi keagamaan seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Wakaf dan Zakat dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Setiap agensi atau institusi yang ditubuhkan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam pengurusan hal ehwal pentadbiran agama Islam di Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa buah sekretariat dan jawatankuasa yang bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam isu-isu berkaitan agama Islam. Antaranya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Majlis Perundingan Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Persidangan Pengurus-pengurusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia, Panel Kajian Aqidah, Panel Kajian Syariah dan Majlis Penasihat Syariah. Setiap Jawatankuasa yang dibentuk ini mempunyai fungsi mereka masing-masing dalam menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama. Sesuatu isu agama yang ditimbulkan akan dibuat kajian terlebih dahulu sebelum dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa yang berkaitan.

Dalam melindungi dan mempertahankan kedudukan dan kesucian agama Islam di negara ini, Kerajaan tetap menjaga hak-hak kebebasan orang bukan Islam untuk mengamalkan agama masing-masing. Ini adalah selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan dan Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya.

Walaupun kebebasan beragama adalah dijamin di bawah Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, namun hak tersebut tidak mutlak. Berdasarkan kes ***Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585***, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa hak tersebut adalah tertakluk kepada Fasal (4) dan (5) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuat kuasa di negara ini. Di bawah Fasal (4) Perkara 11 misalnya, ia memberi kuasa kepada negeri untuk menggubal undang-undang bagi mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam manakala di bawah Fasal (5) Perkara 11 pula, ia tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

Berhubung dengan kemampuan Kerajaan dalam mempertahankan kedudukan agama Islam dan lain-lain agama dapat diamalkan di negara ini secara bebas demi menjaga keharmonian, keamanan dan kesejahteraan negara, Kerajaan berpandangan bahawa keharmonian antara kaum dan agama yang dinikmati oleh rakyat negara ini adalah diwarisi sejak turun temurun dan tidak pernah diganggu-gugat oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat anasir-anasir jahat yang cuba untuk mengganggu kestabilan dan keharmonian tersebut, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak tersebut.

Sekian, terima kasih

**NO SOALAN : 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**RAKYAT**

**BUKAN LISAN**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID  
[KUALA KRAU]**

**SOALAN:**

**DATO<sup>9</sup> HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [Kuala Krau] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang  
mewujudkan peraturan mewajibkan majikan menyediakan kursus pra**

NO SOALAN : 44

persaraan kepada kakitangan bagi menangani isu pesara hidup melarat selepas bersara.

**SOALAN NO.: 69**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kursus pra persaraan sememangnya diadakan oleh Agensi-Agenzi Kerajaan untuk penjawat-penjawat awam yang akan bersara. Kursus-kursus ini diadakan bagi membantu bakal pesara mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi alam persaraan. Di antara modul-modul yang ada di dalam kursus yang dianjurkan adalah seperti pengurusan kesihatan, pengurusan kewangan dan juga overview mengenai Skim Pencen.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

NO SOALAN : 44

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA** :DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID  
[ KUALA KRAU ]

**SOALAN**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pelaksanaan 'Environmental Performance Index<sup>1</sup> (EPI) di seluruh negara dan nyatakan indikator EPI yang telah dipilih.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia

(UTM) untuk membangunkan 'Environmental Performance Index' (EPI) Malaysia 2012 (atau *Home-Grown EPI for Malaysia*). EPI Malaysia akan memberi penekanan kepada tiga matlamat iaitu, matlamat kesihatan alam sekitar, daya tahan ekosistem dan kemapanan sosioekonomi (*Socioeconomic Sustainability*). Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Indeks Prestasi Alam Sekitar pada 28 Mac 2011, mesyuarat telah menetapkan 14 kategori polisi bagi EPI Malaysia seperti berikut:-

- (i) *Environmental Burden of Disease*
- (ii) *Water Resources for Human Health*
- (iii) *Air Quality for Human Health*
- )
- (iv) *Waste (hazardous & non-hazardous)*
- )
- (v) *Air Pollution (effects on ecosystem)*
- (Vi) *Water (effects on ecosystem)*
- )
- (vi) *Biodiversity and Habitat*
- i)
- (viii) *Forestry and Green Areas*
- (ix) *Fisheries*
- )
- (x) *Agriculture and Land-Conservation*
- (xi) *Climate Change*
- )
- (xi) *Resource Efficiency*
- i)
- (xiii) *Environmental awareness and behaviour*
- (xiv) *Environmental Governance*

Indikator-indikator yang sesuai bagi EPI Malaysia akan dipilih dan dimuktamadkan berdasarkan hasil siri konsultasi pihak UTM dengan agensi-agensi pembekal data diadakan.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA:** Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
SAID

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja terlibat dengan kemalangan sewaktu menjalankan tugas di sektor awam dan swasta yang dilaporkan kepada pihak Kementerian serta apakah langkah yang diambil bagi memastikan nasib mereka terbaik.

P R-1242-T44466

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan kemalangan yang melibatkan pekerja sewaktu menjalankan tugas di sektor swasta yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi tahun 2010 adalah sebanyak

57,639 kes. Manakala bilangan kemalangan yang melibatkan pekerja



sewaktu menjalankan tugas di sektor awam tidak diketahui jumlahnya.

2. Bagi memastikan nasib pekerja yang terlibat dengan kemalangan sewaktu menjalankan tugas terbela, Kementerian melalui PERKESO menyediakan faedah-faedah di bawah skim insuran bencana kerja meliputi faedah seperti rawatan perubatan, hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, faedah pemulihan dan juga program *return to work*.

NO. SOALAN: 71 MUKA  
SURAT: 49

# PEMBERITAHUN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARI PAD A                    TUAN KULASEGARAN A/L  
                                  MURUGESON (IPOH BARAT)  
  
PERTANYAAN :                TULIS  
  
TARIKH                      13.06.2011 -28 JUN 2011

Tuan Kulasegaran all Murugeson ( Ipoh Barat ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan statistik kadar ekuiti golongan wanita mengikut komposisi kaum berbanding dengan golongan lelaki di negara ini dalam sektor harta tanah dan adakah kadar itu memuaskan.

JAWAPAN:

## Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan kadar ekuiti golongan wanita mengikut kaum berbanding golongan lelaki yang terlibat dalam sektor harta tanah kerana. Kementerian tidak mengutip maklumat tersebut. Kementerian melalui Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) hanya mengutip dan mengumpul maklumat berkaitan transaksi harta tanah sahaja.

PEMBERITAHUAN

NO. SOALAN : 72

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

BUKAN LISAN  
TUAN KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]

A/L MURUGESON

TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan sedar mengenai kenaikan harga makanan yang menelan kuasa pembeli dan membebankan tenaga pembeli; dan
- (b) bagaimanakah serta apakah langkah Kerajaan dalam membantu mangsa dalam situasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga makanan sejak kebelakangan ini sedikit sebanyak telah membebankan pengguna. Kenaikan yang berpunca dari kenaikan harga bahan mentah diperingkat global telah mempengaruhi pasaran di negara kita seterusnya memberi kesan terhadap kuasa beli pengguna. Antara faktor yang mempengaruhi kuasa beli rakyat ialah paras harga barang dan perkhidmatan, faktor inflasi, tingkat pendapatan dan bilangan isi rumah. Kuasa beli juga

dipengaruhi oleh tahap cita rasa pengguna itu sendiri. Pengguna yang terlalu mengikut cita rasanya akan berbelanja kesemua pendapatan boleh gunanya. Selain daripada itu, pengguna yang berbelanja secara berhutang menggunakan kad kredit dan menangguhkan pembayaran kad kredit tersebut akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan di mana mereka terpaksa menggunakan pendapatan mereka yang akan datang untuk digunakan pada hari ini.

Kementerian sedar bahawa kenaikan harga makanan ini telah membebankan pengguna. Keadaan ini merupakan masalah yang dihadapi di peringkat global kerana berlaku peningkatan harga komoditi makanan dunia memandangkan populasi dunia dianggarkan meningkat sebanyak 4% setahun, sedangkan kapasiti pengeluaran makanan hanya meningkat sebanyak 1%-2%. Selain itu juga, dasar larangan eksport yang dikenakan oleh negara tertentu seperti India telah menjelaskan bekalan di negara kita, justeru meningkatkan harga barang.

Bagi mengurangkan beban pengguna pada ketika ini, Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi membendung kenaikan harga barang. Antara langkah yang telah dijalankan untuk membantu pengguna terutamanya penduduk di luar bandar adalah Projek Pengedaran Barang Perlu, Penyeragaman Harga LPG dan *Community Drumming*. Program ini dijalankan di kawasan luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya penduduk boleh menikmati harga barang keperluan pada harga kawalan. Pelaksanaan program ini secara tidak langsung membantu penduduk meningkatkan sosio- ekonomi dan menggalakkan pembangunan infrastuktur di kawasan yang terlibat. Kerajaan telah menanggung kos pengangkutan barang keperluan ke kawasan luar bandar dan pedalaman supaya harga barang yang dijual adalah lebih murah.

Selain daripada itu, Kementerian turut berkerjasama dengan pasaraya besar asing dan tempatan untuk menjalankan kempen-kempen pengurangan harga serta mengadakan konsultasi berterusan dengan pihak industri dan pengilang produk makanan. Melalui inisiatif ini, adalah diharapkan harga makanan akan terus berada pada tahap yang rendah. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan

2010 yang telah berkuatkuasa juga merupakan salah satu langkah Kementerian untuk membendung kenaikan harga yang melampau. Akta ini masih lagi mengekalkan rejim kawalan harga di samping rejim mencegah peniaga daripada mengambil keuntungan secara tidak munasabah.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA                    Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
                                [ IPOH BARAT ]

TARIKH

SOALAN                    73

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan

- (a) adakah Malaysia bebas daripada ancaman gempa bumi; dan
- (b) bagaimanakah perubahan cuaca mempengaruhi penduduk negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia secara relatifnya adalah selamat daripada ancaman gempa bumi yang berbahaya. Berdasarkan maklumat terkini dan kajian bahaya dan risiko seismik di Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berpandangan bahawa Sabah berpotensi mengalami kejadian gempa bumi

yang lebih kerap iaitu dalam lingkungan magnitud **4.0 - 6.0 pada skala**

|

Richter (iaitu kecil hingga sederhana kuat) memandangkan terdapat beberapa garis sesar yang masih aktif di Sabah seperti Garis Sesar Mensaban, Garis Sesar Crocker, Garis Sesar Tabin dan Garis Sesar Lobou Lobou.

Di Sarawak pula, potensi kejadian gempa bumi dijangkakan dalam lingkungan magnitud 3.5 - 5.5 pada skaia Richter (kecil dan sederhana) memandangkan terdapat garis sesar yang masih aktif di Sarawak iaitu Garis Sesar Tubau.

Memandangkan secara relatifnya Semenanjung adalah stabil dari segi seismotektonik, gempa bumi yang dijangkakan boleh berlaku adalah dalam lingkungan magnitud 2.5 - 3.5 pada skala Richter (kecil) sahaja iaitu di sekitar Garis Sesar Bukit Tinggi. Garis sesar ini telah dikelaskan terdahulunya sebagai tidak aktif di mana tidak ada kejadian gempa bumi sejak jutaan tahun yang lalu.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai persiapan untuk menghadapi kemungkinan ancaman gempa bumi dan tsunami, MOSTI melalui agensi pelaksananya iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) pada tahun 2005 yang bertujuan memantau kejadian gempa bumi dan mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran awal tsunami dalam masa 12 minit selepas kejadian sesuatu gempa bumi.

JMM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga telah menjalankan beberapa siri kempen kesedaran awam mengenai bahaya dan risiko gempa bumi di seluruh negara sejak tahun 2005 dan diadakan secara berterusan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebelum menjawab soalan mengenai kesan perubahan cuaca kepada penduduk negara, izinkan saya untuk memberi sedikit penerangan mengenai perbezaan cuaca dan iklim. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cuaca biasanya merujuk kepada keadaan atmosfera untuk jangka masa pendek, iaitu untuk jangka masa beberapa jam hingga beberapa bulan dan dalam skala yang lebih kecil. Elemen cuaca adalah seperti suhu, hujan, angin, cahaya matahari, kelembapan dan sebagainya. Manakala iklim biasanya merujuk kepada pola cuaca yang menyeluruh dalam jangka masa panjang.

Laporan Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)'s Fourth Assessment Report (AR4) yang dikeluarkan pada tahun 2007 menunjukkan bagi tempoh 100 tahun iaitu dari 1906 hingga 2005, mendapati suhu purata global meningkat sebanyak  $0.74^{\circ}\text{C}$  ataupun  $0.07^{\circ}\text{C}$  untuk setiap dekad. *Trend* pemanasan global juga didapati meningkat di mana bagi tempoh 50 tahun terakhir menjadi hampir dua kali ganda iaitu  $0.13^{\circ}\text{ C}$  bagi setiap dekad.

Pemanasan global ini, dijangka akan menyebabkan berlakunya perubahan cuaca global termasuk juga di negara kita. Kejadian cuaca ekstrem seperti



kejadian ribut petir yang dahsyat, episod hujan lebat dan kemarau dijangka akan meningkat. Peningkatan kejadian cuaca ekstrem seperti cuaca kering berpanjangan boleh menyebabkan kejadian kebakaran hutan dan tanah gambut yang sukar dikawal dan seterusnya kejadian jerebu teruk. Contohnya, kejadian kemarau yang menyebabkan krisis jerebu teruk pada tahun 1997 yang telah mejejaskan ekonomi negara dan kesihatan penduduk. Sementara peningkatan kejadian ribut petir yang dahsyat dan hujan lebat boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh, banjir kilat dan banjir buruk contohnya kejadian banjir besar di Johor semasa Monsun Timur Laut pada Disember 2006 dan Januari 2007, di Kedah dan Perlis pada hujung tahun 2010 dan di Johor pada awal Januari tahun 2011.

Perubahan cuaca akan menjelaskan ekonomi rakyat yang aktiviti ekonominya sentitif kepada cuaca seperti para petani, pekebun kecil dan nelayan. Kajian juga menunjukkan perubahan cuaca akan turut menjelaskan sumber air, sumber makanan dan keperluan tenaga negara.

Selain daripada perubahan cuaca, pemanasan global juga akan menyebabkan peningkatan paras laut. Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), agensi penyelidikan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), unjuran kenaikan aras laut di Semenanjung Malaysia adalah antara 0.25m dan 0.52m menjelang 2100. Beberapa pembanjiran kecil dijangka berlaku di sepanjang kawasan pantai Semenanjung Malaysia menjelang 2100, dengan kenaikan aras laut maksima berlaku di barat-laut dan timur-laut Semenanjung Malaysia (Kedah dan Kelantan). Aras laut sepanjang pantai Sabah dan Sarawak dijangka mengalami kenaikan purata antara 0.43 dan 1.06 m menjelang 2100. Beberapa kawasan di sepanjang garis pantai

Sarawak menghadapi kemungkinan ditenggelami air laut menjelang 2100. Kenaikan aras laut maksima berlaku di bahagian utara dan timur persisir pantai Sabah. Banjir dijangka berlaku di kawasan-kawasan rendah dan muara sungai di Barat-daya Sarawak (Meradong yang terletak di antara Batang Igan dan Batang Rajang), manakala kawasan yang berisiko dinaiki air di Sabah adalah kawasan bertopografi rendah dan muara sungai (Tawau, Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan Kudat). Kenaikan paras laut ini akan menjelaskan ekosistem marin, penempatan dan sumber ekonomi penduduk terutamanya mereka yang mendiami kawasan rendah di sekitar pantai.

Sebagai langkah persediaan, MOSTI melalui agensi pelaksananya Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah dan akan meneruskan program-program kesedaran awam mengenai cuaca ekstrem dan impaknya kepada kehidupan harian. Pada tahun 2010, JMM telah melaksanakan sebanyak 117 kempen kesedaran awam, pameran dan taklimat di seluruh negara mengenai cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami. Rakyat juga dapat bersama turut menyumbang kearah meminimumkan pemanasan global dan impaknya kepada negara dengan mengamalkan kehidupan mesra alam contohnya menjimatkan penggunaan tenaga, menggunakan pengangkutan awam dan membudayakan amalan kitar semula.

SOALAN NO. 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[IPOH BARAT]

SOALAN

KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah dasar pembangunan yang dapat membantu golongan miskin tegar di negara ini; dan
- (b) mengapakah golongan pendapatan rendah tidak mampu memiliki rumah.

JAWAPAN

(a) Usaha Kerajaan dalam memperkasakan prinsip keadilan sosial adalah dengan membela kepentingan setiap golongan mesyarakat secara inklusif dan memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada menikmati arus pembangunan negara termasuklah golongan miskin tegar. Penyaluran bantuan dan penyediaan kemudahan akan diteruskan sehingga kumpulan ini meningkatkan pendapatan dan melepas pendapatan garis kemiskinan. Seterusnya, Kerajaan juga komited dalam membantu dan menjaga kebajikan golongan miskin dan mudah terjejas di mana tumpuan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) beralih (*shifted*) untuk menangani isu berkaitan isi rumah berpendapatan 40% terendah.

Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan peluang untuk meningkatkan kapasiti golongan ini (isi rumah berpendapatan 40% terendah) untuk menjana/mendapat pendapatan yang lebih tinggi dengan menyediakan peluang meningkatkan kemahiran. Program Transformasi Kerajaan (GTP)

|

turut menyediakan Pelan Hala Tuju yang menjurus kepada mempertingkatkan

taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah atau *Low- Income Household* (LIH). Ini dilakukan melalui initiatif 1AZAM dalam bidang pelajaran, latihan, kesihatan, penglibatan dalam projek bagi meningkatkan pendapatan, kemudahan kredit mikro dan pekerjaan di samping usaha meningkatkan kesedaran.

(b) Golongan berpendapatan rendah di Malaysia sentiasa mendapat perhatian khusus oleh Kerajaan. Dalam konteks ini, Kerajaan telah mewujudkan beberapa program bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Justeru itu, Kerajaan melalui Program Bantuan Rumah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan program bina baru dan juga baikpulih rumah sedia ada bagi memberi keselesaan kepada rakyat dalam kategori Miskin Tegar. Manakala bagi rakyat yang berpendapatan rendah selebihnya, Kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.) telah membangunkan perumahan yang boleh dimiliki oleh rakyat. SPNB ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara. SPNB bertanggungjawab dalam pelaksanaan Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

	I Program Rumah Mampu Milik	Program Rumah Mesra
Kewarganegaraan (nationality)	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Umur	21 - 50 tahun	18-65 tahun
Pemilikan rumah/tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada rumah</li> <li>- Tiada tanah yang boleh didirikan rumah di mania-mana tempat di</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada rumah sendiri atau rumah usang/tidak sempuma</li> <li>- Mempunyai tanah /</li> </ul>

	Program Rumah Mampu Milik Malaysia	Program Rumah Mesra Rakyat tapak yang bersesuaian dan tiada sekatan / cagaran ke atasnya.
Pendapatan kasar seisi keluarga (RM/bulan)	<RM2,000.00	<RM1,500.00
Lain-lain		Berkahwin atau ibu/bapa tunggai yang mempunyai tanggungan

Rumah-rumah di bawah Skim RMM adalah terbuka kepada semua dan bagi mana-mana pembelian rumah yang tertakluk kepada syarat-syarat Kerajaan Negeri. Untuk memiliki/membeli RMM, pembeli haruslah berdaftar dengan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan Kos Rendah) atau datang terus ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pejabat Daerah yang berdekatan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga memberi perhatian dalam membantu golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan kasar tidak melebihi RM3,000.00 sebulan untuk memiliki rumah pertama sendiri melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP). Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN

DARIPADA                      TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

#### SOALAN:

TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON minta PERDANA

**SOALAN NO. 75**

MENTERI menyatakan

- (a) Kenapakah sistem 'Satu Orang Satu Undi' masih tidak dapat diamalkan di Malaysia; dan
- (b) adakah perwakilan berkadar dianggap dapat diperkenalkan pada sistem pilihan raya kita. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 54 tahun yang lalu, Negara telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, demokrasi kita demokrasi terpimpin, yang mana kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut

## SOALAN NO. 75

dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (*the majority*), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau ‘Wakil Rakyat’ di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 54 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut:-

- (a) Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisyiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain.
- (b) Berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation*) sama ada bagi bahagian pilihan

## SOALAN NO. 75

raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN).

- (c) Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya (*Multi Party Electoral System*).

Berbanding dengan Negara-negara yang mengamalkan sistem "proportionate representative" ianya kurang berjaya jika dibandingkan dengan Malaysia kerana keputusan pilihan raya yang dijalankan tidak dapat diumumkan dengan segera seperti mana yang berlaku di Malaysia.

SPR juga percaya sistem pilihan raya di Malaysia adalah paling adil dan saksama berdasarkan kerangka undang-undang yang sedia ada. Mengikut sistem pilihan raya ini, semua pihak yang layak adalah bebas untuk mengambil bahagian di dalam pilihan raya yang dijalankan dan pengundi-pengundi juga tidak dihalang untuk

## SOALAN NO. 75

mengundi pilihan mereka.

Dalam hal ini perlu disebut bahawa menerusi sistem ini kita telah mengendalikan 12 Pilihan Raya Umum (PRU) semenjak tahun 1959, yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan pada PRU 12. Ini tidak termasuk 16 Pilihan Raya Kecil yang mana pihak pembangkang telah memenangi 8 daripadanya.

Sekaligus meyakinkan SPR bahawa sistem pilihan raya yang digunakan sekarang adalah sistem yang berwibawa (*credible election*). Ini kerana, keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Bagaimanapun ini tidak bermakna tiada ruang untuk melakukan reformasi dan transformasi di dalam sistem yang sedia ada. Bahkan, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa

## **SOALAN NO. 75**

dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya.demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan Iunas demokrasi Negara.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. TUAN LIM KIT SIANG  
(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pungutan cukai pendapatan dari tahun 2001 hingga 2010 mengikut pecahan tahun dan negeri dan peratusan pungutan sebenar berbanding jumlah yang dianggar. Apakah mekanisme yang memastikan rakyat menunaikan tanggungjawab membayar cukai.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :77**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan kasar cukai pendapatan individu dari tahun 2001 hingga 2010 adalah sebanyak RM110 bilion. Pecahan kutipan kasar cukai pendapatan individu bagi setiap negeri dari tahun 2001 hingga 2010 adalah seperti di **Lampiran A**.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan rakyat menunaikan tanggungjawab membayar cukai adalah seperti berikut:

i. Pelbagai program dan aktiviti pendidikan cukai dijalankan bagi memberi kesedaran kepada pembayar cukai melalui aktiviti-aktiviti seperti memberi taklimat, mengadakan bengkel dan seminar percukaian serta



melaksanakan Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC);

- ii. Bagi pembayar cukai yang gagal atau lewat mengembalikan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dalam tempoh yang ditetapkan, penalti di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan;
- iii. Program audit cukai yang berkesan dan terancang dilaksanakan melalui audit luar dan audit meja;
- iv. Program siasatan dilaksanakan untuk mencegah aktiviti pelarian serta pengelakan cukai menerusi lawatan mengejut ke premis pembiagaan, premis kediaman dan premis-premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai;
- v. Memungut cukai yang masih belum dijelaskan melalui perkhidmatan *Call-Out Centre*, lawatan ke premis pembayar cukai dan mempertimbangkan permohonan pembayaran cukai tertangguh secara ansuran; dan
- vi. Bagi pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai mengikut tempoh ditetapkan, penalti lewat bayar boleh dikenakan di bawah peruntukan seksyen 103, 107(B) dan 107(C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG  
(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**NO SOALAN :77**

**Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kes Jenayah Pecah Amanah di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dilaporkan sejak 2001 hingga 2010 mengikut pecahan tahun. Sila beri detail kes-kes tersebut termasuk nama dituduh dan status terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sememangnya mengambil berat tentang kes-kes Jenayah Pecah Amanah terutamanya kes-kes yang melibatkan syarikat GLC kerana kesan negatifnya terhadap imej negara. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat memberikan maklumat terperinci mengenai bilangan kes jenayah pecah amanah memandangkan maklumat ini tidak berada dalam simpanan Kementerian.

2. Dalam pada itu, Khazanah Nasionai Berhad sebagai salah satu syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) turut memandang serius sebarang kes Jenayah Pecah Amanah dan percaya pihak Lembaga Pengarah di dalam anak-anak syarikatnya akan membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya mengesyaki terdapatnya kes-kes Jenayah Pecah Amanah berlaku. Ini adalah selaras dengan aspirasi Program Transformasi GLC yang banyak menekankan kepada integriti dan amalan tadbir urus korporat yang baik di kalangan syarikat GLC.
3. Di samping itu, Seksyen 174(8)(a), Akta Syarikat 1965 juga ada memperuntukkan supaya juruaudit luar membuat laporan kepada Pendaftar Syarikat sekiranya terdapat sebarang kesalahan berat melibatkan penipuan atau pecah amanah yang dilakukan oleh para pegawai syarikat masing-masing.

**SOALAN NO:78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :      BUKAN LISAN

DARIPADA            TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci berapakah laporan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa serta rasuah yang melibatkan Ketua Menteri Sarawak dan apakah keputusannya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPMR adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

PERTANYAAN :      BUKAN LISAN

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO:79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA :        **TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN**

TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah individu (termasuk Menteri dan Ketua Menteri/Menteri Besar) yang diminta mengumumkan aset beliau oleh SPRM dan jumlah yang dirampas dalam tempoh dua tahun lepas.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mendapatkan maklumat ke atas pemilikan harta-harta yang berlebihan dan tidak bersesuaian dengan emolumen sekiranya mempunyai alasan yang munasabah ke atas mana-mana seorang pegawai Badan Awam yang disyaki terlibat dalam perbuatan rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga 30 Mei 2011, sejumlah 136 orang individu termasuklah dari pelbagai

## JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

peringkat jawatan politik, telah memberikan pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar mengenai tiap-tiap harta yang dimiliki mengikut seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kepada pihak SPRM.

Manakala jumlah harta yang disita oleh SPRM dari tempoh 2009 sehingga 30 Mei 2011 ialah berjumlah RM54,144,737.36.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA Y.B. TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)

## SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa peratusan dan amaun projek-projek Iskandar Malaysia yang telah dibayar menurut jadual dan yang belum dibayar menurut jadual dan apakah-punca-punca projek-projek Kerajaan dan swasta tertangguh.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi pelaksanaan bagi 17 program dan projek Iskandar Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan

Sekjan. terima kasih.

**SOALAN NO:81**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

12 daripadanya disambung pelaksanaannya dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah mengikut jadual. Dari segi bayaran pula, sejumlah RM2,116.07 juta telah dibayar yang merupakan 75% daripada jumlah kontrak keseluruhan berjumlah RM2.813.83 juta. Baki belum dibayar sebanyak RM697.76 juta akan dibayar mengikut jadual kemajuan kerja.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, tiada projek Kerajaan yang diluluskan di bawah Iskandar Malaysia yang tertangguh manakala bagi projek-projek swasta pula keputusan pelaksanaan projek masing-masing adalah berdasarkan faktor komersil dan teknikal.

1

PERTANYAAN :      BUKAN LISAN

DARIPADA :      DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

SOALAN

DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana kecekapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membanteras gejala rasuah terutama bagi mengelakkan negara mengalami kerugian dan apakah sektor-sektor yang menjadi tumpuan rasuah yang boleh mengakibatkan negara mengalami kerugian.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa

mengambil tindakan proaktif dalam memastikan tiada perlakuan jenayah rasuah dan ketirisan yang boleh memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi negara tanpa mengira kedudukan dan status individu yang terlibat. Usaha Kerajaan memerangi rasuah dilaksanakan dengan penuh komitmen dan terancang melalui penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan aktiviti pencegahan yang menyeluruh.

Keberkesanan SPRM seperti yang telah dilaporkan oleh media massa dan media elektronik baru-baru ini melalui aktiviti operasi siasatan antaranya melumpuhkan kegiatan bersindiket rasuah seperti kes pembalakan haram, perlombongan haram dan penyeludupan pasir, kebocoran pintu masuk negara, kerugian berbilllion ringgit di Sime Darby Berhad, aktiviti penyelewengan subsidi minyak diesel dan Ops 3B yang mana kegiatan ini jika dibiarkan boleh menjelaskan keselamatan dan ekonomi negara, serta menjelaskan alam sekitar.

Keberkesanan SPRM juga dapat dilihat apabila pada tahun 2009 seramai 500 orang telah ditangkap dan 176 orang telah dituduh di seluruh negeri di Malaysia. Jumlah tersebut telah meningkat pada tahun 2010 kepada 949 tangkapan dan 381 pertuduhan.

SPRM tidak menumpukan secara khusus sektor-sektor yang terlibat dengan rasuah sebaliknya tindakan SPRM adalah menyeluruh dalam memastikan negara ini bebas daripada amalan rasuah. Setiap

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

maklumat yang diterima dan mempunyai asas perlakuan rasuah akan disiasat dengan adil, telus dan profesional sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO: 82

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]
SOALAN	Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian bagi penduduk - penduduk yang tinggal di tanah NCR yang mana ia masih banyak terbiar khususnya di kawasan Parlimen Tenom.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Sabah telah dan akan terus melaksanakan program pembangunan tanaman bagi mengelakkan kawasan tersebut daripada terbiar.

Antara usaha yang dilakukan untuk meningkatkan hasil pertanian di kawasan tersebut adalah dengan menyalurkan bantuan dan insentif kepada petani yang memiliki tanah bergeran persendirian atau mempunyai permohonan tanah yang mendapat pengesahan daripada Pejabat Pemungut Hasil Daerah. Bantuan diberikan dalam bentuk input pertanian dan sebahagian kos pembukaan tanah.

Jabatan Pertanian Sabah akan mempertimbangkan permohonan untuk mengusahakan aktiviti pertanian di tanah - tanah NCR dengan syarat - syarat berikut:

- i. tanah yang diusaha tidak melebihi kecerunan 25 darjah;

- ii. mempunyai surat pengesahan daripada pejabat Penolong Pemungut Hasil Daerah;
- iii. tanah tersebut adalah untuk kegunaan pertanian sahaja; dan
- iv. bagi tanaman singkat masa, kedudukan tanah mestilah bukan di lereng bukit berhampiran jalan raya atau di tepi sungai.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
[TENOM ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan guru-guru Semenanjung Malaysia yang telah dihantar ke Negeri Sabah sejak 10 tahun lalu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan guru-guru Semenanjung Malaysia yang telah dihantar bertugas ke negeri Sabah dan Sarawak adalah seperti jadual berikut:

**BILANGAN GURU SEMENANJUNG YANG BERADA DI  
SABAH DAN SARAWAK SEPERTI PADA 31 MEI 2011**

Negeri	Rendah	Menengah
SABAH	3890	4318
SARAWAK	3815	3582
JUMLAH	7705	7900



**Soalan No:84**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS PEMBENTANGAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI  
TARIKH :  
SOALAN : 84

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan

- a) Apakah status pencapaian projek-projek infrastruktur di bawah NKRA khususnya di negeri Sabah; dan
- b) Nyatakan agihan projek-projek tersebut mengikut kawasan Parlimen di Sabah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Bermula tahun 2010 hingga tahun 2011, sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) infrastruktur asas luar bandar di Sabah merangkumi pembinaan jalan luar bandar **(JALB) sepanjang 559.25km**, penyaluran bekalan air bersih/terawat **(BALB) kepada 35,206 buah rumah**, penyambungan bekalan elektrik **(BELB) kepada 16,745 buah rumah** dan bina baru serta menaik taraf rumah **(PBR) sebanyak 5,158 buah rumah.**

Status pencapaian projek-projek NKRA infrastruktur asas luar bandar di Sabah sehingga **31 Mei 2011** adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan **JALB** sepanjang **309.00km**;
- ii. Penyaluran **BALB** kepada **14,549 buah rumah**;
- iii. Penyambungan **BELB** kepada **14,251 buah rumah**; dan
- iv. Bina baru dan menaik taraf PBR sebanyak

## **2,286 buah rumah.**

Bagi tempoh yang sama, projek NKRA infrastruktur asas luar bandar juga telah memberi **manfaat kepada penduduk di Sabah** dengan pecahan seperti berikut:

- i. Seramai 203,588 orang untuk Program JALB;
- ii. Seramai 72,745 orang di bawah Program BALB;
- iii. Hampir 71,255 orang penduduk menerima manfaat di bawah Program BELB; dan
- iv. Sejumlah 11,430 orang penduduk mendapat manfaat di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Kerajaan akan terus berusaha memastikan pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas NKRA di Sabah dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

**b) projek-projek tersebut mengikut kawasan Parlimen di Sabah adalah seperti di LAMPIRAN 1.**

**\*DP: Dalam Pembinaan**

**\*SS : Sudah Siap**

Bil ·	Kawasan Parlimen	STATUS	JALB		BALB		BELB		PBR
1.	KUDAT	DP	Proiek 9	KM 46.01	Proiek	Rumah	Proiek 7	Rumah 290	Rumah 212
		SS	3	16.20	1	30	11	1,061	182
2.	KOTA MARUDU	DP	6	24.74	28	1,636	6	249	140
		SS	1	7.10	17	1,282	12	848	60



<b>Bil</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>STATUS</b>	<b>JALB</b>		<b>BALB</b>		<b>BELB</b>		<b>PBR</b>
3.	KOTA BELUD	DP	7	30.43	-	-	4	57	82
		SS	4	41.00	2	800	8	512	82
4.	TUARAN	DP	6	47.51	-	-	10	332	112
		SS	2	26.00	-	-	4	503	112
5.	SEPANGGAR	DP	6	22.10	-	-	1	30	45
		SS	-	-	-	-	14	483	56
6.	KOTA KINABALU	DP	1	18.00	-	-	-	-	2
		SS	2	21.60	2	900	-	-	3
7.	PUTATAN	DP	1	1.20	-	-	-	-	49
		SS	1	1.50	-	-	-	-	54

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>STATUS</b>	<b>JALB</b>		<b>BALB</b>		<b>BELB</b>		<b>PBR</b>
8.	PENAMPANG	DP	5	15.40	-	-	7	337	82
		SS	1	1.70	-	-	-	-	82
9.	PAPAR	DP	3	5.10	1	50	-	-	42
		SS	1	2.00	-	-	14	360	56
10.	KIMANIS	DP	3	19.00	7	312	-	-	43
		SS	3	16.80	-	-	-	-	68
11.	BEAUFORT	DP	11	63.64	-	-	2	190	143
		SS	5	39.11	5	421	12	837	141
12.	SIPITANG	DP	8	24.35	-	-	-	-	91
		SS	4	17.54	171	6,068	2	74	108

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>STATUS</b>	<b>JALB</b>		<b>BALB</b>		<b>BELB</b>		<b>PBR</b>
13.	RANAU	DP	3	24.00	-	-	2	50	92
		SS	-	-	1	174	12	1,104	82
14	KENINGAU	DP	9	52.72	-	-	1	48	162
		SS	3	2.50	1	187	1	1,168	142
15.	TENOM	DP	5	25.85	-	-	-	-	108
		SS	-	-	-	-	10	722	133
16.	PENSIANGAN	DP	-	-	3	184	28	1,082	259
		SS	1	22.00	-	-	7	978	205
17.	BELURAN	DP	9	49.00	6	737	16	743	199
		SS	1	1.00	2	90	19	1,151	162

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>STATUS</b>	<b>JALB</b>		<b>BALB</b>		<b>BELB</b>		<b>PBR</b>
18.	LIBARAN	DP	15	54.71	25	1,278	2	109	102
		SS	2	12.80	-	-	-	-	62
19.	BATU SAPI	DP	4	14.70	2	270	1	224	52
		SS	1	0.60	-	-	-	-	42
20.	SANDAKAN	DP	-	-	-	-	-	-	2
		SS	-	-	1	365	13	1,139	2
21.	KINABATANGAN	DP	3	26.80	-	-	2	136	132
		SS	-	-	1	37	18	1,824	112
22.	SILAM	DP	5	35.50	-	-	3	341	202
		SS	2	3.55	-	-	-	-	172

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>STATUS</b>	<b>JALB</b>		<b>BALB</b>		<b>BELB</b>		<b>PBR</b>
23.	SEMPORNA	DP	8	47.58	-	-	3	104	75
		SS	1	40.00	8	1,478	-	-	91
24.	TAWAU	DP	5	52.70	-	-	5	130	32
		SS	3	36.00	18	2,717	1	833	46
25.	KALABAKAN	DP	-	-	-	-	-	-	32
		SS	-	-	-	-	1	654	31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

SULIT

SOALAN NO. 85, M/S. 51

Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan peratusan penglibatan pelajar universiti dalam persatuan belia dan sukan sejak 10 tahun lalu.



## **JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai maklumat mengenai peratusan penglibatan pelajar universiti dalam persatuan belia dan sukan sejak 10 tahun lalu. Secara umumnya pengumpulan data belia berpersatuan sama ada dalam persatuan belia dan persatuan sukan dibuat berdasarkan kepada pengelasan mengikut 3 kaum besar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India serta termasuk juga mengikut gender.
2. Di setiap IPT, terdapat kegiatan berpersatuan di kalangan mahasiswa termasuk aktiviti bercorak belia dan sukan sebagai salah satu syarat pengajian mereka. Kegiatan mereka diselaraskan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU 1974) yang dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Penglibatan belia IPT di dalam persatuan belia dan sukan sama ada semasa menuntut di universiti atau selepas tamat pengajian adalah menerusi penyertaan mereka di dalam aktiviti dan kegiatan atau terlibat sebagai pemimpin di dalam persatuan/kelab.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
(KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan baki hutang Kerajaan Negeri-Negeri kepada Kerajaan Pusat sehingga pertengahan 2011 dan Kerajaan Negeri manakah yang paling banyak tunggakan bayaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, baki hutang Kerajaan-Kerajaan Negeri sehingga sehingga 31 Mei 2011 sebanyak RM 17,556.62 juta dan tunggakan bayaran kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Mei 2011 sebanyak RM3.208.01 juta. Bagi Pinjaman Semula (Relending) tunggakan sehingga 31 Mei 2011 sebanyak RM652.07 juta. Kerajaan Negeri yang paling banyak tunggakan bayaran balik ialah Kerajaan Negeri Kedah dimana termasuk Pinjaman Kerajaan Persekutuan dan Pinjaman Semula (Relending) seperti berikut:

**PINJAMAN  
KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
KERAJAAN NEGERI BAKI BELUM SELESAI SEHINGGA 31 MEI 2011 TUNGGAKAN  
SEHINGGA 31 MEI  
2011**

	(RM 'juta)	(RM 'juta)
Johor	1,032.59	397
Kedah	2,495.53	639.87
Kelantan	1,083.82	132.88
Melaka	856.05	95.05
Negeri Sembilan	1,243.76	168.87
Pahang	2,173.13	297.87
Pulau Pinang	687.94	169.97
Perak	950.65	17.82
Perlis	407.11	158.6
Selangor	994.28	3
Terengganu	1,037.25	638.9
Sabah	2,489.31	9
Sarawak	2,105.20	429.98
<b>JUMLAH</b>	<b>17,556.62</b>	0.15
		60.22
		<b>3,208.</b>
		<b>01</b>

	<b>TUNGGAKAN SEHINGGA 31 MEI 2011</b>
	(RM 'juta)
<b>PINJAMAN SEMULA (RELENDING)</b>	
<b>KERAJAAN NEGERI</b>	
Johor	334.51
Kedah	128.13
Kelantan	47.64
Melaka	9.37
Negeri Sembilan	15.66
Pahang	70.01
Perak	0
Perlis	3.71
Sarawak	32.57
Terengganu	10.47
<b>JUMLAH</b>	<b>652.07</b>

**JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN MENGIKUT KERAJAAN NEGERI  
SEHINGGA 31 MEI 2011**

**NO SOALAN :88**



<b>KERAJAAN NEGERI</b>	<b>TUNGGAKAN BAYARAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 MEI 2011</b>	<b>TUNGGAKAN BAYARAN PINJAMAN SEMULA (RELENDING) SEHINGGA 31 MEI 2011</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN SEHINGGA 31 MEI 2011</b>
	<b>(RM 'juta)</b>	<b>(RM 'juta)</b>	<b>(RM 'juta)</b>
<i>Kedah</i>	639.87	128.13	768.00
<i>Johor</i>	397.71	334.51	732.22
<i>Selangor</i>	638.99	0	638.99
<i>Terengganu</i>	429.98	10.47	440.45
<i>Pahang</i>	297.87	70.01	367.88
<i>Negeri Sembilan</i>	168.87	15.66	184.53
<i>Kelantan</i>	132.88	47.64	180.52
<i>Pulau Pinang</i>	169.97	0	169.97
<i>Perlis</i>	158.63	3.71	162.33
<i>Melaka</i>	95.05	9.37	104.42
<i>Sarawak</i>	60.22	32.57	92.79
<i>Perak</i>	17.82	0	17.82
<i>Sabah</i>	0.15	0	0.15
<b>JUMLAH</b>	<b>3,208.01</b>	<b>652.07</b>	<b>3,860.08</b>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :                    BUKAN LISAN

DARIPADA                    TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]

SOALAN:

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pendaftaran pengundi baru mengikut negeri- negeri.

**SOALAN NO.87**  
**JAWAPAN:** YB PATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran pemilih baru yang terkini untuk tempoh Suku Tahun Pertama Tahun 2011 mengikut pecahan negeri adalah seperti pada Jadual 1 di bawah. Jumlah ini adalah sebagaimana dalam daftar pemilih terkini yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2011 yang telah diwartakan pada 7 Jun 2011.

**SOALAN NO.87**

BIL.	NEGERI	Jumlah Pemilih Baru
1	PERLIS	3,003
2	KEDAH	17,721
3	KELANTAN	10,760
4	TERENGGANU	10,110
5	PULAU PINANG	16,955
6	PERAK	30,429
7	PAHANG	22,599
8	SELANGOR	17,893
9	W.P KUALA LUMPUR	16,551
10	W.P PUTRAJAYA	0
11	NEGERI SEMBILAN	11,165
12	MELAKA	6,394
13	JOHOR	26,279
14	W.P LABUAN	885
15	SABAH	18,266
16	SARAWAK	10,540
JUMLAH KESELURUHAN		<b>219,550</b>

/V0 • 2oflrt-ArvJ  
-NO: 11UM : 88

**NO^A-UP!**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]

TARIKH

RUJUKAN 3819

SO ALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pemberian status Penduduk Tetap (PR) mengikut pecahan negeri dan tahun sejak tahun 2008.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum seseorang warganegara asing memperoleh status Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63.

Seseorang warganegara asing yang telah dikeluarkan Permit Masuk boleh memohon Kad Pengenalan Pemastautin Tetap atau MyPR di Jabatan Pendaftaran Negara.

Jumlah pemberian Pemastautin Tetap bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak 18,179 orang. Pecahan statistik mengikut negeri (negara) dari tahun 2008 hingga 2010 bagi 10 negara paling ramai adalah seperti berikut.

1. Indonesia seramai 7134 orang;
2. Thailand seramai 4281 orang;
3. India seramai 2546 orang;
4. Singapura seramai 1333 orang
5. Filipina seramai 1281 orang;
6. Taiwan seramai 473 orang;
7. British seramai 178 orang;
8. Myanmar seramai 133 orang
9. Jepun seramai 122 orang;
10. Pakistan seramai 73 orang; dan
11. Lain-lain negara seramai 625

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
SOALAN	N0.89

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan berapakah jumlah pelajar Melayu tersebut yang mendapat pembiayaan atau pinjaman sama ada dari MARA atau lain-lain pihak.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, jumlah enrolmen pelajar Melayu di IPTS adalah seramai 238,760 orang. Semenjak tahun 1997 sehingga 30 April 2011, PTPTN telah meluluskan sebanyak 1,740,433 pembiayaan pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPT dengan jumlah keseluruhan amaun sebanyak RM38.53 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 519,725 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang melibatkan amaun sebanyak RM17.33 bilion. Sejumlah 264,547 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar berketurunan Melayu di IPTS dengan jumlah keseluruhan amaun yang terlibat sebanyak RM7.85 bilion.

**SOALAN NO:90**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**SOALAN:**

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub[ Kubang Kerian ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah lepasan Institusi Pengajian Tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan dan nyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan meneroka bidang-bidang baru untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan.

**PR-1242-T44005**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Mengikut data Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah siswazah yang menganggur mengikut kelulusan tahun 2010 adalah seramai 65,500 orang. Dari jumlah tersebut seramai 33,800 berkelulusan ijazah dan seramai 31,700 orang berkelulusan diploma.
  
2. Dalam konteks Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan, penganggur dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu:

- a) Penganggur aktif yang termasuk sebagai:
  - i. Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi

bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut

b) Penganggur tidak aktif yang meliputi:

- i. Mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau tidak berkelayakan
- ii. Mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk
- iii. Mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan
- iv. Mereka yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan siswazah menganggur mendapat pekerjaan dan menimba pengalaman melalui program-program latihan, *apprenticeship* dan *internship* bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Program-program yang dilaksanakan bukan sahaja memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran siswazah, tetapi juga memfokuskan kepada pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan siswazah yang tidak hanya mengharap kepada pekerjaan sedia ada dalam sektor awam dan swasta, malah mampu untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai bidang pilihan kerjaya dan sumber pendapatan.

4. Berhubung dengan pertanyaan Y.B Kubang Kerian berkaitan dengan usaha Kerajaan meneroka bidang-bidang baru untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan melalui *National Key Economic Areas* (NKEA) telah mengenalpasti 12 bidang keutamaan dan sekiranya dilaksanakan akan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. 12 bidang tersebut ialah :

- i. petroleum dan gas;
- ii. minyak sawit dan produk berkaitan;
- iii. perkhidmatan kewangan;
- iv pemborongan dan peruncitan;
- v. pelancongan;
- vi teknologi maklumat dan komunikasi;
- vii pendidikan;
- viii. elektrik dan elektronik;
- ix perkhidmatan perniagaan;
- x. penjagaan kesihatan swasta;
- xi pertanian; dan
- xii *Greater Kuala Lumpur.*

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, antara program bagi membolehkan siswazah mendapat pekerjaan. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a. Program-Program Di Bawah Kementerian Sumber Manusia
  - i. Pada tahun 2010 KSM telah berjaya membuat

penempatan pencari kerja sebanyak 110,239 menerusi 9 program seperti berikut:-

Rajah 1 : Program-Program Penempatan Oleh Kementerian Sumber Manusia

<b>BIL</b>	<b>PENEMPATAN 2010</b>	<b>PENEMPATAN</b>		<b>Jumlah Penempatan</b>
		<b>SISWAZAH</b>	<b>BUKAN SISWAZAH</b>	
<b>1</b>	<b>Portal JobsMalaysia</b>	<b>6,504</b>	<b>10,783</b>	<b>17,287</b>
<b>2</b>	<b>3P / Karnival Pekerjaan</b>	<b>7,350</b>	<b>12,875</b>	<b>20,225</b>
<b>3.</b>	<b>Penempatan Dengan Kerjasama APS</b>	<b>3,522</b>	<b>4,238</b>	<b>7,760</b>
<b>4.</b>	<b>Temuduga Terbuka</b>	<b>2,386</b>	<b>6,719</b>	<b>9,105</b>
<b>5.</b>	<b>Penempatan Terus Oleh Majikan</b>	<b>2,938</b>	<b>14,895</b>	<b>17,833</b>
<b>6.</b>	<b>Program Khas</b>			<b>10,531</b>
<b>7.</b>	<b>Integrasi JobMalaysia Sektor Awam - SPA SPP</b>	<b>12,858</b>	<b>14,640</b>	<b>27,498</b>
<b>Jumlah</b>		<b>37,181</b>	<b>73,058</b>	<b>110,239</b>

Dari jumlah 110,239 penempatan yang dibuat, seramai 37,181 adalah siswazah.

- ii. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tahun ini KSM telah berjaya membuat penempatan sebanyak 97,319 penempatan pencari kerja dan daripada jumlah itu seramai 35,801 (37%) adalah siswazah.
- b. Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi,Jabatan Perdana Menteri  
Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan program Skim Latihan 1

Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Seramai 3,000 orang siswazah menganggur akan ditawarkan peluang latihan dibawah anjuran syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan syarikat- syarikat GLC selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun secara purata RM1,000 sebulan sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan dengan kemahiran seperti 'soft skills', siswazah berkenaan turut diberi latihan dalam kerja dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan.

- c. MSC Malaysia *Knowledge Worker Development Initiative*  
*Oleh MOSTI*
  - i. MSC Malaysia KDI adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan.
  - ii. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, *Shared Services and Outsourcing* (SSO),

Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang dilatih pada 2010, sekitar 93 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

d. **Program Latihan Graduan Industri pembinaan Oleh CIDB**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah menyediakan program “Latihan Graduan Industri pembinaan” khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dibidang

Pengurusan Projek, Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elauan bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor dan yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Dis 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

e. **Sektor perkhidmatan awam**

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di

bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru sandaran sehingga Disember 2011 yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran;

f. **Program Keusahawanan**

Menempatkan siswazah terpilih di Perindustrian Kecil dan Sederhana melalui Program Perantisan Tunas Mekar selama setahun disamping menjalani kursus keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh UiTM. Latihan-latihan juga disediakan oleh MDec melalui

Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP) dan FAMA melalui program Pembangunan Usahawan Siswazah.

g. *Student Employment Experience Development*  
(SEED)

i. Program SEED terbahagi kepada tiga sub-program iaitu *Graduate Executive Training (GET)*, *Islamic Capital Market Graduate Training Scheme (ICMGS)* dan *Graduate Development Programme (GDP)*. GET

merupakan program khas bagi pengambilan pelatih pengurusan bagi agensi pengawalselia iaitu SC, Bursa Malaysia dan SIDC. ICMGS pula merupakan program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Islam dan disasarkan untuk melatih 200 modal insan sehingga tahun 2011. Manakala GDP pula adalah program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal konvensional dan disasarkan untuk melatih 180 graduan dan seterusnya membuka

peluang untuk mereka dilesenkan sebagai *dealer representative* atau pun *remisier*.

- iii. Setakat ini CMDF telah memperuntukan sejumlah RM12.9 juta untuk membiayai program latihan graduan bagi tujuan membuka peluang pekerjaan di dalam industri sekuriti. Jumlah ini merangkumi program *GDP* dan *ICMGTS* di mana masing-masing diberi peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan RM4.2 juta dan peruntukan untuk Persatuan Remisier Bumiputera (PRIBUMI) sebanyak RM500 ribu.

<D%(13-28Jun2011)/has..31.5.11/SaCafuddm WOOS



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**SOALAN ( 91 )**

**PERTANYAAN :                  BERTULIS**

**DARIPADA                  :                  TUAN TENG BOON SOON  
[ TEBRAU ]**

**SOALAN**

**TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan memandang serius keperluan rumah yang mendesak bagi keluarga yang berpendapatan sederhana ini di Daerah Johor Bahru ekoran kenaikan harga rumah akibat pembangunan pesat di Kawasan Pembangunan Iskandar dan melaksanakan projek perumahan usaha bersama antara Kerajaan dan sektor swasta yang berharga RM220,000.**

**JAWAPAN**  
**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sehubungan itu, sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 6,952 unit (5 projek) perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina dan ditawarkan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah yang layak di Negeri Johor.**

**Bagi menangani keperluan perumahan golongan berpendapatan sederhana Kerajaan sedang merangka dasar-dasar yang sesuai bagi pembinaan rumah-rumah mampu milik yang berkualiti pada paras harga RM100,000 hingga RM220,000.**

**Salah satu konsep pembinaan rumah mampu milik adalah melalui *Public-Private Partnership* di mana pihak Kerajaan akan menawarkan tanah-tanah kerajaan yang strategik di bandar-bandar kepada pemaju- pemaju perumahan swasta yang berwibawa bagi membangunkan perumahan rakyat mampu milik yang berkualiti (*Affordable Quality*)**

**House [AQH]). Penumpuan pembinaan Rumah Mampu Milik adalah di bandar-bandar besar di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor Bahru.**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyeru supaya semua Kerajaan negeri bekerjasama dalam menjayakan program perumahan mampu milik. Bagi Negeri Johor program ini boleh dijadikan satu program perumahan di bawah pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) .**

**Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan**

**Jun 2011**

**SOALAN NO. 92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN      BUKAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA            :        YB TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)**

**TARIKH                :        13 JUN2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menangani gejala pengemis profesional dari negara lain yang berkeliaran di tempat-tempat pelancongan dan peminta sedekah berpakaian keagamaan di kedai- kedai**

makan.

**JAWAPAN :**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamat pengemis / kutu rayau di bawah peruntukan Akta Orang Papa 1977 (AKTA183).

Dalam hal ini, JKM menggunakan 3 kaedah operasi utama dalam tindakan menangani isu pengemis / kutu rayau yang berkeliaran di tempat - tempat awam seperti berikut:-

a. **Operasi Berkala**

Dilakukan secara berjadual dan bersepadau dengan kerjasama Agensi-Agenzi Penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.

b. **Operasi Ad-Hoc**

Serbuan mengejut dilakukan sendiri oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ke kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan pengemis.

c. **Operasi Aduan**

Dilakukan apabila terdapat aduan awam sebagai contoh melalui panggilan telefon ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, talian Nur (15999), atau pengadu datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan sebagainya.

Tanggungjawab ini dilaksanakan dengan kerjasama yang baik daripada pelbagai agensi penguatkuasa. Pengemis warganegara asing yang diselamatkan akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut jabatan berkenaan. Sepanjang tahun

2010, sebanyak 1,271 operasi menyelamat pengemis / kutu rayau telah diadakan di seluruh negara dan seramai 1,434 pengemis / kutu rayau telah berjaya diselamatkan.

Daripada jumlah tersebut seramai 275 orang merupakan warganegara asing.

Usaha untuk membanteras pengemis dan kutu rayau khususnya warganegara asing di tempat-tempat awam yang menjadi tumpuan pelancong akan terus dilakukan dari semasa ke semasa demi menjaga imej baik negara dan menghindar pandangan negatif negara luar.

HO. **So** ArUA-fJ ; -NOr-  
AUM\* : 93

\*■^—Alin  
**NUrAUr**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]

TARIKH

RUJUKAN 3821

**SOALAN:**

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan selain daripada ISA, apakah langkah pencegah dan pemantau untuk memastikan anasir-anasir fanatik agama tidak menghasut perasaan benci-membenci di kalangan rakyat yang menjelaskan keselamatan negara.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ISA hanya digunakan sekiranya

**JAWAPAN:**

sesuatu tindakan oleh mana-mana pihak telah sampai ke tahap kritikal yang boleh menggugat keselamatan negara. Sebelum itu, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM akan menggunakan saluran mahkamah bagi tujuan pendakwaan dibawah Kanun Kesiksaan untuk kes-kes perkauman dan agama yang telah melibatkan kekerasan dan jenayah.

Selain daripada ISA, masih terdapat lagi undang-undang pencegahan lain yang boleh digunakan untuk mengekalkan ketenteraman awam iaitu Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah-langkah pencegahan dan pemantauan, Kerajaan khususnya melalui agensi penguatkuasa keselamatan seperti PDRM dengan kerjasama agansi-agensi seperti JAKIM dan SKMM sentiasa memantau aktiviti-aktiviti yang boleh membangkitkan isu-isu hasutan di antara kaum dan agama. Selain itu, pemantauan juga dibuat berdasarkan kepada penyebaran sebarang bentuk ideologi atau kefahaman yang menjurus kepada tindakan keganasan dan kefanatikan agama yang mana ianya tidak sesuai diamalkan oleh masyarakat di negara ini. Pemantauan juga diambil terhadap masalah mentafsirkan Al-Quran dan Hadis bagi tujuan kepentingan pihak-pihak tertentu.

Kementerian Dalam Negeri juga dengan kerjasama JAKIM turut melakukan pemantauan terhadap bahan-bahan bercetak yang berniat untuk

menimbulkan perasaan benci membenci dikalangan rakyat. Tindakan tegas dibawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1985 akan dilakukan seperti membatalkan lesen penerbitan sekiranya didapati ingkar dan masih mengeluarkan kenyataan menghasut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA                TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]  
TARIKH

RUJUKAN                3822

**SOALAN:**

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan kekuatan PDRM yang telah tercapai dan kemampuan PDRM dalam membanteras kegiatan jenayah. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil secara berterusan untuk menambah "visibility" anggota polis seperti diharapkan rakyat di kawasan Bandar.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

## **JAWAPAN**

Kekuatan keanggotaan PDRM pada masa ini berjumlah 112,113 orang. Pihak Kerajaan berpendapat jumlah kekuatan PDRM ini belum memadai untuk membanteras kegiatan jenayah. Walaupun keseluruhan jenayah indeks telah mencatatkan penurunan sebanyak 32,297 kes atau 15% pada tahun 2010, jumlah jenayah indeks seluruh Malaysia pada tahun 2010 masih dianggap tinggi iaitu 177,520 kes berbanding 209,817 pada 2009 atau secara puratanya 468.4 kes sehari.

Di bawah inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah, anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang dilantik sebagai Sukarelawan Polis (PVR) turut dilibatkan dalam rondaan pencegahan jenayah. Sungguhpun demikian, anggota RELA dan JPAM menjalankan tugas secara sukarela di mana penglibatan mereka dalam aktiviti penugasan pencegahan jenayah agak terbatas berdasarkan purata jumlah jam kehadiran mereka yang rendah iaitu dengan purata 1 jam sehari.

Justeru, jumlah kekuatan keanggotaan PDRM perlulah seiring dengan jumlah pertambahan penduduk, pertumbuhan kawasan-kawasan penempatan dan bandar baru serta pengembangan pusat perniagaan/komersil di seluruh negara. Berikutkan idengen itu, jumlah



keanggotaan PDRM perlu ditambah dari masa ke semasa dan keperluan sebenar jumlah kekuatan keanggotaan PDRM adalah 150,000 orang menjelang tahun 2015.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk menambah kehadiran (*visibility*) anggota polis di kawasan bandar, pihak PDRM melalui inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti berikut

(i) Konsep Omnipresence

Kehadiran polis ditingkatkan di tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti di pusat-pusat perniagaan, di jalan dan di kawasan-kawasan perumahan melalui pelbagai jenis rondaan, samada rondaan berkereta (Mobile Patrol Vehicle-MPV), rondaan bermotorsikal, rondaan berkuda dan rondaan berjalan kaki.

(ii) Ops Utama Perdana

Dalam Ops Utama Perdana ini, PDRM menempatkan kekuatan anggota PDRM di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai di bandar yang dikategorikan sebagai kawasan hotspot di 4 buah negeri hotspot iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Jumlah kekuatan ini ialah seramai 15,042 anggota PDRM iaitu seramai 12,879 anggota Tugas Am dan 2,163 anggota dari Pasukan Gerakan Am-PGA, dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU).

(iii) Inisiatif Feet On Street

Dalam inisiatif ini, PDRM melaksanakan penugasan rondaan

pencegahan jenayah bersama anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang dilantik sebagai Sukarelawan Polis (SP). Rondaan dijalankan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah jalanan yang dikategorikan sebagai kawasan *hot spot di 4 buah negeri hotspot iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang*. Jumlah anggota RELA yang terlibat ialah seramai 3,680 dan 1,353 orang dari JPAM.

(iv) Inisiatif High Prof He Policing

Dalam inisiatif ini, PDRM menunjukkan penampilan, rondaan dan tinjauan mesra melibatkan pegawai-pegawai kanan polis (berpangkat Inspektor dan ke atas) di kawasan - kawasan komersil, jalanan dan perumahan di seluruh negara.

(v) Inisiatif Re-assigned of Clerical Duties In PDRM

PDRM menempatkan semula kekuatan 7,402 anggota polis yang menjalankan tugas-tugas pejabat ke balai-balai di seluruh negara untuk menjalankan tugas-tugas hakiki kepolisan. Penugasan pejabat digantikan dengan pegawai awam seramai 4,279 di bawah program pengawaman.

(vi) High Visibility

PDRM menempatkan kekuatan penugasan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti kawasan perhentian bas, teksi dan komuter, di pusat membeli belah dan kawasan perniagaan di bandar-bandar pada waktu puncak.

(vii) *Stop and Talk*

Inisiatif ini menghendaki semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan, samada berjalan kaki, bermotosikal maupun berkereta (MPV) supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai, mengikut kesesuaian masa dan tempat bagi mendapatkan maklumbalas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal-hal kepolisan dan jenayah.

Pendekatan yang telah disebutkan di atas akan dilaksanakan secara berterusan untuk menambah “visibility’ anggota polis seperti diharapkan rakyat di kawasan Bandar. Dengan kejayaan mengurangkan Jenayah melalui inisiatif NKRA, rakyat mula merasa yakin terhadap prestasi PDRM. Isu mengenai peningkatan jenayah terutama Jenayah Jalanan adalah dipandang serius oleh pihak kerajaan dan sekali gus meletakkan sasaran ini sebagai keutamaan dalam usaha pengurangan kadar Jenayah di seluruh Negara. Pihak PDRM memang sentiasa mendengar dan mengambil tindakan terhadap kritikan dan pandangan masyarakat terutamanya isu berhubungkait dengan keselamatan diri mereka di mananya mereka berada. Dalam transformasi yang dilakukan oleh PDRM itu, berbagai pendekatan yang selama ini tidak pernah dilakukan telah dilaksanakan dengan penuh komited berlandaskan kepentingan rakyat dan diberi keutamaan yang sewajarnya.



SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	TUAN TENG BOON SOON
	[TEBRAU]
TARIKH	
SOALAN	95

Minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menimbang semula dasar negara mengenai pengeluaran dan penapisan "Rare Earth" setelah pengalaman dahsyat yang mengejutkan dunia daripada malapetaka nuklear di Jepun.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, proses pengeluaran Rare- Earth adalah tidak sama dengan operasi loji kuasa nuklear. Proses pengeluaran Rare-Earth menggunakan bahan mineral yang menghasilkan sisa sampingan (*waste residue*) mengandungi bahan radioaktif semulajadi yang beraktiviti rendah seperti thorium dan uranium. Tiada bukti saintifik menunjukkan bahan radioaktif semulajadi ini membahayakan kesihatan. Ini sangat berbeza dengan operasi loji janakuasa nuklear yang menggunakan bahan api nuklear yang diperkayakan dan menghasilkan sisa radioaktif yang berisiko tinggi dan perlu dikawal rapi. Oleh itu, kemalangan reaktor nuklear

di Jepun tidak sesuai dibandingkan atau disamakan dengan aktiviti pemprosesan *rare earth* di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) untuk mengawal dan mengawalselia semua aktiviti berurusan dengan bahan radioaktif termasuk aktiviti pemprosesan bahan mineral yang menghasilkan bahan sisa radioaktif semulajadi. Kerajaan sentiasa berusaha secara berterusan bagi memastikan semua aktiviti yang terlibat dengan radiasi di Malaysia adalah terjamin (*secure*), selamat (*safe*) dan terkawal (*safeguarded*) serta tidak membahayakan orang awam, pekerja dan alam sekitar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

DARIPADA DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN  
[BESUT]

SOALAN NO. 96. M/S. 53

Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kekurangan pelapis perseorangan badminton negara yang layak untuk mewakili dalam kejohanan besar.



1. **SULIT** Mewujudkan Program Khas Atlet Pelapis di mana 16 orang pemain **JAPAN** telah dipilih. Atlet Pelapis berkenaan akan didedahkan dengan Kejohanan Sirkit Tempatan dan juga Kejohanan Antarabangsa bertaraf Terbuka GP Gold.
2. Atlet Pelapis akan didedahkan bersama dengan Atlet Elit sebagai rakan spring dalam latihan harian. Atlet Pelapis juga akan dibawa bersama-sama Atlet Elit untuk Latihan Pendedahan seperti yang dilaksanakan pada persediaan Kejohanan Badminton Dunia di Paris. Seramai 4 orang atlet pelapis telah dibawa bersama ketika latihan pendedahan di Universiti Bath, United Kingdom sebagai persediaan ke Kejohanan Dunia berkenaan.
3. Anggota sokongan terutama khidmat sains dan perubatan sukan telah ditambah dan akan diterap sebaik mungkin. Antara khidmat sokongan sains dan perubatan sukan yang ditekankan adalah *masseur, sports conditioning* dan *sport code*.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Program (JKP) yang melibatkan MSN, ISN, jurulatih dan BAM diadakan setiap 2 bulan sekali bagi menilai dan memantau perkembangan prestasi atlet pelapis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
No. Soalan

DEWAN RAKYAT

[97JPR-1242-T44056]

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD.  
ZIN [ BESUT ]

NO. SOALAN

97

SOALAN

YB Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta  
MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan berapakah jumlah tangkapan  
rakyat Malaysia di luar negara yang  
digunakan oleh agen dadah antarabangsa  
sejak 5 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN:** Yang Berhormat Besut di atas soalan yang dikemukakan.

2. Jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan berkaitan dadah bagi lima (5) tahun kebelakangan ini sejak tahun 2007 sehingga 31 Mei 2011 adalah seramai 579 orang. Statistik pecahan mengikut negara adalah seperti berikut

nofil	NEGA	[REDACTED]
1	Singapura	173
2	Thailand	103
3	Taiwan	72
4	Republik Rakyat China	57
5	Indonesia	36
6	Australia	23
7	Sepanyol	19
8	Brazil	17
9	Brunei	8
10	Peru	8
11	Venezuela	8
12	Argentina	7
13	Cambodia	5
14	India	5
15	Hong Kong	4
16	Itali	4
17	Jepun	4
18	Filipina	4
19	United Kingdom	4
20	Jerman	3
21	Portugal	3
22	Belanda	1
23	Chile	1
24	Perancis	1
25	Korea Selatan	
26	Malta	
27	Myanmar	

28	Pakistan	1
29	Afrika Selatan	
30	Sweden	1
31	Trinidad & Tobago	1
32	Uruguay	1
33	Yemen	1
<hr/>		



PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	DATO' SRI ONG TEE KEAT
KAWASAN	
NO. SOALAN	98 DAN

Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan FDI dari China, India, Amerika Syarikat, Jepun, European Union yang telah diluluskan bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 (Jan-Mei). Berapa pula jumlah yang ditolak permohonannya dalam tempoh yang sama.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2008 hingga April 2011, sejumlah 2,867 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM161.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM106.3 bilion (66%) merupakan pelaburan asing manakala RM54.9 bilion (34%) adalah pelaburan domestik. Bagi tempoh yang sama.

jumlah pelaburan asing bagi negara China, India, Amerika Syarikat, Jepun, Kesatuan Eropah adalah RM59.1 bilion.

Pecahan pelaburan asing mengikut negara bagi tempoh 2008 hingga Mac 2011 adalah:

- Amerika Syarikat - jumlah pelaburan asing yang diluluskan adalah sebanyak RM23.7 bilion;
- Kesatuan Eropah - RM18.8 bilion;
- Jepun - RM16 bilion;
- India - RM328.3 juta; dan
- China - RM272 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh yang sama tiada permohonan yang ditolak dari negara China, India, Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah.

SOALAN NO: 99

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]
SOALAN	Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah insentif yang telah diberikan kepada kaum petani mengikut bidang sejak 2008. Berapa pula petani yang dianggarkan mengusaha aktiviti asas tani atas tanah Kerajaan tanpa sebarang kebenaran yang masih ditawarkan insentif.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah membelanjakan sebanyak RM188.48 juta bagi tempoh 2008 hingga 2009 melalui insentif pengeluaran tanaman makanan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM75.4 juta telah diberikan kepada 26,172 pengusaha sayuran manakala RM113.09 juta telah diberikan kepada 39,615 pengusaha buah-buahan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak memberikan bantuan kepada pengusaha asas tani yang menjalankan aktiviti di atas tanah Kerajaan tanpa kebenaran sebaliknya Kementerian ini hanya memberikan bantuan insentif kepada usahawan yang memiliki premis persendirian atau yang disewa daripada agensi swasta mahupun Kerajaan bagi memastikan produk yang dikeluarkan adalah mematuhi sijil piawaian seperti Halal, GMP, HACCP dan lain-lain lagi.



**N0:100**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT PERTANYAAN                  BUKAN JAWAB**

**LISAN**

**DARIPADA                              Dato' Sri Ong Tee Keat [PANDAN]**

**SOALAN                              100**

**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN**

menyatakan perkembangan projek pembinaan landasan berkembar di antara Gemas dengan Johor Bahru berikutan beliau berjanji memberikan kontraktor dari Republik Rakyat China kontrak projek berkenaan dalam lawatan beliau ke China pada Jun 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk menawarkan kontrak atau tender projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru ini kepada syarikat tertentu dari negeri China. Kenyataan YB Menteri Pengangkutan dalam lawatannya ke negeri China pada tahun 2009 adalah berbentuk kenyataan umum bahawa Kerajaan Malaysia bersedia menimbangkan tawaran projek itu kepada syarikat atau kontraktor dari Negara China tertakluk kepada kajian teknikal dan kewangan yang akan dijalankan. Pelantikan rasmi kontraktor yang terpilih akan diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan selepas mendapat kelulusan agensi pusat iaitu Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta rundingan yang akan dijalankan.

Pada masa ini, pelaksanaan kemajuan projek hanya melibatkan tiga aspek penting iaitu pertama - pengukuran dan kajian tanah (survey). Kedua - penyediaan rekabentuk kejuruteraan dan teknikal dan ketiga -fasa pengambilan tanah. Untuk tujuan ini, satu pasukan khas (dedicated team) telah ditubuhkan untuk menyelaras dan memantau kemajuan aktiviti projek di semua peringkat.



**JAWAPAN BAGI SOALAN JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

DARIPADA

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]

SOALAN NO. [jO/J:

Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]  
minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan hasil lawatan pemimpin-  
pemimpin negara kita dan Republik  
Rakyat China berikut dalam usaha  
memantapkan lagi perhubungan  
diplomatik dua hala di antara kedua-dua  
buah negara iaitu lawatan Perdana  
Menteri kita ke China pada Jun 2009;  
lawatan Presiden China ke Malaysia  
pada November 2009; lawatan  
Timbalan Perdana Menteri kita ke China  
pada April 2011 dan lawatan Perdana  
Menteri China ke Malaysia pada April

JAWAPAN:

2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Y.B. Pandan di atas persoalan yang dikemukakan.

2. Hubungan dua hala yang erat antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) yang bermula pada 31 Mei 1974 dengan terjalannya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara telah dipergiatkan dan dimantapkan lagi dengan beberapa siri pertukaran lawatan di peringkat tertinggi yang merangkumi lawatan rasmi oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke RRC pada 2 hingga 5 Jun 2009, lawatan negara TYT Hu Jintao, Presiden RRC ke Malaysia pada 10 hingga 11 November 2009, lawatan rasmi YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri ke RRC pada 18 hingga 24 April 2011 dan lawatan rasmi TYT Wen Jiabao Perdana Menteri RRC ke Malaysia pada 27 hingga 28 April 2011.

3. Hasil daripada lawatan-lawatan berkenaan telah berjaya mengangkat taraf hubungan dua hala ke peringkat yang lebih tinggi dan strategik serta memperluaskan lagi kerjasama bilateral yang substantif dalam pelbagai bidang merangkumi pelaburan, perdagangan, infrastruktur, pertanian, pelancongan, kebudayaan, teknologi maklumat, pertahanan dan keselamatan, kesihatan, maritim, sukan dan juga pelajaran.

4. Hubungan yang bertambah baik ini juga telah merancakkan lagi usaha-usaha berterusan kedua-dua belah pihak untuk memperkasakan lagi hubungan dan kerjasama dua hala yang sudah sedia terjalin melalui pertukaran lawatan yang aktif antara kedua-dua negara bukan sahaja di peringkat kerajaan dan pentadbiran, tetapi juga di kalangan bukan kerajaan, khususnya sektor swasta.
5. Dalam usaha memperkuatkan lagi hubungan erat antara kedua-dua negara, satu perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC berkenaan Penghapusan Separa untuk keperluan Visa bagi Pemegang Pasport Diplomatik dan Rasmi telah mula berkuat kuasa pada 18 Mei 2011, iaitu 30 hari selepas pertukaran Nota Diplomatik antara kedua-dua kerajaan di Beijing pada 18 April 2011.
- . 6. Disamping itu, Mekanisme Kerjasama Strategik antara Malaysia dan RRC juga telah terbukti berkesan melalui Konsultasi Dua Hala yang memangkinkan usaha-usaha untuk membentuk kerjasama dua hala dan persefahaman yang mendalam antara kedua-dua negara dapat dilaksanakan. Konsultasi Dua Hala antara Malaysia dan RRC yang ke-13 pada tahun ini akan dihoskan oleh Kerajaan Malaysia. Kerajaan RRC telah mencadangkan agar Konsultasi Dua Hala tersebut dinaiktarafkan kepada Konsultasi Strategik di antara kedua-dua negara.
7. Dari aspek perdagangan dan pelaburan, kedua-dua negara bersetuju bahawa perdagangan dan pelaburan dua hala adalah bidang penting yang menjadi teras dalam hubungan Malaysia - RRC. Bahkan, kedua-dua negara menyambut baik pencapaian kadar

pertumbuhan dagangan dua hala antara kedua-dua negara yang menunjukkan peningkatan yang sangat menggalakkan iaitu sebanyak 10.6% setahun. Pada tahun 2010, hubungan dagangan antara Malaysia dan RRC telah mencatatkan prestasi yang cukup menyakinkan dengan jumlah dagangan dua hala sebanyak USD45.66 billion, iaitu peningkatan sebanyak enam kali ganda berbanding dengan 10 tahun lalu. Walau bagaimanapun, rekod pihak RRC menunjukkan statistik perdagangan dua hala antara Malaysia dan RRC adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak USD74.2 bilion.

8. Dari aspek kewangan pula, susulan daripada keputusan yang telah dicapai oleh pucuk pimpinan kedua-dua negara pada tahun 2009 bagi Pertukaran Matawang Dua Hala antara Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bank Pusat China, Kerajaan RRC telah memberikan kelulusan kepada BNM untuk membuka sebuah cawangannya di Beijing bagi memantau dan menguruskan penyelesaian perdagangan bagi matawang Ringgit Malaysia (RM). Kerajaan RRC juga memaklumkan bahawa, pengenalpastian bank bagi menguruskan penyelesaian perdagangan bagi matawang *Renminbi* (RMB) atau *Chinese Yuan* (CNY) di Malaysia pula akan ditentukan bersama oleh kedua-dua negara. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri telah mencadangkan supaya *Bank of China Malaysia Berhad* diberikan *clearing status* bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC juga telah menandatangani ‘Perjanjian dalam Memperluas dan Mempertingkatkan Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan antara Kerajaan Malaysia dan

Kerajaan RRC' pada 28 April 2011 yang lalu.

Kerajaan RRC juga mempelawa dan mengalui-alukan kehadiran sektor swasta Malaysia untuk melabur di lokasi-lokasi terpilih dan strategik di RRC. Malaysia juga telah dipilih sebagai 'Negara Kehormat' sempena Ekspo China-ASEAN yang ke-8 (CAEXPO) yang akan diadakan di Nanning pada 21 hingga 26 Oktober 2011. Kedua- dua belah pihak juga telah bersetuju untuk memperluaskan hubungan perdagangan dua hala bagi produk bernilai tambah selain daripada produk elektrik dan elektronik, produk perubatan dan bioteknologi. Melalui Perjanjian Perdagangan Bebas China-ASEAN, Kerajaan RRC berhasrat untuk meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonominya dengan Malaysia terutamanya dalam bidang perdagangan, kastam, pasaran modal, dan pertukaran matawang. Kerajaan RRC turut menyatakan komitmennya untuk terus mengimport minyak sawit dan produk- produk berasaskan sawit dari Malaysia.

10. Kerjasama kedua-dua negara turut mencapai perkembangan positif dalam bidang pertanian berikut pengumuman oleh Kerajaan RRC yang telah menyatakan persetujuan untuk mengimport durian beku dari Malaysia dan berharap agar Malaysia mempermudahkan pengeksportan produk-produk Halal dari China ke pasaran Malaysia.

11. Kerajaan RRC telah mencadangkan supaya kedua-dua negara bekerjasama dalam membangunkan Taman Industri Malaysia-China di Qinzhou, Wilayah Guanxi. Kerajaan RRC juga sedang giat melabur dalam projek-projek pembangunan infrastruktur awam dan swasta di Malaysia.

12. Kedua-dua negara juga mempunyai hubungan kerjasama yang baik dalam sektor pendidikan. Menurut statistik Kementerian Pendidikan Tinggi, pada tahun 2010, seramai 10,214 pelajar daripada

RRC melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi pendidikan tinggi negara. Bagi menggalakkan lagi pelajar-pelajar China untuk melanjutkan pendidikan tinggi mereka di Malaysia, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menandatangani Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (Moli) dalam bidang Penggajian Tinggi semasa lawatan Perdana Menteri RRC ke Malaysia. Bahkan, penubuhan Pusat Penggajian China di Universiti Malaya dan kerjasama antara Universiti Malaya dan *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) di lihat sebagai simbolik kepada kerjasama erat kedua-dua negara dalam bidang pendidikan.

13. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC juga mempunyai hubungan kerjasama yang baik dalam isu pertahanan dan keselamatan. Lawatan Menteri Keselamatan Awam RRC pada bulan Februari 2011, telah berjaya meningkatkan lagi kerjasama dalam memerangi jenayah rentas negara. Kedua-dua negara sedang merundingkan teks perjanjian berkenaan isu tersebut dan berharap agar ianya dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.
14. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk terus mempertingkatkan dan memperluaskan lagi skop kerjasama sedia ada dalam bidang kesihatan dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Sistem Tradisional Cina di Malaysia, yang semakin mendapat perhatian masyarakat tempatan.
15. Kedua-dua negara juga telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dalam bidang yang merangkumi sukan, sains dan teknologi, teknologi hijau, kerjasama maritim, dan juga mempelopori bidang-bidang baru seperti kerjasama dalam isu perubahan iklim, bantuan kemanusian dan pra-pencegahan tsunami di rantau Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO: 102

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Dato' Seri Ong Tee Keat [ Pandan ]
SOALAN	Dato' Seri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan prestasi pemasaran buah - buahan kita di China, Taiwan, Hong Kong, Jepun dan Korea bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 (Januari - Mei). Apakah daya usaha promosi FAMA dalam pemasaran buah - buahan kita di negara/ wilayah yang berkenaan dalam tempoh tersebut.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pada keseluruhannya nilai eksport buah-buahan tempatan ke China, Taiwan, Hong Kong, Jepun dan Korea adalah RM 34.06 juta pada tahun 2008 dan telah meningkat 17% kepada RM 39.94 juta pada tahun 2009. Sementara nilai eksport sehingga bulan Oktober 2010 mencapai RM 36.94 juta. Bagi sektor pasaran Timur Jauh, Hong Kong merupakan destinasi utama eksport bagi buah-buahan Malaysia. Pada Mei 2011, Malaysia telah berjaya mengakses pasaran China dengan mengeksport produk durian sejuk beku.

Aktiviti promosi yang utama dijalankan oleh FAMA di sektor pasaran tersebut adalah melalui penyertaan dalam pameran perdagangan HOFEX 2009 dan HOFEX 2011 di Hong Kong.

SOALAN NO: 103

PARLIMEN MALAYSIA

BERNAMA PEMERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN Dari PERSOALAN DARI PERSOALAN  
DARIPADA Dato' Seri [Setiawangsa] Dato' Seri [Setiawangsa]  
SOALAN Haji Zulhasnan bin Rafique  
minta MENTERI  
PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah  
kejayaan langkah Kerajaan bagi menjadikan tebu  
sebagai komoditi baru eksport dan nyatakan peranan  
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)  
bagi menjayakan projek berkenaan.

JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

FAMA dengan kerjasama MARDI dan beberapa orang usahawan telah membuat penghantaran percubaan dan kajian kualiti pengeksportan tebu segar melalui laut ke pasaran Timur Tengah pada 30 Oktober hingga 11 November 2010. Hasil hantaran percubaan tersebut, didapati tebu Malaysia mempunyai potensi yang besar bagi pasaran Dubai kerana kualitinya yang lebih baik berbanding dengan tebu dari Oman, India dan Mesir. Selain itu, Syarikat Daimond International di Dubai telah membuat jangkaan saiz pasaran tebu segar sebanyak 5,000 kotak bersai 15 kg iaitu 75 tan metrik sehari.

Sehubungan itu, FAMA melalui projek ladang kontrak kini sedang giat membangunkan petani untuk menanam tebu yang dapat memenuhi kualiti eksport. Pada peringkat permulaan, seramai 13 orang petani yang menanam tebu telah dibangunkan di Tanjung Karang dengan keluasan 48 ekar.

FAMA juga telah mewujudkan Kompleks Pengumpulan Ladang (KPL) bagi komoditi tebu di Semerah, Batu Pahat, Johor. Pada masa ini, sebuah syarikat milik usahawan iaitu *PureCane* sedang beroperasi di KPL ini dengan aktiviti mengeksport tebu segar ke Singapura. Dalam tempoh 2009 hingga April 2011, sebanyak 3.6 juta batang tebu telah dieksport ke Singapura.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
                                  [ SETIAWANGSA ]  
TARIKH**

**RUJUKAN                    3904**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) di seluruh negara dan adakah Kerajaan bercadang menambah bilangan CIC memandangkan bilangan kes penderaan dan seksual melibatkan kanak-kanak semakin bertambah dan membimbangkan.



## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Temuduga Kanak-Kanak (Child Interview Centre - CIC) telah ditubuhkan pada tahun 2002. Pusat ini ditubuhkan untuk merakam keterangan mangsa atau saksi kanak-kanak melalui rakaman video mengikut peruntukan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Akta 676).

Terdapat tiga (3) buah CIC telah ditubuhkan dan sedang beroperasi iaitu di Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Manakala tiga (3) lagi CIC iaitu Kelantan, Terengganu dan Melaka telah ditubuhkan tetapi belum beroperasi kerana tiada peralatan rakaman.

Pihak PDRM berhasrat untuk menubuhkan CIC disemua Kontinjen memandangkan kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak dan kes seksual terhadap kanak-kanak semakin bertambah dan membimbangkan. Walaubagaimanapun, PDRM menghadapi masalah dalam mendapatkan lokasi, mendapatkan peruntukan untuk membeli peralatan rakaman dan peruntukan pengubahsuaian bangunan dan kelengkapan pusat ini.

Penubuhan CIC amat diperlukan memandangkan peningkatan kes-kes penderaan dan seksual terhadap kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak yang dibawa untuk ditemubual berumur antara 2 tahun hingga 12 tahun. Pihak PDRM sentiasa berusaha untuk membantu

## **JAWAPAN**

kanak-kanak yang terlibat.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
[ SETIAWANGSA ]

### **JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

#### **PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bentuk penyelarasan dan pengawal-seliaan Kementerian untuk mentadbir jenis-jenis pendidikan alternatif selain daripada pendidikan kebangsaan dan jenis kebangsaan di negara ini, memandangkan jumlah sekolah-sekolah swasta semakin bertambah kini.

#### **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah-sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta yang beroperasi di negara ini ditubuhkan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan juga di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 1996. Terdapat sebanyak 325 sekolah swasta (termasuk sekolah antarabangsa) yang terdiri daripada sembilan (9) kategori yang beroperasi iaitu sekolah rendah (agama dan akademik), sekolah menengah (agama dan akademik), sekolah antarabangsa, sekolah espatriat, sekolah pendidikan khas, sekolah gaya pos dan sekolah menengah (persendirian) Cina.

Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengadakan kawal-selia atau pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah swasta ini dari semasa ke semasa. Ini bersesuaian dengan seksyen 99, 100 dan 101 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Tujuan pemeriksaan ini untuk memastikan supaya semua sekolah swasta yang ditubuhkan di

negara ini mematuhi semua syarat penubuhan yang ditetapkan oleh KPM.

Bagi memastikan penyelarasan kawal-selia atau pemeriksaan ini berkesan, KPM dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri akan memeriksa semua sekolah ini secara terancang, berkala dan berdasarkan aduan yang diterima dari semasa ke semasa. Selain itu, KPM juga mengadakan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan bahawa syarat-syarat penubuhan di bawah Undang-Undang Kecil PBT juga dipatuhi sepanjang masa.

Sehingga kini, KPM telah mengambil tindakan perundangan kepada sekolah-sekolah swasta yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan merujuk seksyen 139 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Sebuah (1) sekolah antarabangsa telah diambil tindakan pengkompaunan kerana menjual minuman keras dalam kawasan sekolah. Manakala dua (2) lagi sekolah masih lagi menunggu kebenaran Timbalan Pendakwaraya bagi tujuan tawaran pengkompaunan kerana menaikkan yuran tanpa kebenaran Ketua pendaftar.

KPM percaya melalui tindakan kawal-selia dan tindakan bersesuaian yang diambil oleh KPM kepada sekolah swasta ini, pelanggaran peraturan-peraturan yang ditetapkan dapat dikurangkan.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO<sup>1</sup> DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

[ LIPIS ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menaiktarafkan sekolah vokasional ke

RT8/106

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

peringkat Kolej, sekali gus menawarkan diploma atau diploma lanjutan dalam usaha melahirkan ramai pekerja separa teknikal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang merancang untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional yang melibatkan kurikulum, struktur, metodologi dan kandungan kurikulum supaya ia selaras dengan kehendak industri dan setara dengan sistem pendidikan vokasional luar negeri. Transformasi ini akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2013.

Pada tahun 2013, kesemua 78 buah Sekolah Menengah Vokasional akan dinaik taraf kepada Kolej Vokasional dan menawarkan program sehingga ke peringkat diploma.



**SOALAN NO: 107**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :            BUKAN LISAN  
DARIPADA                DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN  
                            [ LIPIS ]**

**SOALAN**

**Dato" Dr Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penduduk negara ini yang berusia lebih 30 tahun ke atas menghidap dua penyakit tidak berjangkit utama iaitu diabetes dan darah tinggi yang menjadi penyebab utama kematian pra-matang.

**Tuan Yang DiPertua,**

Berdasarkan hasil kajian Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang Ketiga (atau NHMS III) pada tahun 2006, prevalen penyakit diabetes adalah 14.9% bagi kumpulan umur 30 tahun dan ke atas, atau kira-kira 1.6 juta rakyat Malaysia yang berumur 30 tahun dan ke atas. Prevalen penyakit hipertensi pula adalah 42.6%, atau kira-kira 4.6 juta rakyat Malaysia bagi kumpulan umur yang sama.



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA                            YB DATO' DR. MOHAMAD  
    SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

**TARIKH**

**SOALAN                            108**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status pembinaan jalan penghubung desa dari Bandar Baru Kuala Lipis melalui Kampung Kuala Kechau dan Kampung Matok hingga ke Kampung Dusun, Kuala Kenong dalam kawasan Parlimen Lipis.**

**JAWAPAN**  
**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman YB Dato', Kementerian telah menyenarai projek pembinaan jalan dari Bandar Baru Kuala Lipis melalui Kampung Kuala Kechau dan Kampung Matok hingga ke Kampung Dusun, Kuala Kenong di Parlimen Lipis, Pahang di bawah Rolling Plan Kedua (RMKeIO) untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM).**

# **MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

## **PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA YB DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

TARIKH

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status pembinaan jambatan merentasi Sungai Jelai di Kampung Gemunchor dalam kawasan Parlimen Lipis.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman YB Dato', pembinaan jambatan konkrit menyeberangi Sg. Jelai di Kg. Gemunchor, Lipis masih diperingkat rekabentuk akhir yang dilaksanakan secara *in-house* oleh pihak JKR. Projek ini akan ditender pada akhir Julai 2011 dan pembinaan akan dimulakan pada awal September 2011 selama 18 bulan.**



**SOALAN : 110**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUABELAS, TAHUN 2011**

**PERTANYAAN                  JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  YB DATO' DR. MOHAMAD  
                                  SHAHRUM BIN  
                                  OSMAN (LIPIS)**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi menjadikan organisasi itu berorientasikan keusahawanan dan pendidikan peringkat global.**



**Tuan Yang di-Pertua,  
JAWAPAN :**

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lipis mengenai peranan yang dimainkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk menjadikan organisasi itu berorientasikan keusahawanan dan pendidikan peringkat global, MARA telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memenuhi hasrat tersebut. Dalam bidang keusahawanan, pendekatan bersepadu yang telah dilaksanakan melibatkan aktiviti-aktiviti pembangunan usahawan, penyediaan modal, mewujudkan peluang perniagaan serta pembangunan premis perniagaan. MARA juga bertanggungjawab untuk memberikan latihan kemahiran kepada bakal-bakal usahawan Bumiputera.

Melalui pendekatan bersepadu juga, MARA menyasarkan untuk melahirkan usahawan korporat, teknologi usahawan, peruncitan dan pembuatan serta melahirkan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang

berwibawa serta mampu untuk meneroka pasaran dunia.

Selaras dengan Program Transformasi Ekonomi, MARA mengambil inisiatif untuk menyediakan bantuan keusahawanan dalam bidang-bidang ekonomi yang berimpak tinggi terutamanya bidang perkhidmatan perniagaan, pendidikan, pemborongan dan peruncitan kepada usahawan Bumiputera. Ini meliputi Program *Intrapreneurship*, *Equisition* dan Pemilikan Ekuiti, Pemantapan Usahawan melalui Program *Groom Big*, Dana Wakaf dan *International Innovation* bagi melahirkan usahawan berjaya dan seterusnya mampu bersaing di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam bidang pendidikan, MARA mengorak langkah melalui pendekatan sistem pendidikan bagi menghasilkan graduan profesional yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bagi memperkasakan pendidikan akademik, langkah

MARA bermula dari peringkat menengah di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sehingga ke peringkat ijazah dengan menaja para pelajar ke universiti terkemuka sama ada di dalam maupun di luar negara.

Ketika ini, Kolej MARA telah muncul sebagai kolej terbaik di dunia dalam Program *International Baccalaureate (IB)*. MARA bersedia untuk menghantar pelajar-pelajar lepasan *International Baccalaureate* dan juga A-Level ke universiti-universiti *Ivy League*. MARA sedang berusaha untuk mempromosikan pelajar-pelajar lepasan *International Baccalaureate* dan *A- Level* bagi mendapatkan tempat pengajian di universiti- universiti *Ivy League*.

Melalui Pendidikan Teknikal dan Vokasional, MARA melahirkan pelajar-pelajar yang dilengkapi dengan ilmu *global competent technologist*, teknologi usaha wan yang pakar dalam bidang masing-masing. MARA memberikan peluang pendidikan kepada pelajar yang kurang berjaya dalam bidang akademik melalui kursus di peringkat Sijil GIAT MARA dan Sijil

Kompetensi Institut Kemahiran MARA (IKM). Setelah itu, pelajar tersebut akan diberi laluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sijil Lanjutan dan Diploma di

Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan German Malaysia Institute (GMI). Bagi meningkatkan lagi tahap kompetensi mereka MARA membuka peluang pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan marin, kejuruteraan aeronautik dan lain-lain bidang. Para graduan UniKL khususnya dalam bidang Kejuruteraan telah mendapat tempat dan mampu untuk berkhidmat di peringkat antarabangsa.



NO SOALAN :111

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**  
**DARIPADA**  
**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM**  
**PERTANYAA  
N**           **WEE (PETALING JAYA  
UTARA)**  
**BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci sejak portal "*MyProcurement*" dilancarkan

- (a) Bilangan kontrak yang telah diterbitkan oleh setiap Kementerian dan setiap bulan; dan
- (b) Jumlah nilai kontrak yang telah diterbitkan oleh setiap Kementerian dan setiap bulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, portal MyPROCUREMENT - Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan telah dilancarkan pada 1 April 2010 oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Sehingga 31 Disember 2010, portal MyPROCUREMENT telah memaparkan sebanyak 3,936 keputusan tender

yang telah dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian. Kesemua 3,936 keputusan tender tersebut melibatkan nilai kontrak sebanyak RM15,514,483,395.15.

**NO SOALAN: 112**

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN TONY PUAKIAM WEE  
NO. SOALAN : 112

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejak  
tahun 1996:

- (a) jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk setiap tahun (*approved investments*); dan
- (b) jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan untuk setiap tahun (*actual investments*).

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 1996 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM513.7 billion melalui 13.348 projek pengilangan. Daripada jumlah tersebut, RM298.9 billion (58.2%) merupakan pelaburan asing, manakala RM214.8 billion (41.8%) merupakan pelaburan domestik.

Berdasarkan Kaiian Taraf Pelaksanaan yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada Disember 2010 ke atas svarikat-svarikat perkilangan yang diluluskan bagi tempoh 1996 sehingga 2010, sebanyak 10.433 projek (78.2%) telah dilaksanakan. Jumlah pelaburan modal asing dalam 10.433 projek yang telah dilaksanakan bernilai RM 179.8 bilion.

Pecahan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan berbanding jumlah pelaburan asing (FDI) yang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Pelaburan Asing Diluluskan (RM bilion)	Pelaburan Asing Dilaksanakan (RM bilion)
1996	17.1	7.7
1997	11.5	7.7
1998	13.1	6.7
1999	12.3	7.8
2000	19.8	16.8
2001	16.0	12.3

2002	11.6	6.3
2003	15.6	6.3
2004	13.1	10.6
2005	17.9	15.2
2006	20.2	14.4
2007	33.4	21.7
2008	46.1	29.0
2009	22.1	7.9
2010	29.1	9.4
JUMLAH	298.9	179.8

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUABELAS, TAHUN 2011**

**PERTANYAAN                    JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA                    YB TUAN TONY PUA KIAM  
WEE (PETALING JAYA  
UTARA)**

**SOALAN                    113**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan**

**SOALAN : 114**

**Wilayah menyatakan** senarai terperinci universiti di United Kingdom dan di Amerika Syarikat yang pemegang biasiswa MARA Sarjana Muda dan jumlah penuntut yang dihantar setiap tahun sejak 2000 untuk setiap universiti tersebut.

## **JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk maklumah Ahli Yang Berhormat, sehingga kini MARA telah menaja seramai **2,936** pelajar peringkat Sarjana Muda di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS). Daripada jumlah tersebut, seramai **1,969** pelajar telah melanjutkan pengajian di **United Kingdom** dan seramai **967 pelajar** di **Amerika Syarikat**. Pecahan universiti dan pelajar mengikut negara adalah seperti berikut:-

BTN Negara	Jumlah Universiti	Jumlah Pelajar
<b>United Kingdom</b>		<b>1,969</b>
<b>2. Amerika Syarikat</b>	<b>4</b>	<b>96</b>
	<b>2</b>	<b>7</b>
<b>JUMLAH</b>		
<b>KESELURUHAN</b>	<b>10</b>	<b>2,936</b>
	<b>6</b>	



**SOALAN NO.114**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN LISAN

DARIPADA                    TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]

**SOALAN:**

TUAN TONY PUA KIAM WEE minta PERDANA MENTERI

menyatakan jumlah pengundi baru yang didaftarkan:-

- (a) oleh setiap parti politik untuk setiap suku tahun sejak 2008; dan
- (b) oleh SPR lain-lain pihak (seperti kakitangan Kerajaan dan POS Malaysia) setiap suku tahun sejak 2008.

**SOALAN NO.114**

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik) secara keseluruhannya, mengikut tempoh suku tahun untuk tahun 2009 dan 2010 adalah seperti dalam **Jadual 1**. Walau bagaimanapun, SPR tiada maklumat bagi jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih Wakil Parti-parti Politik untuk tahun 2008; dan
- (b) Jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan/Agensi Kerajaan) pula secara keseluruhannya, mengikut tempoh suku tahun bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti dalam **Jadual 2** manakala jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih Pos Malaysia Berhad mengikut tempoh suku tahun untuk tahun 2009 dan 2010 adalah seperti dalam **Jadual 3**. Walau bagaimanapun,

**SOALAN NO.114**

SPR tiada maklumat bagi jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih Wakil Jabatan/Agensi Kerajaan dan Penolong Pendaftar Pemilih Pos Malaysia Berhad untuk tahun 2008.

**Jadual 1**

**Jumlah Pemilih Baru Yang Telah Didaftarkan Oleh Penolong Pendaftar  
Pemilih Wakil Parti-Parti Politik**

<b>TAHUN</b>	<b>Suku Tahun Pertama</b>	<b>Suku Tahun Kedua</b>	<b>Suku Tahun SillllflKfl1</b>	<b>Suku Tahun Keempat</b>
2009	7,498	10,799	17,653	37,589
2010	6,8741	87,564	102,473	185,500

**Jadual 2**

**Jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar  
Pemilih (Wakil Jabatan/Agensi Kerajaan)**

**SOALAN NO.114**

<b>TAHUN</b>	<b>Suku Tahun Pertama</b>	<b>Suku Tahun HKHhMB</b>	<b>Suku Tahun 1</b>	<b>Suku Tahun Keempat</b>
2009	341	1,182	3,594	3,247
2010	7,737	8,746	15,858	26,814



**SOALAN NO.114**

**Jadual 3**

**Jumlah Pemilih Baru Yang Telah Didaftarkan Oleh Penolong Pendaftar  
Pemilih Pos Malaysia Berhad**

TAHUN	Suku Tahun Pertama	Suku Tahun Kedua	Suku Tahun Ketiga	Suku Tahun Keempat
2010	16,485	20,675	31,602	35,476
2009	6,573	1,344	9,67	8,35

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN TONY PUA KIAM WEE
	[ PETALING JAYA UTARA ]
TARIKH	28 JUN 2011

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) senarai terperinci nama dan nilai setiap projek ETP / EPP yang telah diumumkan; dan
- (b) nilai pelaburan yang telah dibuat sejak projek-projek ini diumumkan.

JAWAPAN :

Jawapan (a)

Secara Terperinci, nama dan nilai setiap projek ETP dan EPP yang telah diumumkan adalah seperti berikut:

NKEA/EPP	Projek	Pemilik	Nilai Peleburan (RM Juta)	GNI (RM Juta)	Jumlah Pekerjaan
<b>Agriculture</b>					
1	High-Value Herbal Plantation	East Coast Economic Region Development Council	2,200.00	235	
2	Swiitiet Mest Production	Yanming Sdn Bhd	5,00	8.70	103
6	Integrated Shrimp farming	iER Aquatech Resoures Sdn 8hd	375.00	9-500.00	2,800
9	Ifragrant Rice in Non-Granary Areas	MARDI	26.60	133.00	4,998
10	Upscaling Paddy Farming - Muda	MADA/BERMAS	99,80	1,033.00	
<b>BizServ</b>					
2	Giofaai Services Centra	AMO	537.44		SIS
3	Data Centres	MyTelehaus	250.00		
3	Data Centres	CSr Group	21.60		
3	Data Centres	Teliti Pats centres	400.00		
4	Green Tech LED/SSL Manufacturing	MVLED Group	175.00	100.00	900
<b>CC1</b>					
1	Hospitality IPTV	SelecTV	30.00	50.00	
1	Terrestrial Digital Broadcasting	Asia Media	500.00	604.00	400
2	Swiniet Mest Tracking Using mm	MCMC	45.00	561.00	100
3	Technology/Skills Transfer	Cisco	n/a	n/a	
3	MY Email	Tri cubes Berhad	50.00	39.00	
3	Baseline study: s-Counter	MAMPU/GJTN	3.25		155
3	Establishing a Telepresence Exchange	VADS, Cisco	21.30		153
7	Pro llerating Broadband Use	0881	n/a	n/a	
4	Proliferating Broadband Use	08KL	n/a	n/a	
10	Cahaya Malaysia Cable System	Telekom Malaysia, NTT Tech	418.50	538.33	
10	Batam Damsi Melaka Cable System	Teiekom Malaysia, Mori, Axiate	22.68	154.04	
10	Regional Network Consortium	Regional Network Consortium Sdn Bhd	0.24		1,220
<b>Education</b>					
1	ECCE Cluster	Ministry of Education	11.40		
2	E.CCE Consortium fr Training Hub	SEGI * 8 others	1,201.00	900.00	30,000
5	Skill Malaysia	MOHE			
6	Distance and Online teaming	Asia e*University		100.00	
7	Islamic Finance and Banking Education Cluster	International Islamic University Malaysia (HUM)	3,17	1,200.00	4,300
9	Engineering Cluster	Technology Park Malaysia	374.00	636.00	20,900
10	Hospitality Cluster	UCSI Uni	650.00		2,300
14	Premium Health Township	UCSI Group	850.00	2,300.00	2,000
<b>ml</b>					
1	Wafer Fab	LFoundry	1,900.00		6,500
2		Infineon	480.00	814.00	350
7	Solar Cell Manufacturing	AUO Sunpower	2,200.00		4,069
3	LSD PackagingCentre	Philips Lumileds	600.00		300
11	LED/SSL Certification Centre	QAV Technologies	12.00	510.00	150
12	RFID Technology	Smartag Solution	45.00	201.00	100
15	Home Applicanees Manu + Distrib	Pensonsc Holdings Serhad	250.00	500.00	850
<b>FS</b>					
Enablar	1MD8 (not counted)				



GKL					
1	financial Hub	Schiumberger	300.00		400
2	Talent Carp	Talent Corp			
4	MRT	SPAO	36,600.00	21,300.00	20,000
Enabler	Damansara City 2	Guocoland Sdn Bhd	1300.00		
Healthcare					
3	Genedc Pharmaceutical	Hovid 8hd	50.00		
3	Generic Pharmaceuticals	Biocon limited	500.00	1,372.08	450
4	Specialist Hospitals	Sime Darby Healthcare	240.00		785
4	Specialist Hospitals	Sime Darby Healthcare	m.w		754
5	Diagnostics Services iStexus	General Electric	30.00	340.60	1,500
6	Health Metropolis	University Malaya	1,250.00	986.00	10,400
GGE					
1	EOR Development/Investment	ExxonMobil	10		
2	Developing Maginal field	Petrofac, Sapura, Kencana	2,550.00		
2	Petroleum Tax Incentives			50,000.00	
3	Increased Exploration	Petronas			
4	Regional oil storage and trading hub	Dialog-Vopak, Pengerang	5,000.-013		5,000
5	Unlocking Latent Gas Demand	Muhibbah, Perunding Ranhill Worley	1,070.00		
5	Oil Field Services Unit	Malaysian Petroleum Resources Corporation		320.00	
5	Acquisition of Scientige	Bureau Veritas	24.00	111.00	550
3	Energy Audit	faber		13.00	
9	Savingvia Energy Efficiency	KetTHA	50.28	5400.00	
10	Renewable Energy Park	Cyparfc	34.29	12.16	20
11	Nuclear Power Plant	<b>MNPC</b>			
Enabler	Integrated Oil and Gas Hub	RG Gas and Chemical	1,000.00	360.00	250
Stabler	Industrial Park.	TanjongAgas	3,000.00	30,000.00	30,000
Enabler	Infrastructure Investment	TNB	4,000.00		
Enabler	infrastructure Investment	Shell	5,1,00.00	2300.00	1*650
Enabler	RAPID	Petronas	60,000.00	45,000.00	24000
Palm OH					
* Rubber					
I	Replanting oil Palms	MPQ8	297.00		
Z	Increasing ?FB Yield	MPOB			
4	EOR	MP08			
5	Siogas Plants	Feld a	100.00	182.00	260
6	Oleo Derivatives	Emery Gieochemicals	416.20	155.00	86
7	Slo-oil Plant	Premium Renewable Energy	mm		
<b>mw</b>	Commercialisation Skoprena/Puraprena	Felda/MARDEC	140.00	1,300.00	2,000
Tourism					
3	Johor Premium Outlets	Gentfng Simon Sdn Bhd	300.00		
5	Karambunai integrated Resort. City	Consortium - TS Chen Up Keong & group, Karambunai Corp 8hd (*KCS*) and PetailagTin Berhad ("PTS")	9,600.00	9,3X9.00	11,002
6	Straits Riviera	Globalporis	600.00	9,000.00	27,000
10	Business Toryism	MyCEB	50.00	3,300.00	16,700
11	Aircraft Purchase	AirAsia X	1,860.00	560.00	300
12	6-star Hotel	St Regis	1,200.00		6,200
12	Majestic Hotel	VTL Group	250.00		600
12	Telufc Data!	Teluk Datai Resorts (Khasanah Nasional)	1,000.00		
12	YTIPulauGaya	VTL Group	75.00		
Wholesale/Reta if				<b>MBMpBWI</b>	
1	Mydin	Mydin Mohamed Holdings	1 C 00.00		
2	TU&AR	EP0?^K, Mydin, Tesco, Carrefour	5,430.00	5,560.00	51,540
3	PAKAR	KPDMKX	50.00	3,520.00	55,400
10 !	Mines Wellness City	Country Heights Group	3,000.00	5,000.00	11,000
11 !	Unified Malaysia Sales	ICPDNKK MOTOUR		1,780.00	
12	New ICCT Terminal	Malaysia Airports Berhad	486.00		

Sehingga 13 Jun 2011, YAB Perdana Menteri telah membuat 6 pengumuman di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sebanyak 87 initiatif di bawah 65 EPP telah diumum di mana kesemua projek ini dapat menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM220.15 bilion dan dianqgar sebanyak 362,396

Jawapan (b)

pekerjaan akan diwujudkan hasil daripada initiatif-initiatif tersebut menjelang 2020.

Selain itu, secara keseluruhan syarikat-syarikat Swasta yang terlibat telah membuat komitmen pelaburan sebanyak RM169.78 bilion. Oleh kerana ETP adalah satu hala tuju jangka masa panjang untuk membantu negara mencapai status negara maju menjelang 2020, pengiraan GNI, pekerjaan yang terhasil dan juga pelaburan yang akan dibelanjakan dikira selaras dengan tempoh tersebut.

Terdapat banyak initiatif-initiatif di bawah ETP ini sudahpun berjalan dengan lancar seperti projek TUKAR di bawah NKEA Wholesale and Retail dan juga pembinaan Hotel St Regis di bawah NKEA Tourism. Walaupun demikian kebanyakan projek-projek besar di bawah ETP masih di dalam peringkat awal dan belum menampakkan kadar pelaburan yang signifikan. Projek-projek seperti MRT, RAPID di bawah PETRONAS, dan pelaburan daripada Shell untuk membina infrastruktur Oil and Gas di negara ini masih di dalam peringkat perancangan atau pengurusan penilaian.

Selain itu, terdapat juga banyak projek yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat-syarikat MNC di mana mereka tersenarai dalam bursa saham asing. Dengan itu, sebarang pengumuman terperinci berkaitan dengan pelaburan yang telah dibuat oleh mereka setakat ini hendaklah diambil secara berhati-hati oleh kerana peraturan yang ditetap oleh negara-negara tersebut dikawal secara ketat.

Walaupun demikian, terdapat banyak kelebihan yang dapat diperoleh hasil daripada pihak Kerajaan mengumumkan kesemua projek-projek tersebut walaupun sesetengah daripadanya berada dalam peringkat perancangan. Pertamanya ia telah meningkatkan keyakinan terhadap pelabur-pelabur asing terutama sekali apabila mereka melihat syarikat-syarikat ternama berlumba-lumba untuk meluaskan perniagaan di Malaysia. Selain itu, Kerajaan mengambil peluang ini untuk menjelaskan kepada Rakyat bagaimana projek-projek tersebut dapat membawa manfaat kepada semua secara am dan lebih meluas.

Perkara ini telah dibuktikan apabila kadar Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah meningkat pada suku pertama 2011, sebanyak RM11.1 bilion

berbanding RM5.1 bilion pada suku pertama tahun lepas. Jumlah perdagangan juga telah meningkat iaitu sebanyak RM305.3 bilion pada suku pertama 2011 berbanding RM278.5 bilion pada suku pertama 2010.

Berdasarkan angka daripada Jabatan Statistik, pelaburan daripada sektor pula swasta telah meningkat sebanyak 22.7% pada suku pertama 2011 berbanding tahun lepas. Angka tersebut sudah mencapai 36% daripada sasaran RM83 bilion pelaburan swasta yang diletakkan pada awal tahun.

Selebih itu, jumlah pelaburan daripada kerajaan telah berkurang sebanyak 19.3% berbanding tahun lepas kepada RM8.7 bilion. Dengan itu pelaburan sektor swasta adalah 77.5% daripada jumlah keseluruhan, meningkat daripada 65.1% di tempoh yang sama pada tahun lepas.

Ini menunjukkan Kerajaan benar-benar berkomited untuk memainkan peranan sebagai fasilitator dalam menjana perniagaan dan ekonomi Negara. Justeru itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dibentangkan, ia jelas menunjukkan bahawa Kerajaan kini telah meletakkan Negara pada landasan yang betul demi menuju ke arah status berpendapatan tinggi menjelang 2020.



NO SOALAN : 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

**BUKAN LISAN**

DARIPADA

**DATO' SHAMSUL ANUAR NASARAH**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan;

- a) Berapa keuntungan sebenar FELDA dan anak-anak syarikat FELDA yang terkini; dan
- b) Benarkah FELDA mengalami kerugian sebagaimana dakwaan sesetengah pihak, apakah sumbangan FELDA Plantations dan apakah kebaikan dengan kewujudannya.

JAWAPAN

**DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, **Kumpulan Felda Global Ventures Holdings (FGVH)** mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM366.37 juta (diaudit) manakala keuntungan sebelum cukai terkini Kumpulan FGVH bagi tempoh empat (4) bulan berakhir 30 April 2011 adalah sebanyak RM60.16 juta (tidak diaudit).

Syarikat bersekutu Kumpulan FGVH, **Felda Holdings Bhd (FHB)** mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 sebanyak RM760.10 juta (diaudit) manakala keuntungan sebelum cukai bagi tempoh 4 bulan berakhir 30 April 2011 adalah sebanyak RM122.14juta (tidak diaudit).

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang mengatakan bahawa FELDA mengalami kerugian adalah tidak benar. FELDA Plantations Sdn. Bhd. (FPSB) merupakan anak syarikat kepada FELDA yang menguruskan ladang tanpa peneroka. Kewujudannya adalah untuk membantu FELDA dalam menguruskan hal-hal berkaitan dengan ladang FELDA yang pada masa ini mempunyai keluasan kira-kira 339,644 hektar di seluruh negara.

Memandangkan FELDA tidak lagi diberi sebarang peruntukan untuk membiayai kos pengurusan dan pembangunan rancangan mulai tahun 1996 dan dikehendaki membiayai sendiri kos pengurusan dan perbelanjaan pembangunan melalui sumber peruntukan dalaman, maka keuntungan dari ladang inilah yang digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti di atas. Hasil keuntungan ladang FELDA digunakan untuk membiayai kos pengurusan FELDA, membiayai projek infrastruktur rancangan, membiayai urusan tanam semula peneroka, membayar insentif produktiviti, membiayai urusan kemasyarakatan dan aktiviti ekonomi peneroka dan lain-lain.

FELDA menyalurkan pelbagai bantuan kepada warga peneroknya dan ini turut meliputi generasi kedua FELDA. Antara sumbangan adalah dalam bidang

pendidikan generasi baru seperti bantuan pelajaran tinggi sebagai galakan kepada generasi baru untuk meneruskan pengajian di peringkat universiti, skim pinjaman pelajaran tinggi bagi membolehkan mereka menyambung pelajaran dan dana khas pelajar cemerlang bagi pelajar yang cemelang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk membolehkan mereka meneruskan pengajian di luar Negara. Selain itu juga, FELDA menyediakan peruntukan berjumlah RM50 juta setahun untuk melatih generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran. Melalui latihan kemahiran Generasi Baru Peneroka mendapat peluang pekerjaan yang sesuai selepas menamatkan latihan. Pelbagai bidang latihan kemahiran yang berdaya maju disediakan mengikut keperluan semasa. Pada masa ini, tumpuan diberikan dalam bidang latihan kemahiran profesional dan berprofil tinggi yang mempunyai pasaran kerja yang terbuka.

Bagi warga peneroka, bonus insentif produktiviti diberikan sebagai imbuhan dan galakan kepada peneroka yang membawa hasil mereka melalui FELDA dan menyertai program bersama FELDA. Pemberian ini juga sebagai penghargaan kepada peneroka yang turut memberi sumbangan terhadap kemajuan industri sawit Negara dan galakan supaya peneroka terus gigih berusaha lagi untuk meningkatkan produktiviti.

Selain itu, sumbangan hari raya atau lebih dikenali sebagai duit raya diberikan kepada semua warga peneroka FELDA seluruh Negara. Pemberian ini bertujuan membantu meringankan beban peneroka sebagai persiapan hari raya dan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka. Namun begitu,

pemberian wang hari raya ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan FELDA.

Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka diwujudkan bagi membantu warga peneroka yang menghidap penyakit kronik, bencana alam dan memerlukan alat bantuan kesihatan. Sumbangan ini diberikan bagi meringankan beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh peneroka.

0000000000000000  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN                          BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA :                          DATO'SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
    [LENGGONG]

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) apakah faktor yang boleh mengganggu Konsep 1 Malaysia serta adakah Kerajaan bercadang menjadikannya sebahagian mata pelajaran yang diajar di sekolah; dan
- (b) bagaimana ukuran dibuat bagi menentukan tahap penerimaan rakyat mengenai Konsep 1 Malaysia.

JAWAPAN:

**SOALAN NO:118**

Yang Berhormat,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah berusaha untuk menyemai, membina dan membentuk nilai-nilai 1 Malaysia melalui program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Walaubagaimanapun terdapat cabaran-cabaran yang timbul dalam usaha untuk memperkasakan pelaksanaan konsep 1 Malaysia seperti untuk mendapatkan penerimaan dan pemahaman rakyat terhadap konsep ini.

Sehubungan itu, beberapa siri kajian telah dijalankan dari masa ke semasa untuk menilai keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan. Semenjak Gagasan 1 Malaysia diperkenalkan pada 3 April 2009, hasil kajian yang dijalankan

menunjukkan bahawa lebih daripada 80% daripada responden bersetuju dan faham terhadap konsep 1 Malaysia, ini melebihi daripada sasaran 50% yang telah ditetapkan.

Selain itu, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kerajaan di peringkat Kebangsaan mahupun di peringkat Negeri telah menampakkan peningkatan penyertaan daripada pelbagai kaum. Ini dapat dilihat melalui Program Sambutan Hari Perayaan Utama, Sambutan Kemerdekaan dan lain-lain lagi.

Berkenaan untuk menjadikan konsep 1 Malaysia ini sebagai salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah, perkara ini amatlah baik dan Kementerian Pelajaran sepatutnya mempertimbangkan perkara ini.



DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN  
LISAN

SOALAN NO.: 118

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
[ LENGGONG]

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) Usaha dilakukan bagi mengatasi masalah pencemaran udara terutama kesan pembakaran hutan di negara jiran; dan
- (b) Bagaimana tahap kesedaran rakyat mengenai pencemaran udara dan kesan yang dijangkakan berlaku kepada negara kita. Apakah persediaan Kerajaan bagi menghadapi perubahan paras air laut akibat Pemanasan Global.
- Tuan Yang Di Pertua,
- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah jerebu yang berpunca dari negara jiran, Kementerian ini telah mengambil langkah pendekatan secara dua hala dengan pihak Kerajaan Indonesia di samping memainkan peranan yang aktif di peringkat ASEAN dan sub-serantau. Di peringkat dua hala, Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Indonesia pada 3 Jun 2008 bagi mencegah

kebakaran tanah dan hutan serta jerebu di Daerah Rokan Hilir, Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia.

**JAWAPAN:**

Di antara aktiviti dan kerjasama yang telah dijalankan dengan jayanya ialah mengadakan bengkel latihan amalan pembakaran sifar kepada ketua komuniti dan peladang-peladang dari Wilayah Riau, latihan pemadaman kebakaran kepada “Masyarakat Peduli Api” dari Wilayah Riau dan pemasangan sebuah stesen pengawasan kualiti udara di Bagan Siapi-api, Daerah Rokan Hilir, Riau.

Program kerjasama tersebut juga melibatkan projek perintis bagi mencegah kebakaran dan jerebu melalui pemuliharaan dan menambahbaik pengurusan tanah gambut di lima (5) buah kampung terpilih di daerah Rokan Hilir, Riau. Di antara pencapaian signifikan projek ini ialah pengenalan kepada konsep sekatan terusan dan sekatan saliran (di mana 7 buah terusan dibina) dan pembinaan 15 buah telaga takungan air di Desa Mumugo, Rokan Hilir, Riau.

Di peringkat ASEAN pula, pada tahun 2006 negara-negara sub- serantau yang dianggotai oleh 5 buah negara iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura telah bersepakat menukuhan satu jawatankuasa tertinggi di peringkat Menteri Alam Sekitar yang dikenali sebagai “Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution” bagi menyelaras dan membuat tindakan susulan secara berterusan ke atas program-program pencegahan dan kawalan jerebu merentas sempadan.

Forum MSC ini telah mula menunjukkan keberkesanannya apabila pihak Indonesia komited untuk melaksanakan pelan tindakan “Indonesia Plan of Action (PoA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution”.

Sehingga kini komitmen Kerajaan Indonesia untuk mengurangkan bilangan titik panas telah menunjukkan pencapaian yang positif di mana untuk tahun ini sehingga 10 Februari 2011 sebanyak 25% bilangan titik panas berjaya dikurangkan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010.

Kerajaan sentiasa memastikan agar tahap kesedaran alam sekitar di kalangan rakyat Malaysia termasuk mengenai pencemaran udara dipertingkatkan. Beberapa program dan aktiviti kesedaran alam sekitar telah dirancang dan dilaksanakan yang meliputi

berbagai lapisan rakyat hingga ke akar umbi. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Rakan Alam Sekitar yang melibatkan pelbagai program dan diterajui oleh pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Program ini bertujuan sebaik mungkin melaksanakan program-program secara *hands-on* (dengan izin), berkaitan aktiviti-aktiviti memulihara dan mencintai alam sekitar supaya kesannya kepada individu-individu terlibat adalah lebih baik dan mampu membuat perubahan sikap mereka terhadap alam sekitar.

Mengenai kesan pencemaran jerebu, negara akan menghadapi masalah sekiranya pencemaran udara berada di paras yang teruk termasuk daripada segi kesihatan rakyat, ekonomi dan pelancongan. Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah-langkah konkret bagi membendung pencemaran udara akibat jerebu daripada menjadi teruk. Antara langkah yang diambil ialah mencegah kebakaran hutan tanah gambut, mempertingkat penguatkuasaan ke atas pelepasan dari kenderaan bermotor dan kilang. Bagi jerebu yang berpunca dari negara jiran, usaha dua hala dan serantau untuk menangani masalah jerebu sentiasa dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai persediaan bagi menghadapi perubahan aras laut akibat pemanasan global dan perubahan iklim, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Menjalankan kajian untuk menghasilkan unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai negara bagi tahun 2020 hingga 2100. Unjuran ini akan digunakan untuk penilaian impak kepada infrastruktur sedia ada melalui kaedah *Coastal Vulnerability Index* (CVI) dan *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP);

- ii. Menjalankan kajian Indeks Kerentanan Pantai (atau CVI) untuk mengenal pasti kawasan pantai yang terdedah kepada kesan kenaikan aras laut serta untuk mengelakkan pembangunan di kawasan tersebut;
- iii. Melaksanakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (Integrated Shoreline Management Plan - ISMP) untuk membantu dalam perumusan dasar, garis panduan dan strategi supaya pembangunan di kawasan pantai dilaksanakan secara mapan;
- iv. Memantau secara berterusan kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sedia dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu; dan
- v. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk melaksanakan projek pengukuhan ban yang merangkumi pembinaan benteng batu dan meninggikan ban.

Sekian, terima kasih.

